



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, 23 November 2012 (Jumaat)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Lau Weng San (KampungTunku)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Telok Datok)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS., ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang)

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK (Sungai Panjang)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

TURUT HADIR

(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959)

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Encik Mohamad Redzuan bin Adam
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Mohd Saiful Nizam
Penolong Bentara

Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua belas bagi hari yang ke lima 23 November 2012 dimulakan dengan Bacaan Doa.

I. BACAAN DOA.

II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya membentangkan Kertas-kertas Mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bilangan 36 Tahun 2012
 - Laporan Projek Pendemokrasian Negeri Selangor.

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Kota Damansara. Tidak Hadir? Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya yang ke 85.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: TENDER TERBUKA

85. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- (a) Meminta kerajaan membuat jangkaan terhadap berapa banyak wang pembayar cukai yang berjaya dijimatkan melalui pelaksanaan tender terbuka untuk semua kerja perolehan dan pembangunan Kerajaan Negeri Selangor.
- (b) Adakah kerajaan masih mengamalkan sistem tender tertutup dan tender rundingan terus dan apakah syarat-syaratnya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahirrahmanirrahim. Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,* Salam Sejahtera Dato' Speaker, Yang Berhormat Kampung Tunku ingin membangkitkan tentang perkara tender terbuka. Sejauh manakah penjimatan yang telah didapati pada tahun 2012. Sehingga 31 Oktober 2012. Kerajaan Negeri telah berjaya menjimatkan sebanyak RM102,206,460 atau 19%

melalui 63 projek tender yang telah diluluskan dengan keseluruhan nilai tender sebanyak RM446.9 juta. Saya, untuk makluman Yang Berhormat Kampung Tunku, saya akan menghantarkan perincian tender-tender dan harga yang didapati. Kerajaan Negeri mengamalkan tender terbuka kerana ia dapat memberikan pulangan yang terbaik, *value for money* tetapi ada juga arahan Perbendaharaan berkenaan membolehkan rundingan terus dilaksanakan.

Satu ialah perolehan darurat iaitu keperluan mendesak yang perlu dilaksanakan serta-merta di mana kelewatan akan mudarat dan menjadikan perkhidmatan dan kepentingan awam, umpamanya banjir kena beli apa tu pam walaupun itu salah perancangan tetapi itu boleh dibeli tak payah tender terbuka dalam bentuk darurat.

Kedua, maksud penyeragaman di mana pembekal terdulu saja dapat membekalkan barang tersebut. Ipad nak tukar *the same* jadi itu boleh jadi satu punca bekalan perkhidmatan di mana syarikat tersebut sahaja yang dapat membekalkan barang tersebut. Ini kita tidak galakkan kerana monopoli melibatkan keselamatan strategik atau alat keselamatan projek *is strategy* yang perlu dirahsiakan. Ini bukan di Selangor tetapi kalau nak membeli senapang ataupun apa itu boleh di tak apalah tak boleh dihebahkan. Kontrak dengan syarikat pembuat bumiputera yang mana ada mereka-mereka yang terpaksa kita tolong supaya dapat meneruskan perniagaan mereka. Jadi inilah usaha kita dalam menggalakkan *value for money*.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih. Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya sila.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Saya ingin bertanya kepada Menteri Besar ada kalanya di bawah sistem tender terbuka ini kita memilih kontraktor atau pun pembekal yang menawarkan harga yang terendah tapi ada kalanya kontraktor yang menawarkan harga yang terendah ini ia dipilih tetapi mereka tidak dapat melaksanakan kerja-kerja yang diberi kepada mereka. Akhirnya kerja ini perlu di tender semula dan apakah cara penyelesaian terhadap masalah ini. Adakah kerajaan akan juga mengadakan sistem *cut off*?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Kampung Tunku. Dato' Speaker, saya telah membuat kajian yang ini pun saya telah buat kajian antara 2005 kepada 2007, 2009, 2010 sebab sebelum ini tidak berlakunya banyak tender terbuka maknanya tender terbuka berlaku tapi ada rundingan yang 2009 seterusnya tu kebanyakannya tender terbuka. Jadi satu andaian yang dikatakan bahawa kalau tender terbuka oleh kerana harga terendah terdapat apa yang dikatakan *failure* maknanya orang-orang yang menerima tender tu tak dapat menyelesaikan. Daripada perangkaan yang kita buat, kita dapati tak ada bezanya antara rundingan terus dengan tender terbuka dari segi peratus *failing*. *There is no different accept* kita dapat lebihan yang banyak boleh

kita simpan. *There is no different, no different meaning* kalau pun dalam 300 tender tu boleh jadi 2 yang tak berjaya dekat sini pun *most likely one or two* yang tak berjaya. Jadi maknanya kita tidak boleh menggunakan alasan tender terendah adalah yang menyebabkan kegagalan. Tak ada. *That's.*

Kedua, kita juga latih, latih pegawai kalau benar-benar petender tu memberikan harga yang tak munasabah maknanya terlalu rendah bukan itu kita *cut off* maknanya kita tak bagi dia langsung sebab dari kiraan kita dan ini dilakukan oleh satu pasukan yang berbeza. *Different team so that we remember him next time he cannot tender like this* tapi kita benarkan jadi dengan cara itu, kita mengamalkan satu keadaan yang kompetitif tetapi boleh dilaksanakan dan budaya ini saya rasa kita nak cuba teruskan.

TUAN SPEAKER : Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Tuan Speaker, soalan No. 86.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK: PERBELANJAAN AHLI MAJLIS PBT

86. Ahli-ahli Majlis diberi peruntukan untuk melaksanakan tugas mereka.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah elaun, peruntukan pecahan perbelanjaan dan jumlah diberi untuk setiap Ahli Majlis.
- b) Bagaimana prestasi Ahli Majlis diukur berdasarkan peruntukan diberi?
- c) Nyatakan jumlah peruntukan di belanja Ahli Majlis mengikut PBT dari 2008 hingga 2012.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Paya Jaras adalah berkenaan dengan perbelanjaan Ahli Majlis PBT. Merujuk kepada Seksyen 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171 memperuntukkan seperti berikut, "tiap-tiap seorang Ahli Majlis dan seorang yang dilantik ke sesuatu jawatankuasa di bawah Seksyen 28 hendaklah di bayar gaji atau boleh dibayar elaun mengikut sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri". Setiap Ahli Majlis yang telah dilantik diberikan elaun mengikut peruntukan yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Ini boleh dirujuk melalui Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iaitu Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Sila rujuk

lampiran yang menyeragamkan elauan-elauan tetap yang wajib diterima oleh setiap Ahli Majlis.

Prestasi Ahli Majlis akan diukur pada setiap akhir penggal melalui laporan prestasi Ahli Majlis. Penilaian ke atas seorang Ahli Majlis turut merangkumi prestasi perbelanjaan ke atas peruntukan yang diperuntukkan oleh PBT merangkumi jumlah aktiviti yang dianjurkan. Saya bagi contoh, seseorang Ahli Majlis perlu berkebolehan dalam merancang penggunaan peruntukan yang diterima berdasarkan jenis peruntukan untuk tujuan sosial, program-program pembangunan dan kerja-kerja pembaikan kecil. Ahli Majlis juga boleh baik, boleh bijak menganggarkan jumlah perbelanjaan bulanan berdasarkan peruntukan yang diberi dan tidak menggunakan peruntukan di saat-saat akhir. Prestasi Ahli Majlis di Majlis Perbandaran Subang Jaya misalnya dinilai melalui program pengiktirafan Jawatankuasa Penduduk. Penilaian dibuat berdasarkan tiga kriteria seperti berikut: pengurusan program kemasyarakatan, pengurusan kewangan JKP, pengurusan kerja-kerja segera ataupun inden. Manakala bagi Ahli Majlis di Majlis Daerah Kuala Langat, prestasi diukur berdasarkan kehadiran ataupun penglibatan orang ramai ke program yang dianjurkan. Laporan Ahli Majlis akan di bentang dan di bincang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan MDKL pada setiap bulan.

Peruntukan untuk setiap PBT oleh sebab jawapannya agak panjang, saya akan mengedarkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat tetapi dengan secara ringkasnya untuk peruntukan untuk semua PBT ke dua belas-dua belas tu ada yang telah mencecah RM7 juta sehingga hari ini seperti MBSA, MBPJ, MPAJ yang lain dari RM1 juta hingga RM4 juta. Ini terpulang kepada kedudukan kewangan PBT masing-masing.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, sila.

Y.B. DATO' IR MUHAMMAD BUSHRO BN MAT JOHOR: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya adakah di antara Ahli-ahli Majlis ini diambil atau diberi amaran sekiranya tidak melakukan ataupun menggunakan peruntukan wang dan sebagainya di dalam masa 4 tahun yang lalu.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIW: Tuan Speaker, memang ada Ahli Majlis yang dikatakan prestasinya kurang baik ataupun menggunakan dananya dengan cara yang tidak berapa betul dan biasanya selain daripada amaran, pada akhir penggalnya mereka akan diberhentikan dan digantikan dengan orang yang baru. Itu cara Negeri Selangor. Sebab itu penggal untuk Ahli Majlis adalah ditetapkan pada satu tahun ataupun satu setengah tahun supaya kerajaan negeri ada peluang untuk menukar Ahli Majlis yang tidak cekap ataupun tidak hemah untuk menggunakan wangnya. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan. Taman Medan ingin tahu jika sekiranya ada kekosongan jawatan Ahli Majlis di PBT, adakah lantikan akan dibuat terus-menerus? Ataupun menunggu penggal yang baru?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Apabila ada kekosongan, selalunya digantikan. Tetapi, ada kalanya kerana ketinggalan beberapa bulan saja jadi kerajaan tidak cadanglah untuk menggantikan ataupun memenuhi kekosongan itu. Tetapi kalau ini berlaku biasanya PBT akan melantik Ahli-ahli Majlis yang berkeupayaan supaya mereka juga menjaga kawasan yang ditentukan. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Dengkil. Ya.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING: Tuan Speaker, soalan nombor 87.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)

TAJUK: INDUSTRI KAMPUNG

87. Pengumpulan hasil industri kampung di Sepang telah tidak beroperasi.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Mengapakah pusat pengumpulan yang dianggap baik boleh terpaksa ditutup?
- b) Apakah usaha yang dibuat Kerajaan Negeri dalam membantu pengusaha IKS Sepang?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, pusat pengumpulan Sepang yang telah memulakan operasi pada Disember 2010 adalah merupakan *pilot project* bagi melaksanakan program memasarkan produk-produk IKS Negeri Selangor khususnya di daerah Sepang. Walau bagaimanapun, pusat pengumpulan tersebut telah ditutup setahun kemudian atas alasan pengurusan yang tidak berjaya mempromosikan tempat tersebut sebagai kawasan penjualan dan pengedaran produk IKS di daerah Sepang. Namun begitu, usaha telah dibuat untuk menghidupkan serta memajukan semula tempat tersebut dan pengendalian yang baru telah pun dilantik oleh Pejabat Daerah Sepang dan dijangka akan mulakan operasi pada Disember 2012 yang akan datang.

Bagi soalan kedua, antara usaha-usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk memajukan dan membantu IKS Sepang khususnya dan di seluruh Negeri Selangor adalah program-program seperti berikut :-

- i. Mewujudkan program khusus dan seminar kepada usahawan-usahawan sedia ada dan bakal usahawan dengan tujuan untuk memberi pendedahan mengenai pengurusan perniagaan khususnya dari segi pengurusan kewangan, pemasaran serta diterapkan juga motivasi keusahawanan bagi memantapkan lagi usahawan-usahawan di dalam bidang pengurusan perniagaan masing-masing;
- ii. Meningkatkan pembungkusan produk IKS. Di mana usahawan-usahawan yang dipilih dan mempunyai produk yang berpotensi serta berkualiti untuk dipertingkatkan dari segi tahap pembungkusan produk; seterusnya ialah
- iii. Bagi mendapatkan persijilan halal bagi IKS-IKS tersebut.

Kerajaan Negeri juga turut membawa bersama usahawan-usahawan yang berkelayakan untuk menyertai pelbagai program ekspo dan pameran bagi jualan produk-produk IKS di peringkat negeri dan juga nasional seperti Halal Fest, MAHA dan juga MIHAS.

Y.B. TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan 88.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)

TAJUK: MASJID BARU KG SUNGAI BUAYA

88. Tanah tapak cadangan Masjid Baru Kg Sungai Buaya telah lama diwartakan dan telah diminit dalam Mesyuarat Tindakan Daerah semasa pentadbiran kerajaan Barisan Nasional. Malangnya, Pakatgan Rakyat sebagai kerajaan negeri masih gagal membina masjid baru sehingga hari ini dan tiada tindakan kerajaan negeri dalam mempercepatkan pembinaan masjid tersebut kecuali hanya membaik pulih masjid lama itu pun dimaklumkan di bawah peruntukan Lembaga Zakat.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bilakah bangunan Masjid Kg Sg Buaya akan diluluskandan dibina?

b) Mengapakah kelewatan ini berlaku?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Y.B. Morib. Dato' Speaker, Masjid Baru Kg Sungai Buaya yang telah lama dicadangkan untuk dibina. Saya diberitahu bahawa masjid ini dimaklumkan di bawah peruntukan Lembaga Zakat dan jawapan yang berbelit-belit tiba kepada saya iaitu dia tidak termasuk dalam Perancangan Ke-10 dan kedua dia ni pula untuk dimasukkan ke Rancangan Ke-11.

Jawapan saya kepada Y.B. Morib, tiap-tiap tahun kita memperuntukkan pembinaan dua masjid setiap daerah. Setiap daerah kita akan adakan bajet untuk dua masjid. Jadi terpulang kepada daerah tersebut untuk memberikan keutamaan sebab dulu saya tengok masjid ini berasaskan kepada siapa yang banyak lobi dapat, tapi saya nak buat satu cara yang lebih teratur tiap-tiap daerah, tiap-tiap tahun mesti ada kelulusan untuk dua masjid. Kalau tak yang diberikan keutamaan. Dengan cara itu kita dapat tahu di mana dan mengapa kita pilih kawasan tersebut. Saya rasa dengan cara itu, permintaan akan kurangan dan keutamaan akan dapat diberikan.

Juga sudah tentulah ditanya mengapa belanjawan yang saudara perhatikan bahawa belanjawan negeri telah memperuntukkan lebih daripada 25% dari segi pembangunan JAIS (Jabatan Agama Islam). Jadi, oleh sebab itu jumlah itu pun saya rasa sudah sangat besar dan keutamaan juga kita berikan kepada pembinaan Sekolah Rendah Agama (SRA). Kalau Sekolah Rendah Agama ada, masjid juga ada. Kita utamakan Sekolah Rendah Agama. Itu kita punya polisi.

Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM: Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, silakan.

Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM: Terima kasih Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Soalan pertamanya, apakah ada mekanisma baru untuk pembinaan masjid baru di Selangor ketika ini di bawah Pakatan Rakyat dan berapakah jumlah masjid baru yang telah ataupun sedang dibina sepanjang pentadbiran Pakatan Rakyat? Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Y.B. Dato' Speaker, saya tak ada angka sekarang tapi saya memantau sekurang-kurangnya dua masjid dibuat di setiap daerah. Jadi kalau dua masjid dibuat setiap daerah, sekurang-kurangnya sekarang 18 masjid dalam proses pembinaan. Satu daripada kelemahan yang saya dapat ialah kelewatan memanggil tender. Tapi kelulusan sudah dibagi dan saya telah berbincang dengan Dato' SUK untuk sebelum bajet diluluskan, *bill of quantity* dah siap. Tak payah nak tunggu peringkat-peringkat. Jadi, saudara saya boleh hantar surat daripada Pengarah JAIS untuk memberitahu tentang masjid-masjid yang disiapkan. Saya baru daripada Jeram dah siap di Ijok sebab itu kawasan sayalah. Tapi itu bukan alasan saya. Itu sudah dalam perancangan yang telah dibuat.

Y.B. TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker, soalan 89.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: GELANGGANG SUKAN UNTUK OKU

89. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah dasar kerajaan negeri terhadap kemudahan sukan dan rekreasi bagi OKU di Negeri Selangor?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan sukan dan rekreasi ini?
- c) Jika ada, berapakah peruntukan dan di lokasi manakah kemudahan ini akan dibangunkan?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Hulu Kelang. Tuan Speaker, menjawab kepada soalan Hulu Kelang ‘gelanggang sukan untuk OKU’. Setakat ini belum ada dasar Kerajaan Negeri terhadap kemudahan sukan dan rekreasi bagi OKU di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun kemudahan-kemudahan umum masih lagi dikuatkuasakan terutamanya berkaitan dengan ruang tempat letak kereta, kemudahan laluan ke pejabat dan sebagainya.

Pada tahun ini Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada pembinaan gelanggang serba guna dan juga dataran anak muda. Yang mana kita mengharapkan setiap DUN akan dibina satu kemudahan ini yang saya kira kemudahan ini juga boleh digunakan untuk kongsi bersama dengan OKU yang mana mungkin beberapa kesesuaian boleh kita lihat yang mana ia juga boleh digunakan kepada OKU supaya akhirnya matlamat kita untuk pembinaan gelanggang anak muda dan gelanggang serbaguna dan dataran anak muda ini boleh diguna pakai bersama dengan keperluan-keperluan yang khusus mungkin kita boleh kita fikirkan ataupun boleh dicadangkan kepada negeri supaya matlamat ini tercapai. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Terima kasih Y.B. EXCO. Untuk makluman Dewan, anak-anak muda belia yang mempunyai cacat penglihatan makin bertambah minat dengan sukan futsal sedangkan tidak ada kemudahan tersebut. Sedangkan mereka memerlukan gelanggang futsal yang ada *side body*. Adakah EXCO akan menyokong sekiranya Hulu Kelang memohon dataran anak muda dan gelanggang futsal yang sudah sedia ada dinaiktaraf dengan peruntukan tertentu untuk digunakan oleh golongan anak muda yang cacat penglihatan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih Hulu Kelang. Saya melihat beberapa perkara yang boleh kita perbaiki termasuklah kemudahan tandas yang kita berikan yang saya kira juga mungkin tidak menepati keperluan untuk belia OKU dan cadangan Hulu Kelang tadi saya kira satu cadangan yang baik yang boleh kita sama-sama fikirkan seperti mana yang saya sebutkan tadi kita boleh perbaiki dan kita naiktarafkan gelanggang-gelanggang dan juga dataran anak muda ini supaya akhirnya ia menepati untuk kemudahan bersama belia ataupun anak muda yang biasa ataupun masyarakat biasa dan juga masyarakat OKU. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Batu Caves, tidak hadir. Teratai, tidak hadir. Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Speaker, soalan nombor 93.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR
(PAYA JARAS)**

TAJUK: PRESTASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

93. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah badan penting untuk pengurusan kemudahan dan kualiti hidup rakyat yang baik di kawasan bandar.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berdasarkan perkembangan kawasan dan penduduk, adakah boleh diwujudkan kawasan PBT baru di Selangor?
- b) Nyatakan lima PBT terbaik di Selangor, kriteria dan cara memantau prestasinya?
- c) PBT manakah di Selangor yang telah mendapat anugerah tertentu hasil kualiti perkhidmatan mereka dan kaedah untuk mengekalkan pencapaian?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Paya Jaras adalah berkenaan dengan prestasi Pihak Berkuasa Tempatan.

Tuan Speaker, dasar Kerajaan Negeri buat masa ini tiada keperluan untuk mewujudkan kawasan PBT baru di Selangor. Walau bagaimanapun, PBT baru akan diwujudkan sekiranya mempunyai keperluan selaras dengan pertumbuhan pesat sesuatu kawasan berdasarkan kriteria yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan iaitu (MMKT ke-60) pada 3 Jun 2008.

Lima PBT terbaik di Selangor dengan merujuk keputusan *Sistem Star Rating* Pihak Berkuasa Tempatan bagi 2010 hingga 2011 adalah seperti berikut :-

- i. Majlis Perbandaran Subang Jaya;
- ii. Majlis Bandar raya Petaling Jaya;
- iii. Majlis Perbandaran Klang;
- iv. Majlis Bandar raya Shah Alam; dan
- v. Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Tahniah saya ucapan kepada kelima-lima PBT. Lima PBT ini telah mendapat 4 bintang dengan kedudukan 11 terbaik daripada 149 buah PBT di Malaysia. *Star rating* (dengan izin) telah dilaksanakan di peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang dikenali sebagai *Sistem Star Rating* bagi menjalankan penilaian prestasi ke atas PBT Negeri Selangor termasuk PBT di negeri-negeri lain. Tujuan pelaksanaan sistem tersebut adalah bagi menilai tahap pencapaian penyampaian perkhidmatan PBT, meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut *ranking* agar PBT dapat meningkatkan daya saing masing-masing dan mengemaskini ciri-ciri PBT yang berprestasi tinggi supaya sentiasa menjaga dan memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi.

Pihak KPPT telah menggunakan sistem penggredan dengan berdasarkan penilaian ke atas 4 kriteria utama seperti berikut :-

- i. Pengurusan - 30%;
- ii. Perkhidmatan-perkhidmatan teras - 35%;
- iii. Pengurusan pelanggan – 15%; dan
- iv. Penyertaan komuniti dan pandangan penduduk iaitu :
- v. Penglibatan komuniti – 10%;
- vi. Pandangan penduduk (soal selidik) – 10%.

Dalam memastikan PBT sentiasa berada dalam keadaan konsisten dan meningkatkan prestasi dari semasa ke semasa, pelbagai mesyuarat, taklimat, bengkel dan pertemuan telah diadakan di antara Kerajaan Negeri dan pihak PBT. Kaedah ini menjadi *platform* kepada Kerajaan Negeri untuk mematau prestasi PBT sepanjang tahun.

Banyaklah PBT yang telah mendapat anugerah tertentu hasil kualiti perkhidmatan dan kerana jawapannya terlalu panjang, saya akan edarkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING: Tuan Speaker, soalan nombor 94.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK: PROGRAM MIKROKREDIT

94. Kerajaan telah memperkenalkan bantuan peniaga kepada peniaga kecil melalui Skim Mikrokredit dengan sebanyak peruntukan RM50 juta.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar :-

- a) Sehingga kini berapa ramaikah pemohon yang telah diluluskan mengikut kawasan DUN?
- b) Berapa jumlah pinjaman keseluruhan program yang diluluskan?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, untuk menjawab soalan Dengkil. Dengkil bertanyakan berapakah jumlah pemohon. Jadi jumlah pemohon yang telah diluluskan mengikut kawasan ataupun lebih tepatnya ialah kawasan daerah mengikut daerah sehingga kini seramai 6,758 orang yang mana jadual di bawah akan menunjukkan kemasukan sadiq ataupun peserta mengikut cawangan masing-masing. Cawangan ini kadang-kadang juga meliputi gabungan dua DUN terutama kalau yang duduk di sempadan. Jadi, saya akan bacakan.

- i. Bagi cawangan Sabak Bernam – 1,089 orang (sehingga 31 Oktober 2012);
- ii. Hulu Selangor – 965 orang;
- iii. Kuala Selangor – 1,077 orang;
- iv. Hulu Langat – 1,129 orang;
- v. Kuala Langat – 989 orang;

- vi. Sepang – 719 orang;
- vii. Gombak – 173 orang;
- viii. Petaling – 276 orang;
- ix. Klang – 341 orang

Dan jumlah keseluruhannya 6,758. Bagi kumulatif jumlah pinjaman keseluruhan sehingga 31 Oktober 2012 adalah sebanyak RM38,226,850 telah dibelanjakan dan jadual ini juga menunjukkan pembahagian mengikut cawangan di mana :-

- i. Sabak Bernam telah membelanjakan sebanyak RM8,093,400;
- ii. Hulu Selangor – RM6,020,000;
- iii. Kuala Selangor – RM5,144,150;
- iv. Hulu Langat- RM5,451,800;
- v. Kuala Langat – RM5,847,500;
- vi. Sepang – RM4,116,200;
- vii. Gombak – RM672,000;
- viii. Petaling - RM1,576,000; dan
- ix. Klang – RM1,305,800

Sekian, Tuan Speaker.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER: Sila Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Bangi ingin mengetahui daripada bantuan kepada peniaga-peniaga kecil ini, dapatkah diberi contoh peniaga-peniaga yang berjaya daripada hasil pinjaman, mengapa dia berjaya dan juga peniaga-peniaga yang gagal. Apa sebab gagal yang paling utama itu menyebabkan gagal? Terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Bangi. Kalau kita lihat Skim Mikrokredit di luar bandar ini konsep-konsep usahawan ataupun perniagaan ini berkumpulan (maknanya satu kumpulan itu meliputi 5 orang). Jadi, kalau kita lihat mikrokredit ini mekanisma mereka dalam konteks menjalankan perniagaan ini lebih berjaya. Kalau kita lihat bayaran semula adalah lebih kurang 99.9%. Tapi kalau ingin saya nyatakan di sini apakah jenis perniagaan dan sebagainya, saya tidak ada laporan tersebut di tangan. Insya-Allah saya akan maklumkan. Tetapi bagi melihat laporan yang telah kita dapati, boleh dikatakan kebanyakan mereka berjaya dan selalunya

(sekarang ini) mereka telah pun membuat pinjaman kali kedua. Berjaya dalam konteks pinjaman pertama itu dapat memenuhi keperluan pada ketika itu, tetapi bila pinjaman kedua dibuat, mereka telah mula menambah pendapatan (kadang-kadang melebihi RM2,000 sebulan). Jadi itu sebenarnya tujuan utama bila kita memberikan pinjaman kecil-kecilan ini, mereka telah pun mula membangunkan perniagaan. Boleh saya sebut di dalam Dewan yang mulia ini boleh dikatakan Mikrokredit Skim Sel ini ataupun luar bandar ini boleh dikatakan 100% berjaya. Terima kasih dari sudut perniagaannya.

Y.B. TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Tuan Speaker, soalan 95.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN WONG KOON MUN
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: PENILAIAN HARTA TANAH MILIK TALAM

95. Penilaian harta tanah milik TALAM Corporation Berhad (TALAM) yang diambil Kerajaan Negeri didapati melonjak empat kali ganda dari nilai asal.

Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar :-

- a) Nyatakan tanah-tanah milik TALAM yang diambil alih oleh negeri?
- b) Nyatakan nilai-nilai asal harta tanah tersebut dan nilai selepas pengambilan dan apakah faktor-faktor yang menyebabkan nilai-nilai harta tanah tersebut meningkat tinggi?
- c) Apakah harga penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta ke atas setiap aset yang diterima dalam kertas putih? Laporan AG menyatakan kedudukan kewangan UNISEL kurang baik, berapa banyakkah yang mereka telah terima dari transaksi dengan TALAM?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, Kuala Kubu Baharu membangkitkan tentang perkara TALAM yang sudah kita bentangkan dalam *white paper*. *White paper* itu memperincikan kesemua dokumen-dokumen dan juga kenyataan-kenyataan ini. Dan saya ingin nyatakan Kerajaan Negeri sentiasa memantau tentang penilaian dan penggunaan tanah-tanah tersebut. Jadi, nilai tanah ini kita buat kita mengambil kira 2 faktor. Satu faktor komersial, kedua faktor yang mana kita kena selesaikan urus niaga ataupun pembayaran oleh TALAM dengan cepat. Saya akan mengambil masa menggulung belanjawan untuk menerangkan tentang isu-isu TALAM.

Y.B. TUAN SPEAKER: Lembah Jaya.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Tuan Speaker, soalan nombor 96.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: ARAK

96. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Terdapat percanggahan antara Enakmen Agama Islam dan undang-undang PBT berhubung dengan penjualan arak. Apakah pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam merealisasikan masalah ini.

Y.B. TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Soalan berapa?

Y.B. TUAN SPEAKER: 96.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan Lembah Jaya adalah berkaitan dengan arak. Soalannya terdapat percanggahan di antara Enakmen Agama Islam dan undang-undang PBT berhubung dengan penjualan arak. Apakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan?

Jawapannya ialah selain pendekatan kawalan kendiri iaitu kendalikan sendiri yang diputuskan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam kes rampasan botol beer oleh MBSA, Jabatan Agama Islam Selangor terus menguatkuasakan Seksyen 17 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor Tahun 1995 kepada mereka yang terlibat. Seramai 125 tangkapan berhubung kesalahan arak telah dibuat bagi tahun 2012. terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa? Tidak hadir. Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker, soalan nombor 99.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: PENTERNAKAN

99. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan kawasan yang dikenal pasti dan dizonkan sebagai zon industri penterakan mengikut pecahan daerah dan apakah perancangan

- kerajaan negeri bagi mengatai penternakan dalam kawasan bandar khasnya untuk daerah Gombak?
- b) Apakah peratusan sumbangan bidang penternakan Negeri Selangor terhadap pasaran tempatan dan luar negara mengikut kategori penternakan bagi tahun 2007-2012?
 - c) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memodenkan dan mengembangkan industri penternakan di Negeri Selangor dan jenis insentif yang disediakan kepada penternak-penternak?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, bagi menjawab soalan daripada Rawang yang mahukan senarai kawasan yang dikenal pasti dan dizonkan sebagai zon industri penternakan. Kerajaan Negeri tidak menetapkan sebarang kawasan sebagai zon penternakan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah mengisyiharkan beberapa kawasan sebagai tanaman kekal pengeluaran makanan (TKPM) dan Taman Agrotek di mana aktiviti yang dijalankan di kawasan ini mestilah berkaitan dengan salah satu aktiviti pertanian, penternakan ataupun perikanan.

Selain TKPM atau Taman Agroteknologi ini yang mempunyai komponen ternakan adalah seperti berikut :-

- i. TKPM Sepintas, Sabak Bernam – ternakan ayam berdaging;
- ii. Taman Agroteknologi Sungai Panjang, Sabak Bernam – lembu berdaging;
- iii. Taman Agroteknologi Bestari Jaya, Kuala Kubu – ayam berdaging;
- iv. Taman Agroteknologi Bukit Changgang, Kuala Langat – kambing berdaging;
- v. Taman Agroteknologi Ulu Teris, Sepang – ayam berdaging, lembu berdaging dan kambing berdaging;
- vi. TKPM Semenyih, Hulu Langat - lembu tenuku;
- vii. TKPM Sungai Nilam, Hulu Selangor - lembu berdaging, lembu tenuku, kambing berdaging;
- viii. TKPM Sungai Jang, Hulu Selangor - ayam berdaging dan lembu berdaging;
- ix. TKPM Buluh Telur, Hulu Selangor – lembu berdaging;
- x. TKPM Sungai Tamu, Hulu Selangor - kambing berdaging dan lembu berdaging

Justifikasi utama kenapa Kerajaan Negeri tidak menetapkan zon khusus untuk penternakan adalah :-

- i. Peratus guna tanah untuk sektor ternakan di daerah-daerah adalah kecil berbanding sektor lain seperti perindustrian dan harta tanah. Justeru itu pertambahan projek penternakan lebih bercorak insitu di mana lebih bergantung kepada kemampuan pengusaha itu sendiri membangunkan projek penternakan secara lestari dengan pembangunan setempat;
- ii. Pejabat Tanah dan Daerah tidak mampu untuk mengkhaskan satu kawasan yang luas sebagai zon penternakan setelah mengambil kira keperluan guna tanah semasa;
- iii. Sebahagian penduduk luar bandar dan pinggir bandar melakukan aktiviti ternakan secara sambilan untuk menambah pendapatan dan peruntukan zon penternakan khusus akan menghalang aktiviti ekonomi sebegini.

Di Negeri Selangor juga merupakan negeri penternakan negeri ini di mana guna tanah untuk aktiviti pertanian. Tuan Speaker, soalan ini (jawapan seterusnya) saya akan hantar secara bertulis kepada Rawang.

Y.B. TUAN SPEAKER : Baik, terima kasih.

Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan tambahan.

Y.B. PUANGAN PEI NEI : Soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya, sila Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Di DUN Bangi ada satu bangunan yang telah siap (cantik, indahlah) untuk simpanan daging IKS juga, tetapi nampaknya terhenti daripada untuk dirasmikan kerana masalah yang dihadapi dari segi perparitan dan sebagainya. Saya ingat dah lebih pada setahun. Apakah usaha-usaha supaya bangunan industri untuk simpanan daging bagi IKS ini dapat digunakan dengan segeralah supaya tidak menjadi sebagai 'gajah putih'. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Kita minta supaya pengusaha-pengusaha itu kerana memenuhi syarat-syarat keperluan Pihak Berkuasa Tempatan. Seandainya ada masalah-masalah, boleh kita bantu dan untuk memastikan bahawa supaya pengusaha ini memenuhi semua syarat-syarat tersebut.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, tambahan. Ini adalah bangunan yang didirikan oleh pihak berkuasa kerajaanlah bukan oleh pengusaha. Pengusaha diberi peluang untuk mendapat ruang daripada bangunan-bangunan ini untuk tujuan menyimpan barang-barang yang bersifat makanan daginglah. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Benar. Oleh kerana bahan-bahan makanan ini dia ada syarat-syarat tertentu yang mana pihak yang dapat (kerajaan negeri sediakan lot tetapi peniaga hendaklah *comply* dengan peraturan-peraturan ditetapkan). Jadi, saya rasa kalau Bangi ada masalah boleh jumpa lepas ini. Saya sedia untuk membantu.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya. Apakah memandangkan memang tanah yang ada di Selangor adalah amat terhad, apakah langkah-langkah yang diadakan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memodenkan ataupun menggunakan teknologi moden dalam bidang penternakan ini untuk pembangunan bidang ini?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Antara langkah-langkah yang kita buat ialah pertamanya kita memperkenalkan *model fit lot* dengan menggunakan *effective microorganisme* untuk mengurangkan kadar bau dan juga supaya pencemaran air tidak digunakan. Kerajaan Negeri telah membelanjakan RM500,000 (setengah juta ringgit) untuk membina sebuah makmal EM yang mana pengusaha-pengusaha ini boleh mengambil EM ini dengan kadar harga yang sangat berpatutan. Boleh ambil di pusat veterinar kita di Kuala Langat.

Y.B. TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat? Tidak hadir. Sungai Pelek.

Y.B. TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker, soalan 101.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : HOTEL-HOTEL BAJET BANYAK DIBINA SEMENJAK PAKATAN
RAKYAT MEMERINTAH NEGERI SELANGOR DARI 2008**

101. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah sumbangan hotel bajet ini kepada pembangunan sosioekonomi negeri?

- b) Berapakah bilangan hotel-hotel bajet di seluruh Selangor sekarang mengikut PBT / Daerah?
- c) Apakah langkah kerajaan untuk mengawal selia operasi hotel-hotel?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan Sungai Pelek ada berkenaan dengan hotel-hotel bajet dibina semenjak Pakatan Rakyat memerintah negeri dari 2008. Beliau nak tanya apakah sumbangan hotel bajet.

Tuan Speaker, bilangan hotel bajet yang wujud pada hari ini dilihat bertepatan dengan keperluan sosial dan pembangunan ekonomi negeri pada hari ini berikutan permintaan terhadap hotel bajet semakin meningkat dari semasa ke semasa. Keadaan ini juga berlaku di negeri-negeri lain-lain seperti Johor, Penang dan Melaka. Kebanyakan hotel-hotel bajet ini mempunyai permintaan yang tinggi kerana perkara-perkara yang berikut :-

- i. Penginapan sementara bagi pelajar separuh masa;
- ii. Kegunaan persinggahan bagi urusan kerja dalam tempoh yang singkat seperti salesman;
- iii. Penginapan bagi keluarga yang datang melawat dalam tempoh yang singkat;
- iv. Alternatif kepada golongan berpendapatan rendah.

Kewujudan hotel bajet ini turut menyumbang kepada peningkatan sektor pelancongan negeri. Selain itu juga, kewujudan hotel bajet dilihat dapat membantu penduduk setempat menjana pendapatan daripada aspek peluang pekerjaan dan lain-lain perniagaan yang berkaitan seperti perkhidmatan dobi, pengangkutan dan lain-lain. Bilangan hotel bajet di seluruh Selangor sekarang mengikut PBT adalah seperti berikut :-

- | | | | |
|-------|----------|---|-----|
| i. | MBSA | - | 10; |
| ii. | MBPJ | - | 43; |
| iii. | MPK | - | 23; |
| iv. | MPAJ | - | 14; |
| v. | MPSJ | - | 41; |
| vi. | MPS | - | 23; |
| vii. | MPKj | - | 33; |
| viii. | MPSepang | - | 5; |
| ix. | MDKL | - | 8; |

x.	MDHS	—	4;
xi.	MDKS	—	7;
xii.	MDSB	—	16.

So, jumlahnya 224. Bagi mengawal aktiviti hotel bajet di Negeri Selangor, satu undang-undang kecil hotel telah disediakan sebagai rujukan kepada Pihak Berkuasa Tempatan di dalam melesenkan aktiviti tersebut. Di samping itu juga Pihak Berkuasa Tempatan akan melakukan pemantauan serta mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan terhadap hotel bajet yang melanggar syarat-syarat lesen. Terima kasih.

Y.B TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Pelek.

Y.B TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Tuan Speaker, Kita dapat bahawa ada hotel-hotel bajet yang menjalankan aktiviti yang kurang sihat dan dibuktikan oleh pihak Polis apabila buat serbuan. Jadi apakah tindakan Pihak Berkuasa Tempatan terhadap hotel-hotel yang demikian, adakah Kerajaan Negeri atau PBT-PBT akan menarik balik lesen dan tutup hotel-hotel bajet ini kerana Sungai Pelek selalu baca surat khabar tu hotel itu selepas dia masuk dibuka semula?. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, ini adalah berkaitan penguatkuasaan. Pemantauan memang sentiasa dilakukan oleh PBT kadang-kadang bersama dengan Polis kerana Polis ada lebih kuasalah dalam hal ini. Dan kalau jika ada bajet hotel yang berani melanggar undang-undang dan syarat-syarat PBT tidak, tidak lembutlah kita buka ataupun kita tutup ataupun kita tarik balik lesen. Tetapi sehingga hari ini keadaan bajet hotel di Negeri Selangor dikatakan di bawah kawalan yang baik.

Y.B TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Soalan tambahan. Tadi EXCO berikan jawapan-jawapan yang positif terhadap bajet hotel ini tetapi dalam pemeriksaan yang saya dulu bersama dengan teman-teman JAIS, pada bulan Disember tahun lepas mendapati hotel-hotel yang diperiksa itu memang terdapat ramai *couple-couple* Islam yang duduk bersekedudukan dalam bilik tersebut dan sebagainya pelajar-pelajar pengajian tinggi itu yang pertama. Yang Kedua saya lihat hotel-hotel ini memberikan apa ni bajetnya RM9.99 satu jam jadi dalam keadaan yang sedemikian memudahkan lagi kepada mereka yang melakukan maksiat menggunakan hotel sedemikian. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, memang ada golongan yang mengambil kesempatan untuk menggunakan bajet hotel untuk aktiviti yang kurang sihat tetapi aktiviti yang kurang sihat ataupun maksiat ini boleh diadakan di semua tempat

termasuk hotel bintang 5, 4, 3, rumah, apartment, kondo semualah. Jadi isu ini bagi Kerajaan Negeri adalah isu penguatkuasaan, pemantauan jadi semua PBT dan juga Polis juga Jabatan agensi kerajaan pusat yang lain diserulah bersama-sama membuat pemantauan dan membuat penguatkuasaan. Itu caranya, tak ada cara yang lain. Kalau kita nak katakan tak mahu aktiviti maksiat, dia banyak tempat dia boleh pergi. Terima kasih.

Y.B TUAN SPEAKER: Gombak Setia.

Y.B DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Tuan Speaker, soalan 10.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' DR. HASAN BIN MOHD MED ALI
(GOMBAK SETIA)

TAJUK: GEJALA MURTAD

102. Diakhir-akhir ini gejala memurtadkan Umat Islam dikatakan bertambah serius di Negeri Selangor. Tetapi melalui kenyataan akhbar Y.A.B pada 22 Februari 2012, beliau ragu tentang wujudnya gerak kerja memurtadkan orang-orang Melayu/Islam di negeri ini.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Minta Y.A.B Menteri Besar menjelaskan pandangan serta posisi yang diambil oleh beliau berhubung dengan isu murtad di Negeri Selangor?
- b) Sebagai EXCO Hal Ehwal Islam, apakah langkah konkret yang sedang dan akan diambil untuk mencegah gejala murtad yang menjadi kebimbangan Umat Islam di negeri ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, Gombak Setia bertanya tentang gejala murtad yang meminta pandangan Menteri Besar tentang perkara ini. Pertama, saya lihat isu murtad ini perlu ditentang dengan cara yang penuh bijaksana dari segi strategi kita strategi-strategi yang saya boleh rangkumkan kepada tiga. Satu ialah penjelasan berkenaan dengan ajaran Islam kepada masyarakat Islam dan ini telah dilakukan dengan cara dakwah yang berterusan dan ini saya lihat JAIS dari masa ke semasa dan mempunyai pasukan-pasukan yang tertentu untuk usaha ini.

Kedua, ialah saya dapat juga antara sebab masyarakat Islam boleh jadi terpengaruh ialah kerana kemiskinan. Jadi oleh sebab itu isu kebajikan masyarakat Islam itu mesti menjadi tumpuan utama kita. Jadi saya telah mencuba melihat bagaimana kita boleh mencantumkan usaha zakat, kebajikan masyarakat, tabung amanah Islam dan juga beberapa usaha supaya masyarakat Islam itu dapat dijaga oleh institusi-institusi Islam.

Ketiga, saya juga melihat kita mesti juga ada strategi pemantauan bagaimana dakwah-dakwa yang dilakukan oleh masyarakat bukan Islam untuk menarik masyarakat Islam. Strategi itu mesti dilihat dari segi mempelajari cara-cara mereka membuat dan bagaimana kita juga boleh dapat kaunter usaha-usaha yang dilakukan. Saya rasa ketiga-tiga ini bukan satu perkara yang boleh dibuat dalam masa satu hari tetapi menggalakkan budaya pemantauan budaya, sokongan dan budaya ini diteruskan.

Y.B DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Soalan Tambahan, Tuan Speaker.

Y.B TUAN SPEAKER: Sila...

Y.B DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI: Terima kasih Y.A.B. pertama sekali tentang serius tak seriusnya setakat penglibatan saya bersama-sama teman-teman JATI dan sebagainya sebenarnya gejala pemurtadan ini sangat serius dan saya mencadangkan supaya ada satu persidangan khas dengan Menteri Besar sebagai Ahli EXCO Agama mengambil daya utama untuk mengadakan dan memanggil pakar-pakarnya, saya pun boleh mencadangkan nama-nama pakar yang membuat kajian tentang hal ini. Nombor dua, saya hendakkan komen sebagai EXCO menjaga hal ehwal Islam di Negeri Selangor ini komen mengenai saranan yang mengatakan mengatakan *La i'qra Afiddin Katabainaruz* itu bukan sahaja termasuk kepada orang yang bukan Islam tetapi terpakai juga kepada Orang Melayu Islam. Ini membuka luaskan lagi pintu murtad. Sila. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, isu yang kedua mengenai ayat yang mengatakan terdapat kebebasan dari segi beragama itu tidak, bukan untuk orang yang sudah menjadi orang Islam. Itu, itu *clear*. Itu *clear*. Tapi perbincangan kita teruskan. Itu *clear* pada saya. Kalau seorang itu sudah menganut Agama Islam dia tidak boleh menukar agama, itu *clear*. Jadi saudara boleh bincangkan daripada pendapat sesiapa, itu dah *clear* jadi saya dan murtad itu dia *clear*, *clear* kalau dia jadi saya tidak menggunakan forum ini untuk membincangkan perkara tersebut. Tapi pada saya itu *clear*. Kalau tak *clear* kita jelaskan lagi. Ya itu sebab dakwah itu mesti berterusan.

Y.B TUAN SPEAKER: Ya, Sekinchan.

Y.B TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, Y.A.B. Dato' Menteri Besar oleh kerana isu-isu murtad ini selalu dibangkitkan di surat khabar, saya sebagai bukan Islam pun saya tertarik dengan isu ini dan saya nak tanya Y.A.B Dato' Menteri Besar berapakah kes-kes orang Islam yang dikatakan sudah di murtadkan. Jumlah seluruhnya di Negeri Selangor sejak Pakatan Rakyat dan sebelum Pakatan Rakyat memerintah dan didakwa di mahkamah. Berapa kesnya?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker dan saudara daripada Yang Berhormat Sekinchan, saya tak ada data di sini tapi jumlahnya oleh kerana isu murtad ini adalah isu perseorangan dan keluarga, Jadi ianya tidak merupakan satu perkara yang dihebahkan secara meluas. Jadi yang dimasukkan ke dalam mahkamah yang prosesnya tidak lebih daripada 10 tapi ini bukan isunya. Isunya ialah perkembangan tersebut, itu yang isu yang saya nyatakan. Jadi adalah tanggungjawab kita sebagai Orang Islam dan bukan Islam yang dalam satu masyarakat menghormati satu sama lain. Yang itu kita lakukan. Jadi kita hormati supaya kita menggalakkan Orang Islam yang beragama Islam terus memajukan agamanya dan kita juga menggalakkan kebebasan untuk orang yang bukan beragama Islam menjalankan keagamaan mereka. Itu satu strategi tapi bukan dalam surat khabar boleh jadi satu orang boleh jadi macam ramai. Jadi itu sebab saya nyatakan dengan penuh kebijaksanaan.

Y.B TUAN SPEAKER: Kajang.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)

TAJUK: PENDIDIKAN KOMUNITI

103. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah dasar kerajaan terhadap institusi bukan komersial (non-profit) yang menjalankan pendidikan bahasa ibunda dan pembelajaran sepanjang hayat?
- b) Apakah dasar kerajaan dalam pemberian sumbangan pendidikan komuniti minoriti seperti komuniti Punjabi, komuniti Orang Asli, komuniti UNHCR Rohinya?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Tuan Speaker, dan dari Kajang yang bertanya tentang pendidikan komuniti. Dasar Kerajaan negeri terhadap institusi *non-commercial (non-profit)* dengan izin yang menjalankan pendidikan bahasa ibunda dan pembelajaran sepanjang hayat ialah Kerajaan Negeri sentiasa terbuka dan tidak mempunyai apa-apa halangan untuk institusi non-profit yang melaksanakan pendidikan sepanjang hayat.

Yang kedua, dasar kerajaan dalam pemberian sumbangan pendidikan komuniti minoriti seperti Punjabi, komuniti Orang Asli, komuniti UNHCR Rohinya ialah Kerajaan Negeri sentiasa juga terbuka dan menggalakkan pendidikan asalkan ia selari dengan hala tuju pendidikan kita di Negeri Selangor ini. Dan saya telah menyentuhkan berhubung dengan perkara ini di mana saya menyebutkan seperti yang disebutkan oleh Kajang

dalam perbahasan kita akan berbincang di dalam mesyuarat Kerajaan Negeri untuk membuatkan dasar.

Y.B TUAN SPEAKER: Sila...

Y.B TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih. Kajang mendapati salah satu usaha yang dilakukan oleh Punjabi Education Trust Negeri Selangor mereka telah menyerah permohonan untuk bantuan sejak bulan Julai lagi. Dan pihak kerajaan belum ada memberi apa maklum balas sehingga hari ini, sudah akhir tahun. Dan mereka telah membelanjakan sebanyak RM1 juta tiap tahun. Adakah Negeri Selangor kerajaan kita akan memberi sumbangan sekurang-kurangnya RM100,000.00 kepada NGO ini yang menjalankan usaha ini. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Kajang yang prihatin, aaa seperti yang saya katakan tadi, ini dasar ini adalah dasar baru. Dasar kita buat selama ini adalah mengenai 3 jenis sekolah. Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Dan saya telah pun menyokong permohonan daripada Punjabi Trust ini untuk mendapatkan geran insya-Allah daripada Geran Selangorku kerana ia tidak diperuntukan dalam bajet tahunan 2012.

Y.B TUAN SPEAKER: Saya minta kalau ada siapa yang bawa handphone tolong matikan handphone ya. Sudah banyak gangguan pada pagi ini. Kalau tidak saya akan mengarahkan supaya *handphone* di larang dibawa ke dalam Dewan.

Y.B TUAN SPEAKER: Batu Caves, tidak hadir. Kota Alam Shah, tidak hadir. Meru.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: JANGKAAN KEUNTUNGAN UNISEL

106. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Meneri Besar:

- a) Berapakah keuntungan yang dijangkakan yang akan diperolehi oleh UNISEL selari dengan peningkatan pengambilan pelajar UNISEL?
- b) Apakah langkah-langkah positif yang diambil bagi menjimatkan perbelanjaan UNISEL?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Tuan Speaker, dan kepada Meru, Meru mahu tahu keuntungan yang dijangka akan diperolehi oleh UNISEL selari dengan peningkatan pengambilan pelajar UNISEL. Titik tolak pulangan atau *break event point* dengan izin adalah sebanyak 13,000 pelajar dengan anggaran pendapatan

RM110.5 juta dan anggaran perbelanjaan RM105 juta jadi insya-Allah angka 13,000 pelajar dijangka boleh dicapai pada tahun 2013. Pada tahun hadapan dijangka UNISEL akan capai keuntungan sekurang-kurangnya RM5 juta. Dan sekiranya perjanjian penyelenggaraan di asrama diselesaikan dengan adil, keuntungan boleh capai melebihi RM15 juta. Langkah untuk menjimatkan perbelanjaan UNISEL ialah kita mempastikan Modal Insan ini yang benar-benar mempunyai potensi dan menjiwai perjuangan UNISEL ini akan memegang pos-pos yang kritikal di dalam UNISEL dan membina sistem pengurusan kewangan yang berkesan, itu yang kedua. Langkah ketiga pengambilalihan bon dan bantuan penyelenggaraan oleh Kerajaan Negeri ini insya-Allah akan juga menjimatkan perbelanjaan UNISEL dan boleh menumpukan perhatian kepada proses pengajaran dan pembelajaran dan kita juga telah mengambilkan satu ketetapan di mana segala projek yang menelan belanja yang besar menggunakan kaedah *open tender* bukan seperti dulu yang berat sebelah dan tidak menguntungkan UNISEL dan sudah tentulah kita mahu UNISEL akan menumpu kepada kegiatan yang benar-benar dengan izin *value for money* berimpak besar dan mampu menarik pensyarah terbaik dan pelajar berpotensi tinggi. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih. Kita dapat kedua-dua pusat pengajian tinggi di bawah Kerajaan Negeri iaitu UNISEL dan KUIS menghadapai masalah akibat daripada asrama yang didirikan di dalam kedua-dua buah pengajian tinggi itu. Apakah masalah ini yang menghalang daripada diselesaikan dan apa cara kalau kita nak selesaikan. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Bangi. Untuk UNISEL insya-Allah memang kita sudah pun di dalam proses untuk menyelesaikan masalah asrama itu secara serius. Masalah kita berhadapan dengan Jana Niaga yang membina asrama itu telah pun kita selesaikan dan kita telah pun mendapatkan kelulusan, atau pun kita telah boleh membawa JKR untuk masuk membuat *forensic auditing* kepada asrama. Tentang KUIS juga ini di antara masalahnya Bangi, dimana ini adalah dasar-dasar lama. Asrama-asrama ini adalah hasil warisan Puan Pengerusi daripada pemerintah yang dahulu. Jadi kita sekarang ini melihatkan secara menyeluruh bagaimana kita nak mengatasi masalah ini dengan melihatkan cara terbaik untuk orang yang apa dia dekat KUIS pun ada di sini, juga yang bersama-sama membinakan asrama ini, kita cuba mencari kaedah yang paling baik dimana ia tidak menjelaskan kebijakan pelajar-pelajar kita tidak merencatkan proses pengajaran dan pembelajaran dan UNISEL insya-Allah kita sudah hampir selesai dan dalam KUIS ini adalah proses perundingan bersama-sama dengan kontraktor yang membina asrama ini.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Maaf tambahan. Ada kita mendapat maklumat bahawa pihak KUIS mahu membeli bangunan asrama yang dibangunkan,

asrama yang dibangunkan oleh pihak swasta apakah ini benar, apakah jalan ini juga diambil di UNISEL untuk diberi bangunan itu daripada pembina swasta. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: UNISEL, untuk UNISEL memang kita dalam proses untuk *take over*, *take over* asrama itu yang di B.O.T. berpuluhan tahun itu memang kita sudah dalam proses untuk mengambil KUIS. KUIS itu tengah masih dalam rancak perundingan lagi. Insya-Allah.

Y.B.TUAN SPEAKER : Sementara. Tidak hadir. Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya yang ke 108.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: KAMPUNG BAGAN NAKHODA OMAR (BNO)

108. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini permohonan untuk membatalkan kawasan tanah kerajaan di Bagan Simpang Empat BNO, Pekan Bagan Nakhoda Omar, Daerah Sabak Bernam seluas lebih kurang 56.5 ekar daripada rizab Melayu Sungai Lang GN 925-28 dan digantikan dengan kawasan berstatus tanah kerajaan dengan keluasan yang sama di kawasan KM 50.5 Sungai Panjang, Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam?

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, Kampung Tunku membangkitkan soalan Kampung Bagan Nakhoda Omar iaitu permohonan untuk membatalkan kawasan tanah kerajaan di Bagan Simpang Empat Bagan Nakhoda Omar yang seluas 56.5 ekar daripada rizab Melayu Sungai Lang dan digantikan dengan kawasan berstatuskan tanah kerajaan dengan keluasan yang sama di kawasan kilometer 50.5 Sungai Panjang Mukim Sungai Panjang, Daerah Sabak Bernam. Permohonan itu telah dibuat dan beberapa usaha untuk menentukan pertukaran itu tanah kerajaan dengan keluasan 50.5 Sungai Panjang Mukim Sungai Panjang telah ditolak oleh MMKN memandangkan penggantian tanah itu agak berlainan oleh sebab itu kita telah meminta Pentadbir Tanah untuk mencari kawasan-kawasan tanah pekan yang bersesuaian untuk dijadikan tanah gantian. Memandangkan kebanyakkan tanah-tanah pekan tidak banyak tanah-tanah di pekan yang berstatus rizab Melayu. Tambahan pun keluasan rizab Melayu di Daerah Sabak Bernam juga sangat besar iaitu 6,609, 6,6949 hektar dan oleh sebab itu

hanya yang kebanyakannya ialah tanah pertanian. Jadi oleh sebab itu kita kerajaan sentiasa, jadi maknanya kita tidak akan kita akan membenarkan mereka-mereka yang dikatakan berada di tanah rizab tersebut duduk disana dan hanya proses pentadbiran mengenai penggantian yang akan dilakukan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan tanah di Bagan Nakhoda ini oleh kerana sehingga kini statusnya masih rizab Melayu, maka telah timbul berbagai masalah. Pentadbiran mereka tidak dapat TOL dan sebagainya seringkali bergaduh dan apabila nak diadakan satu pelantar untuk menaikkan ikan sering kali disaman, disita dan sebagainya. Perkara ini mesti saya minta Yang Berhormat pantau perkara ini mesti diselesaikan kalau tidak ya mereka akan hidup dalam keadaan tertekan nak buat rutin harian pun terjejas. Minta satu tarikh Yang Amat Berhormat tetapkan supaya benda ini dapat diselesaikan. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Sekinchan, Dato' Speaker. Perkara tertekan ini bukan satu perkara tahun ini, tapi perkara tertekan ini sudah 50 tahun. Kita nak menyelesaikan dalam masa dua tahun kita telah setuju untuk buat tu. Jadi oleh kerana itu kita dah bagi usul maknanya kita telah bagi jaminan bahawa kita selesaikan. Jadi saya tidak hendak membagi masa yang tertentu tetapi saya sudah dalam KPI, KPI Pegawai Daerah dia sudah ditugaskan selesaikan perkara ini. Sudah termasuk dalam KPI Pegawai Daerah. Jadi dia akan selesaikan perkara ini. Tapi kalau nak katakan apa yang dikatakan tekanan kepada masyarakat Kampung Nakhoda Omar ini lebih hebat daripada berpuluh-puluh tahun dahulu. Jawapannya tidak. Dia lebih selesa. Tapi yang tak selesai ialah pertukaran hak milik tanah ya.

Y.B. TUAN SPEAKER : Sri Serdang. Tidak hadir. Hulu Kelang

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker soalan 110.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(HULU KELANG)**

TAJUK: PROGRAM MAMMOGRAM DAN PAP SMEAR DI DUN HULU KELANG

110. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah sebab khidmat mammogram dan *pap smear* percuma bagi wanita diberhentikan?
- b) Sejauh manakah pelaksanaan program ini mencapai sasaran sejuta wanita sihat di seluruh Negeri Selangor?
- c) Berapakah perbelanjaan yang telah di keluarkan bagi melaksanakan program mammogram dan *pap smear*?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, Hulu Kelang bertanya berkaitan dengan skim kesihatan wanita dan disini beliau mengatakan apakah sebenarnya perkhidmatan ini telah diberhentikan. Sebenarnya ingin saya menjawab di sini perkhidmatan tersebut yang dikenali sebagai skim kesihatan wanita tersebut bukan di berhentikan tetapi telah mejalani proses melihat semula dalam konteks pengoperasian skim SKW ataupun dalam konteks untuk teliti dan penambahbaikan program skim kesihatan ini untuk dilaksanakan. Dan baru-baru ini juga kita membuka semula tender kepada menawarkan tender kepada mereka yang ingin menawarkan perkhidmatan skim kesihatan ini dan alhamdullillah proses tender telah selesai dan insyaallah skim ini akan disambungkan.

Bagi menjawab soalan seterusnya manakah pelaksanaan program ini tercapai apakah pelaksanaan program ini mencapai sasaran. Saya mensasarkan bahawa kita ingin membudayakan atau advorkasikan kepada semua wanita bahawa mereka perlu menjaga kesihatan. Sebab itu sasaran satu juta wanita sihat itu diberikan pendekatan dan salah satu programnya atau projeknya ialah skim kesihatan wanita. Sehingga kita atau pun daripada permulaan 2010, tahun 2010 sehingga kini 17,582 orang wanita telah pun pergi mendapatkan perkhidmatan untuk memeriksa samaada mereka ini terlibat atau pun berisiko untuk mendapat kanser dan kita lihat di sini yang telah pun *suspected* ataupun dikenalpasti adalah sebanyak 115. Ini menunjukkan bahawa kesedaran rakyat di Negeri Selangor ini untuk pergi membuat pemeriksaan untuk memastikan mereka sihat ini telah pun bermula semenjak kita memulakan program ‘Skim Kesihatan Wanita’ ini. Dan Hulu Kelang juga bertanya seterusnya berapakah perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi melaksanakan program ini. Perbelanjaan yang telah kita peruntukkan untuk dalam tempoh 5 tahun, Kerajaan Negeri peruntukkan sebanyak RM5.2 juta yang mana kita meletak setiap tahun sebanyak RM1 juta untuk memastikan projek ini berjalan dengan lancar dan sehingga kini perbelanjaan yang telah dikeluarkan sebanyak RM1,582,380.00. Jadi saya juga mengharapkan semua Yang Berhormat akan lebih memberikan perhatian terhadap program ini kerana peruntukkan telah pun diujudkan kita harapkan skim ini dapat di lebar luaskan di kawasan masing-masing. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER: Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Yang Berhormat Speaker, EXCO. Selain daripada mammogram dan *pap smear* adakah untuk skim kesihatan wanita ini pihak kerajaan cuba meninjau pendekatan-pendekatan alternatif yang lain.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Selain daripada 2 program besar *mammogram*, *pap smear* kita ada juga projek atau pun skim-skim kesihatan yang lain. Samada dalam bentuk urutan, refleksologi dan yang terkini di bawah program pembudayaan wanita adalah untuk memberikan wanita program kesedaran untuk mengelakkan tekanan, tekanan hidup ianya dilaksanakan bagi memastikan wanita boleh menguruskan kesihatan diri dan sekali gus menguruskan kesihatan emosi mereka bagi memastikan mereka boleh apa ni atau pun boleh melaksanakan kehidupan dengan lebih tenang. Jadi selain daripada program itu sebenarnya banyak lagi program-program yang kita buat bersama dengan Jabatan Kebajikan sorry, Jabatan Kesihatan untuk dilaksanakan program-program pemeriksaan darah dan sebagainya. Memang program kesihatan ini sentiasa dilaksanakan secara bulanan. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Soalan tambahan. Tuan Speaker. Kalau kita lihat Batu Tiga ni dia *bias* kepada wanita sangat. Sebab apa ni kanser wanita, memberdayakan yang bicara lepas itu wanita. Tak ada program untuk lelaki. Jadi kita sakit juga. Masalahnya sepatutnya dia tak ada gender *discrimination* terhadap orang lelaki.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya sila.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Bangi. Soalan ini kerana saya memang menjaga Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita. Jadi kalau ianya ingin menguruskan hal ehwal semua saya rasa eloklah Jawatankuasa Tetap ini ditukar untuk dijadikan Hal Ehwal Lelaki dan Wanita atau hal ehwal keluarga. Jadi saya melaksanakan dalam konteks kebajikan. Tetapi bagi saya dalam konteks kesihatan ianya khusus di bawah portfolio sebenarnya Yang Berhormat Andalas atau EXCO Kesihatan kita ada di situ ya. Tapi saya ingin jelaskan di Dewan yang mulia ini saya tidak melakukan apa-apa diskriminasi terutama dalam aspek kebajikan rakyat. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker soalan nombor 111.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

111. Bertanya kepada Y.A.B/. Dato' Menteri Besar

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pelaksanaan projek rumah mampu milik di negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan berapakah perbezaan kos pembinaan bagi setiap unit rumah mampu milik di Bandar dan di desa serta berapakan jumlah subsidi yang ditanggung oleh pihak kerajaan?
- c) Sila senaraikan jumlah bilangan dan lokasi perancangan pembinaan rumah mampu milik oleh kerajaan negeri dan pihak swasta di seluruh Negeri Selangor mengikut pecahan daerah?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Terima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan. Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekelian. Sepertimana yang telah saya jawab tempoh hari sebelum ini bahawa berkenaan dengan perkembangan pelaksanaan projek mampu milik di Negeri Selangor, sekarang ini ianya dilaksanakan oleh dua badan atau dua sektor iaitu sektor swasta dan juga oleh kerajaan. Kerajaan yang meneraju oleh kerajaan adalah PKNS dimana sekarang ini PKNS sedang melaksanakan projek rumah mampu milik dalam dua fasa. Fasa pertama adalah di antara 2010 hingga 2013 iaitu sebanyak 1,215 unit iaitu yang pertama adalah di Seksyen U12 di Kampung Sri Temenggung, di Selangor Sains Park 2 Seksyen 5 Kota Puteri dan Antara Gapi. Untuk empat daripada projek ini ianya telah mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkua Tempatan dan di Kampung Sri Temenggung permohonan untuk kebenaran merancang telah di hantar kepada Majlis Perbandaran Selayang. Untuk fasa kedua adalah di antara 2014 hingga 2018 sebanyak 9,481 unit. Di Seksyen U10, Seksyen U12 Shah Alam, Bandar Sultan Suleiman di Klang, Jalan Haji Mat Sidin Klang, di Gombak di Kota Puteri, di Sepang di Seksyen 1D Fasa 1 dan di Hulu Selangor di Antara Gapi dan Bernam Jaya. Selain daripada itu kita juga atau Kerajaan Negeri menggalakkan sektor swasta untuk melaksanakan projek-projek perumahan mampu milik dan sekarang ini yang telah mendapat kelulusan untuk sektor swasta adalah di Seksyen U10 Petaling, di Pekan Baru Sungai, Pekan Bandar Baru Sungai Buloh iaitu di Petaling, di Kajang Bandar Botanic iaitu sebanyak 933 unit dan untuk menjawab soalan tentang rumah mampu

milik yang sedang dibina. Yang pertamanya ialah di Bandar Baru Bangi sebanyak 124 unit, di Sungai Long Kajang 136 unit dan di Bukit Botak yang boleh dikira sebagai rumah mampu milik sebab ianya di bawah RM100,000.00 semuanya 1,682 unit yang dijangka siap pertengahan tahun hadapan.

Berkenaan dengan kos untuk membina rumah mampu milik pihak Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengadakan satu bengkel rumah mampu milik iaitu satu bengkel 3 hari di mana kita jemput kepada semua pihak yang berkepentingan termasuk pemaju, termasuk PKNS dan termasuk Persatuan Pemaju-Pemaju hartanah iaitu REHDA, di dalam program tersebut telah dinyatakan bahawa kos untuk membina rumah mampu milik di sekitar 800-850 kaki persegi harganya adalah sebanyak RM130,000.00 seunit, itulah harganya, soalan sama ada tentang subsidi, subsidi kalau dijual RM100,000 seperti mana PKNS telah menjualnya bermaknanya subsidinya adalah RM30,000.00 sahaja. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Terima Kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan kerajaan telah mengadakan inisiatif untuk membina rumah mampu milik dan menampung RM30,000.00 satu unit ini tahniah kepada Kerajaan Negeri Selangor yang prihatin, maka saya nak tanya kerajaan dah buat di Sungai Long sudah buat ke? Bangi, Bukit Botak bilakah? kerajaan ada perancangan nak buat di daerah Sabak Bernam di mana di situ juga banyak permintaan tentang rumah mampu milik. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ada 2 strategi yang pertama sama ada dari sektor swasta ataupun daripada pihak kerajaan sendiri, kalau daripada pihak PKNS setakat ini tidak ada perancangan di Sabak Bernam atau di kawasan di situ tetapi kalau ada permohonan seperti mana sekarang ini ada banyak permohonan-permohonan daripada pemaju, jadi kalau ada permohonan, pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk mempertimbangkan permohonan tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya, Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN : Kajang ingin bertanya sama ada erajaan bersedia untuk membina rumah mampu milik di tempat-tempat bandar di mana akan menjalankan *Urban Regeneration*.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD : Ada cadangan-cadangan untuk dilaksanakan apa yang dipanggil sebagai *Urban Regeneration* di Shah Alam pun ada, ada cadangan-cadangan memang betul ada cadangan-cadangan dan kita pun masih menerima *proposal* atau cadangan-cadangan tentang *urban regeneration* dan kalau diambil bahasa yang lebih tepat di Indonesia ia dipanggil *urban regeneration* ia dipanggil ‘peremajaan bandar’ [dewan riuhh,...] jadi mungkin kita boleh menerima sebabnya ada cadangan di rumah-rumah kos rendah yang lama itu di remajakan

semula menjadi rumah mampu milik dan untuk menampungnya ada pembangunan lain yang akan menampung rumah mampu milik tersebut, terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Kemudian di awetkan lagi ya. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya ke 112.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK: PERMOHONAN MEMBINA KOLUMBARIUM DI PETALING JAYA

111. Persatuan Perkuburan Cina Petaling Jaya telah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling untuk membina kolumbarium di sebidang tanah berdekatan dengan tapak mereka untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah perkuburan di Petaling Jaya.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah perkembangan terkini memandangkan perkara ini telah dikemukakan oleh pemohon sejak lebih setahun yang lalu.
- b) Persatuan juga telah menulis kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk menjelaskan objektif permohonan mereka pada 27hb. September, 2012.

Y.B. TUAN RONIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Kampung Tunku bertanya soalannya ialah permohonan membina kolumbarium di Petaling Jaya, Persatuan Perkuburan Cina Petaling Jaya telah mengemukakan permohonan kepada Pejabat Tanah dan Daerah Petaling.

Tuan Speaker, berdasarkan Pelan Zon Guna tanah Utama Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1, iaitu Penggubahan (1), tapak cadangan ditandakan sebagai ‘zon kediaman berkepadatan tinggi’ jadi sekiranya cadangan ini hendak dipertimbangkan, pandangan awam/penduduk perlu dilaksanakan bagi tujuan proses pindaan terhadap rancangan Tempatan Petaling Jaya 1, Pengubahan (1).

Kerajaan Negeri difahamkan memang ada permintaan untuk kolumbarium di Petaling Jaya kerana tapak untuk kolumbarium yang sedia ada tidak mencukupi lagi, terima kasih.

YB. TUAN LAU WENG SAN : Soalan tambahan. Terima kasih. Tuan Speaker sebenarnya permohonan tanah ini dijalankan atas beberapa keping tanah di sekeliling

Persatuan Perkuburan Cina di Petaling Jaya Seksyen 51A iaitu sekeping tanah di depan dan juga sekeping tanah di belakang jadi pertanyaan saya ialah kedua-dua (2) permohonan ini sebenarnya telah mengambil masa yang terlalu lama untuk di proses dan sehingga sekarang saya rasa mereka telah kehilangan arah kepada sesiapa yang mereka nak rujuk untuk menyelesaikan masalah ini, saya meminta Kerajaan Negeri untuk menangani masalah ini dengan secepat mungkin kerana ianya melibatkan banyak agensi dan pada masa yang sama kita menghadapi kesuntukan masa dan oleh itu saya rasa kita meminta apakah? cadangan daripada kerajaan untuk membantu menyelesaikan masalah dengan secepat mungkin.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ini bukan soalan ini. siapa perlu jawab

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : ya, ya....

Y.B. TUAN SPEAKER : Siapa perlu jawab. Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TEOW SUAN : Tuan Speaker, soalan ini telah dijawab bersekali.

Y.B. TUAN SPEAKER : Baik, baik...Terima kasih. Sungai Air Tawar.

Y.B. DATO' RAJA HAJI IDERIS BIN RAJA AHMAD : Terima kasih Tuan Speaker soalan no. 114.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB. DATO' HAJI RAJA IDERIS BIN RAJA AHMAD (SEMENTA)
(SUNGAI AIR TAWAR)**

TAJUK: BALAI RAYA

114. Setelah hampir lima tahun memerintah, balai-balai raya yang diambil alih oleh Kerajaan Negeri dilihat terus terabai dan tidak digunakan untuk tujuan kemasyarakatan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Siapakah pihak yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah ini?
- b) Apakah tindakan kerajaan untuk membaik pulih dan membuka semua balai-balai raya tersebut untuk umum?
- c) Berapakah kos diperlukan jika semua balai-balai raya yang terabai muhup dipulihkan khasnya di DUN Sungai Air Tawar?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, soalan Sungai Air Tawar, di kawasan Sabak Bernam khususnya Sungai AirTawar terdapat 2 jenis balai

raya, satu balai raya dibina di tanah kerajaan, yang kedua 2 balai raya dibina di tanah persendirian, bagi balai raya yang berada di tanah kerajaan penjagaan dan tanggungjawab diletakkan di bawah jagaan JKJK kampung berkenaan dan pejabat daerah, bagi balai raya yang berada di tanah persendirian tiada pihak yang menjaga atau bertanggung jawab kecuali ada kebenaran daripada pilik tanah.

Soalan kedua apakah tindakan kerajaan untuk membaik pulih? Bagi balai raya pihak kerajaan pemantauan dan baik pulih sentiasa dilakukan, bagi balai raya yang berada di tanah persendirian di luar tanggung jawab pentadbiran ini kos pembaikan adalah berdasarkan kerosakan yang berlaku.

Y.B. TUAN SPEAKER : Sila, sila

Y.B. DATO' RAJA HAJI IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan. Adakah? Y.B. bersetuju berkata benar itu walau pahit tapi mulia, adakah? Y.B. sedar bahawa ada beberapa balai raya di DUN Sungai Air Tawar ini, kalau ikut jawapan Y.B. tadi tak ada masalahlah, bahawa bekalan api, air walaupun di tanah kerajaan telah dipotong, kemudian keadaan balai rayanya tidak terurus tak terjaga, ada semak samun dan tentu tidak digunakan bangunan pun telah banyak rosak, jadi mengapa? dibiarkan macam inilah, terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Sungai Air Tawar kena spesifik, kampung yang mana, balai yang mana Kerajaan Negeri akan sentiasa membaiki mananya balai raya yang digunakan yang rosak, tetapi kalau balai itu tidak digunakan memang kita tidak baiki lagi.

Y.B. DATO' RAJA HAJI IDERIS BIN RAJA AHMAD : Tuan Speaker, saya cadangkan supaya Y.B. turun sama saya dan jawapannya adalah, dan salah satu ialah balai raya kampung Dato' Hormat yang dah kena potong api dan airnya, dan yang kedua balai raya Sungai Air Tawar Barat, dan ada lagi, jadi kalau Y.B. setuju boleh ikut saya, kita turun.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Yang Berhormat, saya pastikan seandainya balai digunakan dan kita akan perbaiki.

Y.B. TUAN SPEAKER : Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, soalan 115.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PERTANIAN

115. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah keseluruhan kawasan kebun kecil kelapa yang terdapat di Negeri Selangor?
- b) Berapakah jumlah kluasan kebun-kebun kelapa yang telah di tanam semula dengan tanaman kelapa di Negeri Selangor dari tahun 2008 hingga 2011?
- c) Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk membantu meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Terima kasih Sungai Burong. berkaitan dengan pekebun kecil kelapa keseluruhan kawasan kebun kecil kelapa yang terdapat di Negeri Selangor adalah sebanyak 26 projek. Kebun-kebun kelapa yang telah di tanam semula dengan tanaman kelapa di Negeri Selangor pada tahun 2008 hingga 2011 ialah seperti berikut:-

Daerah	Jumlah kluasan	
Sabak Bernam	-	1,118.6
Kuala Selangor	-	407.5
Klang	-	20.0
Hulu Selangor	-	49.0
Sepang	-	16.0

JUMLAH KLUASAN KESELURUHAN **1,605 hektar**

Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk membantu meningkatkan pendapatan pekebun kecil kelapa adalah dengan memberi bantuan peruntukan menggalakkan penanaman tanaman selingan seperti menanam pisang ataupun koko, cuma pisang nipah tidak dibenarkan waktu ini, atau mewujudkan industri-industri sampingan seperti nata de coco atau pun minyak kelapa dara. Jumlah bantuan peruntukan bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM600,000.00.

Y.B. TUAN SPEAKER : Morib. Sila...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : soalan tambahan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Ya. Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Terima kasih Tuan Speaker, kerana membenarkan soalan tambahan. Selain daripada tanaman sampingan bagi meningkatkan pendapatan pekebun kecil kita dapat daripada kelapa itu sendiri terdapat sumber-sumber bahan-bahan yang boleh meningkatkan pendapatan, contohnya seperti tempurung kelapa, sabut kelapa, daun kelapa soalan Sungai Burong ialah adakah? usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan daripada hasil-hasil selain daripada buah kelapa itu, yang kedua adakah? insentif diberikan kepada mereka untuk meningkatkan penggunaan bahan-bahan ini supaya dapat menjamin pendapatan. terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Ya, memang ada, ada sebuah industri memproses tempurung kelapa untuk dijadikan arang yang ini kerajaan negeri telah beri bantuan dan juga memproses sabut kelapa untuk tujuan-tujuan nesery dan ini kerajaan negeri juga sedia untuk membantu, cuma perusahaan untuk membuat lidi nampaknya tidak ada buruh yang cukup untuk membuat penyapu terima kasih.

Y.B. TUAN SPEAKER : Morib. Sila...

Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM : Terima kasih Tuan Speaker, soalan 116.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI HASIMAN BIN SIDOM
(MORIB)**

TAJUK: MENAIK TARAF JALAN BANTING KE KG. SERI JUGRA

116. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah benar melalui sumber Kementerian Kerja Raya Malaysia telah memperuntukkan sejumlah RM50 juta untuk menaik taraf Jalan Banting Kg. Seri Jugra, Banting DUN Morib, Kuala Langat?
- b) Kalau ya! Mengapa berlaku kelewatan perlaksanaan projek berkenaan.?
- c) Bilakah projek berkenaan dapat dilaksanakan?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Morib, dan juga Dato' Speaker soalan Morib adalah mengenai menaik taraf jalan Banting ke Seri Jugra, peruntukan yang dibuat ialah melalui kerajaan persekutuan RM50 juta, buat masa ini nampaknya peruntukan itu belum turun lagi saya tak tahu juga macam jambatan dia tak turun jadi

saya telah meminta JKR untuk menggunakan duit negeri untuk membentulkan sebahagian daripada perkara tersebut, walau bagaimanapun saya akan minta kita untuk tahun hadapan mengadakan perbincangan dengan ICU ‘*Implementation Coordination Unit*’ ataupun di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk membincangkan tentang berapa banyak lagi projek-projek Kerajaan Persekutuan yang dijanjikan kepada kerajaan negeri masih dalam apa yang dipanggil perancangan dan bila masanya penurunan dana-dana tersebut.

Y.B. TUAN SPEAKER : Waktu pertanyaan sudah tamat. Saya tangguhkan untuk urusan seterusnya.

IV. RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN : Aturan urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2013 (2012) semua peringkat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Y.B. Dato' Speaker. Saya ingin meneruskan penggulungan saya mengenai belanjawan 2013 yang saya buat semalam. Saya tidak, saya menunggu kehadiran Y.B. Seri Serdang untuk menerangkan 2 perkara yang saya terpaksa terangkan. Tetapi nampaknya beliau tidak hadir tapi saya akan gunakan masa. Satu ialah tentang isu manifesto yang dikatakan merupakan perjanjian. Ianya ialah a *social contract* bukan a *commercial contract* itu yang saya nak jelaskan. *Social manifesto* dalam erti kata yang sebenarnya ialah dengan izin *return public declaration of intention, motive and reuse of the issuer*. Maknanya tujuan dia nak melakukan. Sudah tentu dalam manifesto kita akan nyatakan social programmed. Saya juga nak ingatkan rakan kita daripada Seri Serdang sebagai rekod ‘hansard’ contoh-contoh manifesto seumpamanya *United State Declaration of Independents* itu pun dipanggil manifesto. Umpamanya, manifesto dibuat oleh *Anti Racist Intellectual* itu pun ada manifesto dan saya membaca semasa saya di Oxford. its *call the Oxford manifesto*. Iaitu tujuannya untuk *liberal international*. Jadi, tujuan saya menyatakan di sini ialah satu ialah manifesto, kedua ialah program-program kebajikan rakyat. Program-program kebajikan rakyat saya juga tengok. Saya nak juga tunjukkan manifesto, saya bukan hendak apa itu untuk menerangkan kepada untuk kajian saya tunjukkan lagi satu manifesto bukan saya nak menunjukkan bahawa manifesto itu satu *social contract* saya ambil dalam Internet, manifesto Puteri UMNO boleh jadi apa itu ada juga yang berminat jadi yang sebagai landasan untuk wanita muda untuk melibatkan diri secara aktif dalam politik. Bertindak mencungkil, memupuk, menyerlahkan identiti wanita Melayu. Identiti generasi wanita Melayu muda yang cemerlang. Jawapannya, manifesto itu *is just a social contract* bukan satu perjanjian. Itu sebab saya nak tunjukkan. Boleh saya benarkan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih Y.A.B. Menteri Besar, Dato' Speaker. Saya nak bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar kerana yang contoh yang diberikan tadi itu adalah satu dengan izin ya *wing of the political party* tapi setahu saya apabila dalam pilihan raya apabila satu-satu manifesto dikeluarkan, maka sepatutnya itu walaupun *social contract* ataupun apa kontrak pun *contract is a contract*. Itu janji kalau kiralah janji kepada rakyat apa yang akan dilakukan sekiranya kepercayaan diberikan. Jadi bagi saya bukan soal *whatever contract* tapi seharusnya lah sekurang-kurangnya kebanyakannya manifesto itu sepatutnya ditunaikan ataupun dijalankan. Itu pandangan saya, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Itulah saya nak menunggu kenyataan daripada Taman Templer tentang yang bertanya manifesto atau pun program-program yang dijanjikan oleh Pakatan Rakyat semasa pilihan raya 2008 sebenarnya secara keseluruhannya telah dapat kita jalankan. Jadi itu yang saya nak tunjukkan bukan saya, jadi manifesto itu untuk memberi kebajikan kepada rakyat dengan program-program yang kita jalankan ada, bukan tidak ada, yang dihebahkan oleh Seri Serdang nampaknya tidak ada langsung kita menjalankan program-program yang telah kita janjikan. Jadi, daripada angka-angka tersebut lebih daripada 80 % daripada program itu kita telah jalankan. Kalau kita tengok, saya tak nak mengambil masa itu sebab saya juga meneliti manifesto dan program-program yang dijanjikan oleh UMNO Barisan Nasional masa pilihan raya 2008 termasuk membasmi, termasuk kenyataan tersebut membasmi rasuah. Jadi jangan ketawalah, tapi jawapannya itu telah berlaku. Jadi saya tidak nak katakan walaupun tujuannya ada maknanya proses itu, program itu mengambil masa. Jadi saya berharap perkara ini disebarluaskan untuk penelitian Y.B. Seri Serdang.

Kedua faktor yang kedua Seri Serdang membangkitkan isu Penasihat Ekonomi yang dia boleh jadi rasa cemburu, kedua boleh jadi dia rasa tidak Penasihat Ekonomi tidak sesuai. Saya akan nyatakan kepada Seri Serdang, jika Seri Serdang pernah menjadi Menteri Kewangan selama 8 tahun saya boleh juga minta Seri Serdang menjadi penasihat. Tapi penasihat ini dipilih bukan atas nama, tetapi atas pengalaman. Pengalaman itu, saya dapati, pengalaman Datuk Seri Anwar Ibrahim dari segi mentadbir kewangan negeri dan negara adalah sangat sesuai. Jadi, oleh sebab itu, Seri Serdang mempersoalkan pemilihan. Pemilihan itu dijawab berasaskan pengalaman. Jadi pengalaman itu ada dan kita pilih. Saya untuk rekod Dewan. Ada beberapa perkara yang untuk rekod Dewan sekarang nampaknya terdapat perselisihan fahaman tentang kenyataan Seri Serdang mengenai pembinaan jambatan Klang yang Seri Serdang mengatakan itulah bencana kerana tidak memilih Barisan Nasional di Klang. Jadi oleh sebab itu, saya nampak MCA dan pihak Seri Serdang sekarang bertelingkah. Walau bagaimanapun, saya percaya kebajikan rakyat kita utamakan.

Saya juga ingin membangkitkan perkara mengenai oleh rakan kita Y.B. Kuala Kubu Baharu yang menyatakan tentang kertas putih. Jadi saya nak, saya berharap Y.B. Kuala Kubu Baharu dan rakan-rakan daripada MCA membaca kertas putih daripada kenyataan akhbar saya nampak tadi dia tidak membaca kertas putih dengan teliti. Jadi antara yang saya nak nyatakan, saya bacakan untuk bersama-sama adalah amat penting untuk menjelaskan terlebih dahulu latar belakang bagaimana terjadinya hutang-hutang TALAM tersebut dan bagaimana usaha-usaha yang telah dibuat oleh kerajaan terdahulu untuk memungut jumlah yang tertunggak itu telah gagal. Jadi kita tidak katakan tidak dibuat tetapi telah gagal. Pelunasan menyeluruh hutang TALAM dengan MBI pada tahun 2010 merupakan satu usaha murni yang baru oleh Kerajaan Negeri sekarang untuk mengutip kembali hutang TALAM selepas kerajaan terdahulu gagal menjayakannya. Itu sebab, kita tulis dalam *report* saya tidak, saya dapati kenyataan Kuala Kubu Baharu bahawa tidak berapa menyangkal bahawa perkara ini dibiarkan oleh kerajaan yang lama, tidak, yang kita nyatakan ada dibuat tetapi gagal, itu jawapan kita. Ada dibuat, saya ada rekod cara pembuatannya tetapi salah satu daripada perkara yang jelas dia mereka tidak bersungguh-sungguh untuk menyelesaiakannya. Sebab terdapat kenyataan dari Eksekutif TALAM yang menyatakan usaha ini sebab terdapat ada ganjaran untuk mereka-mereka yang cuba mendapatkan apa itu, tanah-tanah dan kontrak tersebut, ada ganjaran. Jawapan saya, saya ingin rekodkan dalam dewan saya telah beritahu TALAM kalau apa-apa ganjaran yang diberi kepada individu yang apa-apa ganjaran itu, sila nyatakan kepada kerajaan negeri supaya ganjaran itu ditolak dari hutang yang kita tentukan RM390 juta tersebut. Malangnya, dia tidak berani dan tidak beritahu. Jadi, saya rasa tidak boleh tolak daripada hutang-hutang tersebut. Itu sebabnya saya nak beritahu kerana kita nak tanya mengapa perkara ini berlaku. Kedua, penyelesaian ini dibuat secara global dan kerana lambat jawapannya kita kena selesaikan sebab dia mengambil masa dan hari ini bila kita bentangkan kertas putih ini dia ialah penyelesaian.

Jadi oleh sebab itulah saya berharap dan satu perkara yang dibangkitkan oleh Kuala Kubu Baharu, Y.B. daripada Kuala Kubu Baharu tentang penggunaan penilaian Jabatan Penilaian dan juga *private* penilaian. Satu perkara yang terutama mengenai situasi penilaian bukit tanah di Bukit Beruntung. Saya telah meneliti tentang perkara tersebut, saya dapati kebiasaannya, jadi takut rakyat rugi tentang perkara tersebut kebiasaannya JPPH, Jabatan Penilaian Harta tersebut menilai ditumpukan kepada penilaian premium, bukan urus niaga tanah. Urusan premium bukan urus niaga tanah dan JPPH ini pun tidak mempunyai pegawai yang banyak untuk menilai kesemuanya. Jadi, untuk usaha ini Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan yang telah dilihat oleh KPMG juga satu penilaian yang dibuat oleh Suleiman & Co. Suleiman & Co. telah membuat penilaian dan juga kita sebutkan tentang ceritanya, bukan kita, saya diberitahu dalam surat khabar saya baca iaitu bahawa penilaian ini telah tidak dilakukan dan KPMG telah tidak diberitahu tentang perbezaan penilaian. Jawapannya pernyataan itu tidak benar kita

telah beri dalam KPMG tentang rekod yang ada dan dalam senarai rekod-rekod KPMG pun ada tertulis Suleiman & Co. dan itu satu. Saya berharap perkara ini akan dibentangkan oleh Y.B. Kuala Kubu Baharu ataupun Y.B dari mana-mana MCA supaya saya tidak hendak menegakkan nama-nama mereka kerana dia mereka menggunakan TALAM untuk menunjukkan kebijaksanaan rupanya ternampak kebodohan juga.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Speaker.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jadi, saya nak nyatakan lepas tu saya beri peluang kepada Kuala Kubu Baharu untuk itu boleh membuat kenyataan akhbar dan kita boleh bersama-sama menerangkan ke mahkamah tentang apa yang kemasukan oleh pihak-pihak MCA.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN : Terima kasih kepada Speaker.

Y.B. TUAN SPEAKER : Saya belum beri lagi, sebenarnya Permatang dahulu. Saya beri Permatang dulu ya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Terima kasih Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Isu mengenai TALAM ini penyelesaiannya, kita boleh terima. Soal Barisan Nasional tidak ada halangan kalau ada usaha hendak dibuat soal pengambilan. Dan itu adalah hak Kerajaan Negeri, kita alu-alukan. Isunya ialah yang ditimbulkan ialah mengenai angka dan fakta. Itu sahaja. Isunya bagaimana manipulasi angka yang menyebabkan keadaan ini menjadi celaru dan ramai orang tidak jelas. Saya hendak ambil contoh dalam halaman kertas putih muka surat ke 13. Senang Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh rujuk. Saya hendak tanya beberapa soalan iaitu yang pertama, siapa yang menjadi jurunilai kepada Kerajaan Negeri dalam menentukan tanah Bukit Beruntung dan tanah-tanah yang lain? Ok, Saya melihat dalam laporan ini Suleiman & Co. dilantik penilaian awal oleh pihak TALAM Corporation. Saya hendak tanya persoalan yang pertama siapa mewakili Kerajaan Negeri? Apakah Jabatan Penilaian Harta? Sebab dalam laporan menunjukkan bahawa pada 3 Mac Penilaian Harta mengatakan harta itu hanya bernilai RM113 juta sedangkan Suleiman & Co. meletakkan harga RM375 juta. Ada perbezaan yang begitu besar di antara kedua-dua penilaian oleh swasta yang mewakili TALAM. Sudah pasti dia akan melihat sejauh mana setinggi mana pun nilai. Sedangkan JPPH meletakkan RM113 juta. Saya hairan Suleiman & Co. meletakkan harga RM375 juta dengan andaian tanah ini mempunyai status pembangunan bercampur. Jabatan Penilaian Harta menilai kerana jabatan ini menilai statusnya ialah pertanian. Dan jawapan daripada kertas putih ini menunjukkan bahawa TALAM pernah membayar premium untuk menukar kepada pembangunan bercampur dan telah membayar RM8 juta. Soalan kedua saya kepada Menteri Besar, bila TALAM ini membayar RM8 juta? Dan TALAM juga tidak dapat status pembangunan bercampur kerana tidak menjelaskan

yuran perparitan RM4 juta. 2 statement yang jelas. Tetapi yang menghairankan bagaimana pada tahun 2010 sebelum transaksi dibuat, MBI boleh membayar RM4 juta yuran tertangguh ini supaya nilaiannya pergi kepada tanah bercampur RM4 juta dibayar oleh MBI sedangkan tanah itu masih tanah milik TALAM. Dalam kes Yayasan Basmi Kemiskinan. Saya ambil contoh

TUAN SPEAKER: Tak, tak, jangan-jangan campur. Nanti keliru tak dapat jawapan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Kalau boleh ok, tak apa. Saya boleh teruskan. Saya ingat Menteri Besar boleh jelas. Kenapa tanah orang lain dijelaskan oleh MBI? Yuran itu? Semata-mata untuk menaikkan penilaian itu menjadi status tanah bercampur dan dia mendapat penilaian RM375 juta. Ini soalan yang saya nak bangkitkan. Kenapa, apa hak MBI bayarkan bagi pihak TALAM yuran ini? Dan akhirnya apabila dibayarkan yuran ini dia dapat status tanah bercampur dan nilainya menjadi RM375 juta. Tidak sebagaimana RM113 juta penilaian Jabatan Penilaian Harta. Soalan saya yang ketiga, sepatutnya sebagai mewakili Kerajaan Negeri, JPPH merupakan jabatan yang paling bertanggungjawab dalam apa pun penilaian sama ada kerajaan. Kalau individu, saya bersetuju dengan Kuala Kubu. Kalau individu hendak jual beli *willing seller willing buyer it does'nt matter* bolehlah ambil siapa pun. Tapi soalnya dan saya tak boleh terima kenyataan Menteri Besar kata Jabatan Penilaian itu tak cukup kakitangan. Itu bukan jawapan. Dan saya hendak penjelasan daripada Menteri Besar perkara yang saya sebut tadi. Terima kasih.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Ok, terima kasih. Yang saya nak jelas seperti mana yang Permatang tapi tak apa. Seperti mana yang report daripada Audit KPMG jelas bahawa dalam surat itu dia dikatakan *limitation*. *Our work covers only on financial aspect of The TALAM depts. receptions and recovery assizes does not extend to the legal and the valuation aspect of the exercise.* Bermakna ini KPMG report dia sebagai auditor hanya untuk check dengan izin *transparency*. Yang soalannya ialah bagaimana kita dapat satu angka untuk menselesaikan hutang? Kalau kita tidak melantik satu seperti mana dikatakan penilaian daripada jabatan. Ini wang rakyat. Ini bukan wang saya bukan wang Menteri Besar ataupun wang daripada korporat. Kerana rakyat tahu seperti itu yang tadi dibangkitkan oleh Permatang. Mengapa boleh bantu, boleh bantu TALAM untuk settle kan caruman perparitan dan hingga nilai itu sudah bertingkat?

TUAN SPEAKER: Tak, soalan itu dah bangkitkan jangan ulang lagi.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Ok. Sebagai satu

TUAN SPEAKER: Kalau tidak Yang Berhormat, bukan saya hendak ganggu. Sebab sekarang ini hendak minta penjelasan. Kalau kita buat semua panjang-panjang nanti keliru tak dapat jawapan. *Straight to the point.*

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Ok. Tunggu dulu. Itu sahaja sampai tahap ni. Sekian terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih banyak. Itu pun Yang Berhormat daripada Permatang dan juga daripada Kuala Kubu. Satu yang kita minta KPMG tengok adakah penilaian daripada segi *financial* tu munasabah. Munasabah daripada urus niaga, munasabah dari segi urus niaga. Bukan prosesnya. Munasabah daripada segi urus niaga. Jawapannya, olehnya munasabah dan kita akan tunjukkan mengapa dia munasabah. Sebab kita nak buat *global settlement*, *global settlement* bererti keseluruhannya. Kita nak cari supaya kita dapat dia bayar RM390 juta pada kita. Dia bayar RM390 juta daripada kita. Sebuah syarikat kita telah terangkan dalam buku ni kalau saudara baca page 670. Maknanya syarikat tu akan, akan jatuh. Jatuh maknanya kalau dia jatuh bukan sahaja kita tak dapat RM390 juta, kita tak dapat apa-apa. Jadi itu saudara. Itu sebab kita kena tengok, saudara kena perhatikan. Itu sebab yang tidak dilakukan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini. Dia tidak lihat secara urus niaga bagaimana kita nak dapat. Orang dah nak tenggelam bagaimana kita nak dapat harta daripada orang yang dah nak tenggelam. Jadi jawapannya, kita sediakan. Jadi jawapan Permatang itu, MBI apabila dia membayar RM4 juta tu nama tanah itu sudah ditukar kepada MBI. Baru MBI bayar RM4 juta. Jadi kita *protect our interest*, kita *protect*. Lepas tu we setuju dengan penilaian Suleiman & Co. tak payah tunggu lagi. Sebab, sebab, sebab apa? Sebab TALAM Corporation *is a public listed company*, *public listed company*. Dia tak boleh katakan kita boleh gunakan dia, dia tak ada. *Public listed company* kalau saudara Permatang tahu *puiblic listed company* tak perlu menggunakan hanya penilaian daripada JPPH. Dia boleh gunakan penilaian. *A commercial value*, *commercial value*. Jadi kita tengok Sulaiman & Co. *is a commercial value*. *We accepted that*. *We accapted the valuation*. Jadi dengan menerima *valuation* ini saudara tengok *comment* daripada KPMG. *They accepted the valuation*. Bila kita *accept the valuation* kita masukkan dalam pesetujuan untuk itu. Kita masukkan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Boleh penjelasan lagi sekali? Minta maaf Tuan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kalau TALAM meletakkan penilaian yang begitu tinggi berdasarkan juru nilai yang mereka lantik, apakah Kerajaan Negeri mesti terus bersetuju dengan harga yang sama? Itu isu dia.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya menerima bahawa penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian Harta, JPPH itu dibuat berdasarkan *agriculture value*. Betul dan ini bukan *agriculture value*. Dia bukan *agriculture value*. Jadi *this is not*. Jadi kalau dia penilaian salah, kita terima tak jadi apa. *It is not agriculture value*. *Agriculture value*. Jadi saudara kena juga pengalaman. Saya nak terangkan sedikit ya. Duduk dulu kemudian saudara. Pengalaman. Saudara mengambil, Kerajaan Negeri mengambil alih tanah kerajaan, tanah-tanah orang persendirian. Tanah-tanah orang persendirian, jadi *you* tengok tanah tu *agriculture* tetapi apabila tanah itu kita ambil, sebelahnya

sudah industri. Satu cara yang terbaik oleh Pegawai Daerah ialah mengukur dia dengan cara *agriculture* sebab harga murah. *Agriculture*, ambil. Apa orang tu buat? Dia pergi mahkamah, dia pergi mahkamah dia kata penilaian oleh kerajaan itu tidak adil kerana sebelahnya supaya ada penilaian industri. Apa mahkamah buat? Mahkamah mengambil kira, saudara dengar ni, mengambil kira tentang nilai yang ada bersangkutan dengan industri. Ada. Jadi saudara kena tahu itu. Ini bukan urus niaga kerajaan sahaja, ini urus niaga kerajaan dengan urus niaga kerajaan dengan syarikat. Di bawah yang diurus niaga di pasaran saham. Kita kena cepat lakukan ini kalau tidak dia akan hilang. Jadi bila saya buat urus niaga ini, saudara tengok cara, boleh jadi saudara mengikuti. Saya kenakan syarat kepada TALAM supaya jika terdapat kejatuhan daripada harga-harga ini, jika terdapat, saudara tengok dalam kontrak. Itu sebab saya suruh baca kontrak sampai habis. TALAM akan menambah lagi. Jadi ada dalam kontrak. Ini ada tertulis dalam kontrak tersebut. Jadi oleh sebab itu, Kerajaan Negeri tak takut. Ok, *you* kata RM300 juta, ok, *sign* dalam kontrak tu. Kalau kurang daripada RM300 juta *you* tambah. Jadi saya sudah buat. Jadi kita menggunakan kepakaran *commercial*. Bukan kepakaran *administrative*. Itu yang saya nak tunjukkan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya nak tanya boleh terangkan kepada Dewan dan rakyat Negeri Selangor, apa potensi Taman Tanah Bukit Beruntung yang dikatakan nilai begitu tinggi dan hampir melebihi RM200 juta daripada penilaian Jabatan Penilaian Harta dan yang kedua saya nak tanya mengenai yuran perparitan yang dibangkitkan yang dibayar oleh MBI. Kerana juru nilai membuat penilaian sebelum saya percaya, saya yakin dibuat penilaian sebelum menjadi aset kepada MBI. Betul? RM4 juta yuran perparitan yang dijelaskan itu untuk menjadikan, untuk menjadikan tanah itu bersifat pembangunan ialah selepas dibayar yuran perparitan. Saya yakin juru nilai membuat penilaian sebelum pembayaran perparitan. Sebab waktu itu selayaknya dinilai masih dalam hak milik TALAM. Tidak termasuk tidak dibayar. Bila dibayar memang dah sudah menjadi milik MBI, milik MBI. Bila sudah jadi milik MBI boleh dinilai berapa besar pun nilainya. Itu tak ada masalah. Tapi soalnya kenapa sebelum di, masih milik orang lain penilaian itu dibuat? Itu persoalan saya dan saya minta Menteri Besar, saya ulang balik. Apa potensi? Ini berdasarkan andaian sahaja yang ada di kawasan Bukit Beruntung dan bagaimana pula yang ketiga saya nak tanya apakah semua tanah itu mempunyai potensi yang sama? Sebab kita dalam laporan yang dibuat oleh pihak MCA ada kecerunan tahap 4, tahap 3. Tapi penilaian dibuat sama dengan jumlah semua ekar. Saya minta penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Permatang. Satu, kita tengok penilaian dibuat oleh Suleiman & Co. adalah berdasarkan *the commercial value*, *commercial value*. Saudara saya pun ada bagi untuk bacaan, untuk bacaan Sulaiman & Co. adalah berdas.....jadi jawapannya jika dia *based on this commercial value* kita

dapat ini nilainya. Jika JPPH *base on agriculture value*, ini nilainya. Jadi saudara sekarang pakar tengok, oh saudara *will accept, it should be more than agriculture value* tapi adakah ia sama dengan nilai Suleiman & Co. *That is your andaian saudara.* Jawapan kita bila kita tengok, jawapan kita bila kita tengok, nilainya hampir dengan Suleiman & Co. kita terima. Kita terima Suleiman & Co. bukan kita terima JPPH. Saudara kemudian lepas kita sain *agreement* tu apa kita lakukan. Kita nilai semula, kita nilai semula *base on* kita punya penilaian dan kita tidak hebahkan kepada masyarakat. Kita nilai semula. Jawapannya, penilaian kita lebih daripada harga Suleiman & Co. Ha..saudara nak bayar pada Menteri Besar ataupun bayar pada rakyat kita potong supaya kita dapat kongsi bersama-sama bonus yang akan kita hasilkan, tak ada. Jadi, saudara mempersoalkan samada *the value of the current land own by MBI is less than the value of the valuation. The answer is no.* Jadi itu sebab kita tunjukkan, itu sebab saya galakkan saudara MCA pergi mahkamah, sue Kerajaan Negeri kerana menipu rakyat Selangor ...ha...MACC...bawasuruh bawa MACC datang berduyun-duyun saya suruh MCA datang ambil ni, *but no, but we like to go to court with MCA. that's we like.* *This is a challenge.* Itu MCA. Ini perintah kerajaan Pakatan Rakyat, Pakatan Rakyat *would like to challenge.* Tak boleh cakap saja kat luar. Saya ada komplen sikit, saya bagi penerangan saya minta pegawai-pegawai rakan-rakan memberi penerangan tentang TALAM. Kita adakan supaya ada perbincangan seperti yang saudara Permatang itu....saya ada perbincangan. Saya...sebabnya saya nak terangkan di Dewan ini mengapa tak saya suruh Y.B. daripada Kinrara, ataupun daripada ahli-ahli EXCO dan ahli-ahli Dewan. Kerana saudara-saudara telah luluskan perancangan penyusunan semula penulasan TALAM ini pada dulu, saudara yang luluskan. Kalau saudara luluskan nak kata adakan perbincangan maknanya dia dah luluskan dia dah setujulah, buat apa pulak dia mempertahankan, ini lah mendengar penerangan daripada ahli masyarakat. Itu sebab saudara telah luluskan, saya telah tunjukkan saudara dalam kertas putih ni, kita telah luluskan. Dewan telah meluluskan. Jadi oleh sebab itu saya tak suruh kita, kita suruh ahli Dewan daripada PJ Utara, Ahli Dewan daripada apa tu, daripada Selayang dan juga daripada Kuala Selangor untuk menerangkan perkara ini termasuk wakil wanita dari Pejabat Menteri Besar untuk menerangkan. Apabila dia berlaku penerangan itu di Bandar Tun Razak saya tahu dia nak berminat untuk menerangkan pada masyarakat Bandar Tun Razak. Y.B. daripada Rawang telah pergi. Apa yang berlaku bukan perbincangan, apa yang berlaku ialah satu perkara yang mengertak. Ini tak boleh berlaku. Y.B. daripada Rawang saya benarkan untuk terangkan apa yang berlaku.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: aa...saya ingin mohon sedikit penjelasan daripada Y.B. Ijok sebab saya pun terkejut bila *mention* ADUN Rawang. Jadi saya ingin bertanya ADUN Rawang yang mana satu dan apa yang telah dilakukan oleh ADUN tersebut. Dan apa yang telah berlaku dilakukan oleh Y.B. tersebut.

TUAN SPEAKER : Y.B. Rawang...Y.B. Rawang.....

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Sebab saya terdengar.....

TUAN SPEAKER: Ya....jangan keliru sebab sekarang Y.A.B Menteri Besar minta Y.B. Rawang menceritakan pengalaman Y.B. di Bandar Tun Razak.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Ok, terima kasih. Saya ingin menceritakan bahawa satu platform.....

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN B. KAMAL: Y.B. Speaker minta maaf. Cerita kat luar mana boleh cerita-cerita ni...

TUAN SPEAKER: Baik Taman Templer. Sekarang ni *floor* ni siapa yang punya, *floor* ni Menteri Besar yang punya dia yang mintak. Cuma saya mintak jangan panjang ya...saya bagi dua minit.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rumusannya hari itu wakil daripada pihak Kerajaan Negeri Selangor Y.B. daripada PJ U, Y.B. daripada Selayang, Y.B. daripada Kuala Selangor dan juga wakil Puan Faekah hendak memberi penjelasan kepada umum tentang hutang TALAM di satu kompleks di Bandar Tun Razak. Malangnya wakil daripada MCA enggan terima apa yang hendak dijelaskan dan kita mengambil keputusan untuk keluar dari dewan sebab tiada minat sebenarnya untuk MCA tahu apa kebenaran sebenarnya dibawah hutang TALAM ini yang dibuat oleh pihak BN di zaman BN sendiri dan semasa keluar tu saya telah disepak, untuk sesiapa yang tidak dikenal.

Y.B.TUAN.WONG KOON MUN : Tuan Speaker, boleh saya celah sikit.

TUAN SPEAKER: Nanti, nanti, ini sebab *floor* MB bukan *floor* saya ni. Duduk dulu duduk dulu. Bagaimana....ya...Menteri Besar

Y.A.B. TAN SRI DATO'SERI MENTERI BESAR: Itu saya nak mengambarkan keadaannya. Tapi saya berharap keadaan ini tidak berlaku lagi. Kita akan juga bercadang untuk turun ke padang berjumpa dengan masyarakat untuk menerangkan kertas putih supaya kita telah buktikan apa yang kita telah lakukan.

Y.B.TUAN.WONG KOON MUN: Terima kasih kepada Y.A.B Menteri Besar. Pada hari itu saya juga ada di *floor* sana. Maka ini satu kenyataan yang pembohongan. Kerana empat orang itu masuk walaupun dia minta diri bahawa kata mereka tidak hendak bahas dan minta diri nak keluar. Bukan kita tidak benarkan. Kalau dia betul-betul bertanggungjawab untuk sebagai dengan izin ya, Speaker untuk Negeri Selangor ni, kalau apa yang dibentangkan dipentas hari itu, kalau mana-mana kalau yang tak betul yang salah mereka boleh tanya boleh soalkan mengapa mereka pilih keluar dari

dewan tak nak dengar apa penerangan yang kita buat. Itu satu pembohong besar daripada Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya ingin bagi sedikit penjelasan.

TUAN SPEAKER: Baik, baik....sekarang saya serahkan pada Dato' Menteri Besar....

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Saya rasa mungkin pihak MCA sendiri yang keliru. Mereka yang jemput untuk berdebat, kita pergi nak bagi penerangan, mereka enggan menerima wakil yang dilantik oleh pihak Kerajaan Selangor macam mana pulak mereka kata kita yang bohong. Saya rasa orang awam yang hadir pada hari itu wakil media yang hadir pada hari itu boleh menjadi saksi siapa sebenarnya pembohong dalam isu ini.

TUAN SPEAKER: Baik cukup, cukup, saya rasa isu ini kita serah pada mahkamah kalau ada masalah. Y.B., kita teruskan....

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Y.B. Dato Speaker saya nak hentikan sini sebab masa juga telah habis dalam perkara yang tidak termasuk penuh dalam belanjawan negeri.

Y.B.TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, Kajang ingin nak minta sedikit penjelasan daripada Y.A.B. Kajang ingin membuat satu perbandingan satu contoh kes TALAM ini iaitu seorang gadis telah diperkosa ...ya...diperkosa dan sudah dilahirkan anaknya dan anaknya dibuang ke tong sampah dan pihak Kerajaan Pakatan Rakyat ini sekarang ni dapati si anak ni yang terbuang ni dan dijaga dengan baik dan dia sudah sihat dan elok. Sekarang ni pihak yang memperkosakan gadis ini datang pulak mencari pasal. Bagaimana pendapat perbandingan ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker saya akan adakan satu perbincangan khas diluar Dewan untuk membincangkan perkara ini sebab saya rasa kekeliruan dan juga keinginan masyarakat untuk mengetahui tentang TALAM ini adalah sangat tinggi. Tapi tujuan kita ialah mencari jalan supaya perkara-perkara yang sebegini, pengutipan hutang apa semua tu dapat diperbetulkan, supaya masa depan kita tidak terjebak dalam perkara ini. Itu sahaja sebab saya menerima Permatang untuk menerangkan dan saya terangkan tatacara yang kita buat. Kita, negeri kita sudah bertambah *more sophisticated*, maknanya lebih besar lagi pada dulu. Jadi saya berharap perkara ini dapat kita bincangkan lagi. Saya akan meminta pegawai Kerajaan Negeri untuk mengadakan beberapa penerangan dan penjelasan saya berharap ini dapat diterima oleh pihak MCA dan Barisan Nasional supaya mengadakan forum tentang penjelasan dan yang telah kita lakukan.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HJ. ABDUL RAZAK: Ok, terima kasih Speaker, Y.A.B Menteri Besar, saya tidak mahu memanjangkan perdebatan mengenai ini sebab saya yakin kalau saya bagi hujah Menteri Besarpun ada hujah sendiri. Tetapi saya nak tanya sebagai kesimpulan lah, sebab saya pun tak mau panjangkan. Mengenai penilaian balik mengenai perkara yang kita sebut tadi yang menjadi perdebatan kita. Perbezaan itu cukup ketara. RM375 juta dengan RM113 juta. Bererti *the difference is* RM262 million, RM262 juta. Kalau perbezaan itu RM50 juta ataupun mungkin 10% masyarakat boleh terima. *Even* 20% tetapi perbezaan itu RM262 juta, perbezaan antara JPPH dengan penilaian komersil. Itu persoalan saya. Saya punya persoalan Y.A.B. Menteri Besar apakah Kerajaan Negeri sebab Menteri Besar mewakili Kerajaan Negeri, apakah Y.A.B Menteri Besar yang selalu melaungkan dalam Dewan ini penghormatan kepada kakitangan awam menghormati kakitangan awam, JPPH ini kakitangan awam, apakah Y.A.B. Menteri Besar melihat bahawa kemampuan jabatan ini tidak sebab JPPH meletakkan penilaian juga ada rasionalnya. Pun melihat apa pembangunan di sekitar. Pun melihat apa-apa rancangan di masa depan. Merekapun boleh menilai. Apa jadi kalau misalnya satu tanah lain yang Kerajaan Negeri nak ambil daripada rakyat ambil berdasarkan penilaian komersil. Saya nak bagi contoh, penghinaan kepada kakitangan awam ini cukup tinggi Y.A.B. Menteri Besar. JPPH ini mewakili kakitangan awam. Mereka ada kakitangan, kepakaran.....

TUAN SPEAKER: Baik, saya rasa mesej cukup....ya...

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Aa....terima kasih Permatang. Permatang jangan juga suka menghina penjawat awam. Saya tunjukkan ini, saya dah suruh perkhidmatan awam menilai semula, jangan menghina mereka, mereka tahu sebab ini berasaskan *agriculturepertanian*. Saudara bandingkan di Ijok sendiri tanah pertanian dengan tanah yang dapat komersil yang lalu, bezanya. Saudara bukan tak tahu. Saudara juga pernah membina asrama. So tahu tentang penilaian, perbezaan antara penilaian itu sebab saya tunjuk, saya kata kesilapan yang dibuat ataupun perbezaan pandangan diantara JPPH yang dulu dan sekarang ialah perbezaan dari segi andaian. Kalau tanah tu tanah pertanian ini nilainya, kalau tanah ni tanah ...aa...apa tu...aa...komersil dan ini nilainya. Jawapannya itu sebab terdapat perbezaan. Terdapat perbezaan memang ada. Bukit Antarabangsa tunjukkan perbezaan antara penilaian yang dibuat oleh *scince factor*, bila dan apa. Ini berlaku, ini bukan tidak berlaku. Jadi saudara bukan saya nak merendahkan mutu, tidak, saudara mungkin nak merendahkan mutu penjawat awam supaya dapat emosional, tak boleh.....jangan. Mereka yang tulis paper ini. Bukan saya yang tulis. Penjawat awam yang tulis paper ini. Dan dia buat pulak, penjawat awam yang buat ni. Bukan cara dulu, bukan cara sebelum ini. Sebelum ini Menteri Besar tulis, lulus, pengsan penjawat awam. Sekarang tak ada, Menteri Besar tak ada lulus, *you lulus bukan saya*. *Its yours*. Pegawai Daerah adalah lebih penting daripada Menteri Besar sebab dalam undang-

undang Kanun Tanah Negara tidak ditulis perkataan Menteri Besar, tak ada. Jadi Saudara kena jaga baik. Jangan pusingkan kerana politik. Ini saya mencuba untuk mengembalikan harta rakyat rm390 juta supaya dapat dibayar oleh syarikat TALAM yang kita tidak kutip dulu. Itu soalannya..Sekarang saudara sudah pandai, oh...kutip...harga tak elok esok macam mana, duit belum dapat lagi harga tak elok dah. Kutip, tengok dia punya *evaluation*. Macam ini cara dia...tengok dia punya....drama besar duit tak dapat juga.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HJ. ABDUL RAZAK: Kalau Y.A.B. Menteri Besar kata saya menghina penjawat awam, bila masa saya menghina. Saya mempertahankan apa yang penjawat awam berikan nilai. Saya sebenarnya mempertahankan penjawat awam. Soalnya yang menulis kertas ini memang juga yang menjawabnya ialah penjawat awam yang menulis, saya tak menghina kertas ini sebab penjawat awam ini diarahkan oleh Menteri Besar untuk tulis, itu sahaja, penjawat awam ini, kita terima tak ada masalah.

TUAN SPEAKER : Ok ada soalan, ya...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HJ. ABDUL RAZAK : Ya itu, saya minta penjelasan Menteri Besar....yang mengatakan saya yang menghina....

Y.A.B. DATO'SERI MENTERI BESAR : Tidakyou mengatakan....

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HJ. ABDUL RAZAK : Saya boleh terima kalau *different* itu kecil, 113, ini sampai RM262 juta perbezaan, bagaimana duit rakyat ni..

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat cukup, saya rasa, saya rasa cukup, cukup, tenang, tenang Yang Berhormat dah cukup dah duduk, tenang, ya. Sekarang-sekarang saya rasa dan faham Yang Berhormat seandainya penilaian daripada Suleiman & Koh bukan Sulaiman Permatang kalau Sulaiman itu silap betul-betul tak betul langsung adakah kerajaan akan menanggung kerugian? Jadi saya minta Menteri Besar jawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Sebenarnya tidak, jawapannya tidak kedua Yang Berhormat dari Permatang saya nak jelaskan tidak mengatakan dia mengatakan dia bersetuju dengan penilaian yang dibuat oleh JPPH jawapannya benar tapi JPPH yang menilainya dia menilai dengan asas penilaiannya andaianya ialah *Agriculture*. Jadi saya tidak menjatuhkan maruah beliau. *Agriculture* boleh jadi RM1. Saya nak beritahu besok kalau betul penilaiannya bersetuju saya nak cadangkan dengan Dewan yang kita bagi tanah-tanah yang dibangkitkan oleh Sekinchan kepada MCA atau pun kita boleh ambil alih berdasarkan harga yang ditawarkan walaupun dia harga berbeza daripada tawaran yang di JPPH kerana harga itu lebih rendah, kita nak cari harga yang lebih rendah. Kedua itu saya nak tunjukkan andaianya jadi kita telah minta sekarang kita

ubah andaian, yang andaianya sekarang seperti yang dibuat oleh Sulaiman and Khoo, adakah andaian itu serupa. Kalau mengikut andaian yang dibuat oleh Suleiman & Koh jadi jawapannya penilaian hampir sama. Itu jawapan saudara menyatakan, saudara boleh tunjukkan kepada saya perbezaan tanah di Kampung Baru. Saya nak tunjukkan kalau tanah di Kampung Baru, Kampung Baru Kuala Lumpur diasaskan masih lagi *settlement* tanah *settlement* beritahu orang Kampung Baru tanah itu masih lagi dalam tanah *settlement* berapa nilai? Berapa nilai Kampung Baru yang ada sekarang. Kalau saudara memperjuangkan itu, itu sebab Pegawai-pegawai berbincang semula sama ada penilai jadi saya tidak mengambil dia ini buang saya suruh dia andaian, tidak menjatuhkan kerja sesiapa.

TUAN SPEAKER : Bagi Kuala Kubu Baharu. dulu

Y.B. TUAN WONG KUN MUN : Terima kasih, Tuan Speaker. Pada pandangan saya bahawa penilaian daripada JPPH itu dia tak bersalah. Dalam harga RM113 juta kerana caruman perparitan itu belum bayar maka satu pertukaran syarat itu belum di lulus penuhnya. Patutnya sebagai satu Kerajaan kalau kata dia rakyat sebagai *as a negotiator* dengan izin. Kalau saya pun sama juga kita mesti untuk *negotiate* satu harga yang paling murah bukan pergi untuk memihak kepada, itu satu yang kedua saya tanya mengapa harga tanah seperti ranau putra itu JPPH digunakan? Kalau seperti mana dijawab daripada Yang Amat Berhormat bahawa JPPH hanya untuk membuat penilaian premium tetapi mengapa ada yang aset-aset yang digunakan oleh JPPH yang ada tidak digunakan. Adakah ini untuk kesesuaian Yang Amat Berhormat sendiri? Satu, yang kedua ialah saya nak pergi ke satu transasi, satu akses lagi bahawa Suleiman & Koh, Hulu Yam telah menilaikan tanah itu RM12.7 juta tetapi transasinya sebanyak RM18 juta kerana seperti mana di katakan GSA bahawa tanah merupakan tanah yang sama yang ditetap nilai transasi sebanyak RM18 juta ini kerana perjanjian usaha sama bertarikh 26 Mei 1994 tapi jelas bahawa satu kenyataan yang telah dibuat oleh Menteri Besar bahawa saya bacakan ini

“Menteri Besar Incorporation has direct the State Agency to terminate the Agreement sign earlier with TALAM Group and enter into a new negotiation with TALAM Group for the recovery of the amount outstanding debt dua from TALAM Corporation”.

Bermakna ini dua ada bercanggah, kalau kita kata yang perjanjian dulu itu ditamatkan. Mengapa sekarang harga yang diberikan oleh Sulaiman Koh RM12,7 juta tapi Negeri Selangor ingin bayar RM18 juta kerana ada perjanjian. Manakala perjanjian ini telah ditamatkan pada 14 Julai 2009. Itu saya nak dapatkan penjelasan daripada Yang Amat Berhormat. Yang satu lagi ...

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat boleh tunggu kejap dulu, sebab masa tak cukup nanti semua soalan tak ada jawapan.

Y.B. TUAN WONG KUN MUN : Satu lagi, berapa kah bayaran kepada KPNG Auditor tak ada disebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Ah, sudah kita telah terangkan sebahagian daripada usaha ini ialah menyelesaikan kesemua apa cara Global, maknanya secara kita ada *negiotation*. Saya tahu sudah ada sekarang pakar selepas *Event, Post Event, Post Event* maknanya pakar selepas dalam *negiotation* kita tengok sama ada boleh ke tak boleh selesaikan. Kita *Post Event* boleh jadi saudara dalam kontrating pun saudara ada, ada yang kita ubah. Tetapi *the Global answer to this bottom line* sekarang sebagai *business*, kita nak *collect* RM392 juta. Perjanjian-perjanjian yang dibuat sebelum ini sebelum 2008 adanya yang tak betul. Kalau saudara tengok saudara rasa malu sebagai Kerajaan. Ada yang tak betul, saudara bagi PA kepada Syarikat untuk mengendalikannya, sudah ada bagi PA, bukanlah saya tak taulah.

Y. B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : You kata tak tau tapi saya nak tunjukkan apa yang berlaku.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Jadi kita simpulkan tujuan saya ialah kita simpulkan itu sebab, kita simpulkan kita bawa balik ke Dewan, kita simpulkan supaya akhirnya kita dapat kutip RM390 juta dan bila kita dapat RM390 juta atau lebih maknanya tujuan kita capai dan kita selesaikan perkara ini. Sudah tunjuk kita dah sain Agreement bagi saham pada dia, kita buat penilaian kita sendiri. Lepas itu dia pulangkan balik saham pada kita sebab dia kata dia tak boleh nak buat. Macam mana bila nak janji. Jadi kita tengok kita tengok saya bukti itu sebab saya tunjukkan perjanjian-perjanjian semua ada, ambil masa, ambil masa kalau tidak saya tunjukkan. Tujuannya *bottomline* seperti juga saudara kata tujuannya ada perbezaan pandangan tentang penilaian, memang ada, memang ada tetapi akhirnya kita *come out with a solution*. Penyelesaian ini dibuat memang telus tak ada kalau tidak, kalau dulu sebelum ini saya cabar Kerajaan Barisan Nasional, UMNO kalau benar-benar buat macam dibuat oleh kita dalam TALAM, NFC suruh buat ah suruh buat.

Y. B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Saya rasa Yang Amat Berhormat

TUAN SPEAKER : Nanti, dulu. Baik saya minta sekarang ini, ya tinggal hanya 6 minit saya terpaksa hentikan Perbahasan ini kerana Peruntukan di bawah Peraturan Tetap kena kita putuskan Rang Undang-Undang untuk Perbekalan untuk Bacaan Kali Kedua. Jadi kita tinggalkan sekarang 5 minit saya cuma bagi satu minit untuk bertanya supaya dapat jawab. Kalau tidak 5 minit cakap habis tak boleh lagi.

Y. B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK : Terima kasih, Tuan Speaker saya pergi kepada tanah di taman Bestari Jaya penilaian dibuat oleh Mitra Valuer pada 2009 untuk saya tak tau untuk pihak siapa, saya mohon Menteri Besar beri penjelasan

sama ada Mitra Valuer memberi penilaian ini bagi pihak TALAM atau pun kepada Kerajaan Negeri. Yang kedua apakah Kerajaan Negeri ada merujuk juga kepada JPPH untuk mendapat *valuation* untuk tanah di kawasan Taman Bestari Jaya. Dan yang ketiga saya berpandangan apabila penilaian ini dibuat berdasarkan penilaian yang lebih sepatutnya iaitu memang merugikan kerana nilai yang kita ambil tanah itu sepatutnya diambil daripada TALAM bukan jumlah ini kerana jumlah yang lebih besar dan lebih banyak sepatut diambil untuk mendapatkan jumlah RM390 juta hutang itu. Itu sepatutnya ada kerugian. Saya minta respon dua yang pertama itu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Saya boleh tunjukkan beberapa *valuation* saudara kalau berminat boleh melihat dokumen-dokumen itu baru saudara bincang sebab saya tak ada masa nak bincangkan perkara ini. Saya boleh jemput saudara boleh datang.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat boleh teruskan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR : Oleh kerana kesuntukan masa saya berharap dua perkara penting nak saya jelaskan. Ah satu ialah saya ingin memberitahu Dewan tentang peruntukan *reserve* yang RM500 juta yang kita nak gunakan walaupun ada Ahli-ahli Dewan menyatakan kita gunakan lebih daripada jumlah tersebut sebenarnya daripada pergi ke strategi kita tentukan hal ini sebagai contoh dari segi *financial strategi* kalau kita melakukan peningkatan untuk rumah mampu milik RM50 juta dan apabila kita dah buat sistem itu kita boleh tambah lagi melalui pembesaran projek tersebut, maknanya bila kita dah siap RM50 juta itu kita jual kepada pembeli-pembeli dengan duit itu kita akan pusingkan lagi jadi dengan erti kata bukanlah kita menetapkan RM50 juta tapi pembangunan itu melebihi daripada RM50 juta. Dengan cara itu kita dapat mengukur keberkesanan penggunaan dana-dana tersebut. Jadi itu sebab saya kita hadkan. Saya juga akan menerangkan bahawa apa yang dibangkitkan oleh Bukit Antarabangsa kita lihat terdapat kurang penjelasan tentang penambahan pembayaran untuk *development charges*. *Development charges* ini ialah satu perkara baru yang sudah dimulakan di Bandar Raya Kuala Lumpur di mana Bandar Raya Kuala Lumpur akan mengenai kenakan tambahan kepada pemaju-pemaju jika mereka nak meningkatkan lagi. Jadi dengan cara itu apa tujuan duit-duit tersebut. Duit-duit tersebut akan dimasukkan ke satu *trust fund* yang mana duit-duit tersebut akan digunakan untuk menambahkan prasarana kawasan-kawasan tersebut. Itu sebab dia dilakukan boleh jadi masa konsultan yang membuat kertas kerja itu pada tahun 2005, 2006 dia tidak termasuk dan mengcharges yang ada itu. Tapi sekarang oleh kerana itu *development charges* itu kena dikenakan untuk tujuan supaya tidak timbul masalah kekurangan dana untuk menyediakan prasarana yang sesuai dan saya akan minta YDP dan Datuk-datuk Bandar dan Pegawai-pegawai memberi pandangan kepada profesional kita. Profesional yang membuat laporan dan membuat permintaan ini supaya mereka jelas dan perkara ini boleh di lihat secara *transparent* di mana dana-

dana itu disalurkan. Jadi saya berharap kedua-dua ini masuk dalam rekod dan saya akan mengadakan meminta supaya Majlis penerangan dapat diberikan.

TUAN SPEAKER : Baik, terima kasih Yang Amat Berhormat.

TUAN SPEAKER : Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bernama suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Y.B. DATO' SPEAKER : Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 12.00 tengah hari maka saya tangguhkan Dewan sehingga pukul 2.30 petang pada petang ini. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan di sambung semula.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker saya memohon mencadangkan supaya Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Pembekalan Di Bawah Peraturan Tetap 66 (3) untuk menimbangkan Undang-undang ini Fasal demi Fasal.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa Perbekalan. Sebelum saya memulakan perbahasan dan Jawatankuasa Perbekalan ini. Sukacita saya mengumumkan bahawa saya telah menetapkan 3 jam untuk bahagian ini ya. Jadual B.(1) ini dan setiap ADUN yang diberi peluang akan diperuntukkan 20 minit. Baik silakan.

SETIAUSAHA DEWAN: Jadual B.(1) Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan RM94,713,174.03.00.

TUAN SPEAKER: Ya silakan Hulu Kelang.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tuan Speaker terima kasih. Merujuk kepada muka surat 136 dan 137. Butiran program aktiviti 505000 Kod Objek 20002900 yang melibatkan beberapa Jawatankuasa Tetap. Saya akan menyentuh beberapa Jawatankuasa Tetap Nombor 6 iaitu Jawatankuasa Tetap Tanah, Nombor 20 muka surat 137 Jawatankuasa Tetap Kebajikan, 21 Jawatankuasa Tetap Kebudayaan, 25 Jawatankuasa Tetap Kesihatan, 27 Jawatankuasa Tetap Kemiskinan, 34 Jawatankuasa Tetap Setinggan, 35 Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, 37 Jawatankuasa Tetap Pelancongan, 40 Jawatankuasa Tetap Pembangunan Kampung Baru. Bagi setiap Jawatankuasa ini saya akan menyentuh secara ringkas tapi saintifik khusus yang melibatkan kebajikan rakyat dan masyarakat di Hulu Kelang. Pertamanya tentang Jawatankuasa Tetap Tanah Butiran Kuasa ke-6 saya mendapat bahawa beberapa permohonan rakyat untuk mendapat hak milik tanah tetap sebagaimana dalam Lot.PT.934 Batu 8, Hulu Kelang setengah beberapa tahun tidak begitu diberikan perhatian oleh Jawatankuasa Tetap yang akhir-akhir ini saya mendapat maklumat bahawa pihak majlis sudah mencadangkan bahawa tempat itu hendaklah dicadangkan sebagai kawasan perniagaan. Dari segi moralnya saya merasakan pendekatan ini tidak selaras dengan hasrat rakyat hasrat Pakatan Rakyat untuk memberi keutamaan kepada

permohonan tanah kediaman. Dengan itu saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini Tuan Pengurus agar Kerajaan dan Jabatan yang berkenaan memberi perhatian yang sewajarnya dan setepatnya tentang perkara ini. Dan juga dari segi di kawasan Hulu Kelang beberapa lokasi tapak tanah yang tidak digunakan secara produktif tidak membawa hasil negeri boleh dianggap kawasan setinggan pun saya menyentuhnya khusus dalam penghujahan Jawatankuasa Dewan yang berkaitan dengan setinggan. Tapi saya melihat bahawa kawasan tanah kerajaan di Kampong Waja, Kampong Kemensah Tengah, Kampung Hulu Kelang Batu 7 ½ hingga Batu 8 sebagaiannya, Kampung Taman Warisan dibiarkan tidak terurus ini merugikan kerajaan dari segi cukai hasil tanah walaupun minimum tapi membawa pengertian yang besar sekiranya dikumpulkan. Isu ini telah saya bawakan sejak awal-awal lagi yang mana akan dibawa ke wakil rakyat tetapi tidak mempunyai satu pendekatan yang selaras dan sistematik dan ini saya mencadangkan agar Pihak Jawatankuasa Tetap mengambil mengagendakan pada tahun hadapan agar isu ini ditangani tepat dan berkesan. Saya juga ingin menyebut isu ini dalam konteks pengurusan cerun yang telah saya bahaskan dalam dasar iaitu bahawa baru-baru ini untuk membangunkan kawasan perumahan di Taman Seri Ukay dan Taman View seorang pemaju mendakwa bahawa kawasan cerun di sekitarnya itu tidak selamat dan kawasan-kawasan itu berada ditapak tanah kerajaan dan beliau seolah-olah menjanjikan bahawa sekiranya pemaju memberikan kebenaran untuk membangunkan kawasan perumahan kawasan yang dihasratkan oleh pemaju maka pihak pemaju dapat merawat dan menstabilkan cerun. Saya sebagai Wakil Rakyat yang hadir ke majlis taklimat tersebut merasa segan dan malu kerana seolah-olah pihak pemaju yang mendakwa bahawa keselamatan rakyat berada di tangan pemaju sedangkan ini sepatutnya ia berada di tangan kerajaan. Oleh sebab itu, saya perbahasan dasar baru-baru ini mencadangkan satu badan bebas mengesahkan sama ada benar dakwaan pemaju dan menjadikan tanggungjawab ini sebagai tanggungjawab Jawatankuasa Tetap untuk memastikan satu badan bebas satu perunding bebas satu agensi khusus sekiranya ada untuk menyiasat dan mengisytiharkan. Dan sekiranya kawasan itu benar-benar tidak selamat maka saya mencadangkan bahawa pihak kerajaan mengambil langkah untuk menggazetkan ke mengambil satu yang membolehkan perkara itu tidak pembangunan itu tidak diteruskan. Oleh itu saya meminta penjelasan ringkas daripada Dato' Menteri Besar dengan masa yang saya izinkan.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Kita telah menujuhkan satu badan baru untuk memantau dan mengurus tanah-tanah kerajaan yang dibangkitkan oleh Hulu Kelang memang perkara pernah kita hadapi masalah ini. Tetapi dengan penubuhan badan baru termasuk dan pengarahnya dan kita ada senarai tanah-tanah kerajaan yang akan dijaga. Jadi dengan cara itu kita seperti yang saya laporan dalam bajet belanjawan kita saya ada rekod aset-aset. Jadi dengan itu penjagaan aset-aset itu akan

dibuat secara lebih profesional kalau tidak dulu dibiarkan sahaja dan sudah tentulah orang yang berminat tanah tersebut akan mengatakan kerajaan tidak jaga tanah. Jadi oleh sebab itu kita buat kedua polisi kita kalau bukan untuk perumahan yang bukan kediaman yang jangka panjang kita akan jual tanah-tanah itu dengan harga pasaran supaya tidak ada pemilihan yang tidak adil kepada mereka-mereka ini. Jadi kita boleh jual dengan harga pasaran kita boleh gunakan duit itu untuk memberi kebajikan kepada rakyat. Jadi itu. Mengenai cerun saya telah tubuhkan satu kumpulan yang menilai cerun-cerun dan memberitahu kalau tanah itu tanah kerajaan pemberian cerun itu dibaiki oleh kerajaan. Dan kerajaan tidak boleh mengatakan tak ada duit itu semua. Kalau dia untuk swasta orang swastalah yang membetulkan. Kalau dia tidak membetulkan kerajaan akan membetulkan dan kita apa itu minta pihak swasta buat bayaran.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih. Seterusnya saya menyentuh Jawatankuasa Nombor 20 dan 21 Jawatankuasa Tetap Kebajikan dan Kebudayaan sekali gus berkaitan dengan Kebajikan peningkatan sudah ketara di Hulu Kelang tentang *respons* Jabatan Kebajikan Masyarakat tentang permohonan-permohonan rakyat yang mahukan bantuan. Ini saya ucapan tahniah Kerajaan Negeri dan dari segi Kebajikan selain agensi kerajaan juga di Hulu Kelang kami melaksanakan tugas-tugas bersama-sama NGO. Jadi adalah hasrat kami agar sumbangan NGO-NGO dalam Kebajikan ini diberikan pengiktirafan dan saya mencadangkan peruntukan-peruntukan yang tertentu diberikan oleh STANDCO Kebajikan untuk memperkasa dan memperkaya NGO-NGO ini untuk menyemarakkan lagi kerja-kerja bersama-sama rakyat di Hulu Kelang. Demikian juga tentang Kebudayaan saya perhatian bahawa ada agenda aktiviti STANDCO Kebudayaan untuk menyemarakkan teater tetapi hanya dua saya tidak faham maksud dua mesyuarat atau dua program sedangkan budaya teater ini menggambarkan budaya yang baik dalam masyarakat ilmu *info termed* dan sebagainya yang perlu mempertingkatkan. Saya mengesyorkan agar peruntukan tambahan diberikan dan STANDCO dapat *stability* (dengan izin) untuk menyemarakkan benar-benar budaya teater. Saya minta penjelasan daripada EXCO.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Hulu Kelang. Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan perkara Kebajikan. Sebenarnya Kerajaan Negeri telah memperuntukkan satu dana khas di bawah STANDCO Pengurusan EXCO Andalas ataupun EXCO Kerajaan Prihatin iaitu satu STANDCO yang menguruskan tentang semua permohonan-permohonan daripada mana-mana NGO yang ingin meminta sedikit sumbangan ataupun sumbangan daripada Kerajaan Negeri boleh dilakukan. Jadi peruntukan yang diperuntukkan adalah bermula dengan RM100,000.00 setiap tahun. Setiap tahun bukan pada satu NGO tetapi kepada jumlah keseluruhan NGO yang ada dan kita yakin bahawa kita tahu bahawa NGO-NGO ini memainkan peranan

juga dalam memastikan bahawa isu-isu Kebajikan ini berjalan dengan baik. Selain daripada itu di bawah STANDCO Kebajikan juga kita juga memperuntukkan satu dana khas geran iaitu geran kepada Majlis Kebajikan Selangor di mana Majlis Kebajikan Selangor ini merupakan adalah gabungan beberapa NGO yang melaksanakan Kebajikan sebagai 62 gabungan NGO yang kita peruntukan dana ini boleh mereka minta dan ia boleh disalurkan tetapi NGO tersebut mestilah menepati syarat yang telah ditentukan dan menghantar laporan kepada R.O.S setiap tahun. Tentang soalan yang dikemukakan atau saranan tentang kaitan Kebudayaan memang kita lihat 2 teater yang telah dilaksanakan tetapi sasaran setiap tahun sebenarnya 6 teater. Dan kita lihat kebanyakannya teater-teater yang dikemukakan kepada Kerajaan Negeri amaun atau jumlahnya terlalu tinggi sedangkan kita memperuntukkan maksimum RM20,000.00 kepada satu-satu teater. Ini adalah untuk merakyatkan teater kerana kita lihat kebanyakannya teater dilaksanakan dalam bentuk yang kapasiti yang besar yang ada nilai *commission* yang pastinya ianya melibatkan ratusan ribu yang itu tidaklah, kerajaan tidak memberikan dana khusus tetapi yang kita galakkan ini adalah teater yang merakyatkan teater maknanya teater yang dibuat di kawasan-kawasan tertentu di luar bandar dan sebagainya. Sebab kita ingin membudayakan teater ini bukanlah semata-mata boleh ditonton atau dilihat di tempat-tempat khusus ia boleh dilaksanakan atau boleh dipersembahkan sama ada mengguna pakai dewan-dewan sedia ada atau di tempat-tempat lain. Jadi kita telah mensasarkan 6 kali setahun teater berbentuk begini yang boleh kita terima dan kita akan beri dana khusus untuk pelaksanaannya untuk pelaksanaan bersama. Sekian.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Oleh kerana itu teater bilik sulit boleh dilaksanakan kerana *budgetnya* cuma RM10,000.00.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT. ISMAIL: Saya tunggu seperti mana yang saya sebutkan semalam, kelmarin saya tengah tunggu apa ni dokumen lengkap, wujud saja benda tu kita tak ada masalah untuk menyelesaiannya. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Kita akan buat di DUN Hulu Kelang dulu. Saya akan menyentuh perkara 25 dan 27, STANDCO Kesihatan dan Kemiskinan. Berkaitan dengan kesihatan ini khususnya menangani pemberian nyamuk aedes yang menyebabkan penyakit Denggi nampak gayanya pemantauan, penguatkuasaan dan program-program yang berkesan sudah dijalankan di peringkat PBT, Jabatan Kesihatan Negeri dan kerjasama pusat-pusat DUN dan Ahli-ahli Parlimen dengan berkesan. Cuma masalahnya bendanya sangat *basic*, iaitu menimbulkan kesedaran rakyat untuk memperuntukkan 10 minit seminggu untuk melihat tempat-tempat takungan air di dalam dan di sekitar kawasan rumah. Bendanya sangat *basic*, dia memerlukan kempen.

Saya nampak daripada pengalaman yang kami lakukan di Hulu Kelang, gotong-royong memang diadakan tetapi penyertaannya mungkin melibatkan 5 ke 10 peratus penduduk sahaja, sedangkan penyebaran maklumat yang berterusan dalam konteks tv dan sebagainya adalah berkesan dan saya ingin mencadangkan dalam STANDCO memperuntukkan peruntukan yang secukupnya untuk penyebaran *flyer* dengan izin *pamphlets* (risalah) yang berkala dan berterusan. Ringkas sahaja untuk memperingatkan penduduk seluruh kawasan, dalam konteks saya di Hulu Kelang untuk memastikan bahawa mereka membersihkan kawasan dalam dan luar rumah mereka daripada takungan air. Dan program ini saya rasa akan menjamin keselamatan yang lebih baik daripada hinggapan penyakit denggi.

Kemudian dari segi kemiskinan, saya melihat program integrasi, program mengatasi kemiskinan sudah dilakukan oleh beberapa agensi termasuk GLC-GLC, NGO, termasuk juga Lembaga Zakat khususnya tapi pendekatan kerajaan tidak dilihat cara bersepada. *Databasenya* tidak lengkap, dia lihat *integrated* dengan izin. Saya mencadangkan STANDCO buat kali ini membuat satu agenda khas, satu peruntukan khusus untuk membolehkan perpaduan untuk integrasi maklumat tentang program-program, aktiviti-aktiviti membasmikan kemiskinan dilaksanakan. Dan dengan itu juga saya ingin mencadangkan agar program ini dilihat *visible* nyata program pemulihan, pemberian ataupun pembinaan rumah kos rumah murah di kampung-kampung ditingkatkan dari 2 ke 3 ataupun 4 buah setahun. Jadi apa ulasan EXCO ataupun pihak kerajaan?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT. ISMAIL: Tuan Speaker, saya boleh menjawab yang menyentuh tentang hal ehwal saya iaitu yang berkaitan dengan sedikit tentang kemiskinan yang sebenarnya kita telah ada satu polisi ataupun satu dasar baru yang mana semua data-data maklumat yang sekarang ini dimiliki oleh agensi masing-masing secara berpisah itu telah kita sekalikan di bawah satu sistem maklumat yang kita panggil *I-work Fair*. Jadi saya mengambil maklum apa yang disarankan oleh Hulu Kelang tadi bahawa data maklumat ini sekarang ini telah sedia untuk mengintegrasikan semua data supaya walau mana pun, di mana pun agensi kita pergi untuk mendapatkan kebijakan itu ia dapat kita akses sejauh mana mereka telah dapat bantuan daripada kerajaan. Dan ini juga sebenarnya memudahkan pada pihak kerajaan untuk ada satu dengan izin *baseline* ataupun satu kayu ukur di mana letak duduknya berapa ramai sebenarnya dalam konteks kemiskinan dan bagaimana kita ingin jangkaan kita untuk mengatasi masalah kemiskinan itu. Sebagai contoh, kalau kita bercakap tentang ibu tunggal contohnya, kita ada *database* sebanyak 27,000 lebih, jadi kita mensasarkan 20% dari mereka setiap tahun telah ada memiliki satu peluang yang baik dan dengan atas dasar itu kita keluarkan mereka kepada dalam data

kemiskinan ataupun data kebajikan yang ada. Jadi untuk itu sahaja yang boleh saya jawab Tuan Speaker.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Jadi data ini hendaklah diakses kepada ADUN dan Ahli Parlimen agar apabila kami turun padang kami dapat memberi nasihat yang sewajarnya kepada penduduk.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BT. ISMAIL: Saya mengatakan bahawa ia melibat berbagai agensi termasuk semua ADUN-ADUN yang setiap bulan saya yakin ada memberi sumbangan secara peribadi juga dimasukkan data itu dalam *I-work Fair* dan ADUN-ADUN juga dapat mengakses ya mengakses maklumat yang ada.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Oleh kerana jawapan tentang cadangan saya untuk pembinaan dan pemulihan penambahbaikan rumah-rumah orang miskin di DUN Hulu Kelang tidak dijawab, saya anggap perkara ini akan diambil kira oleh pihak kerajaan dalam pelaksanaan belanjawan untuk STANDCO-STANDCO. Kemudian, perkara ke 34, setinggan.

Sebagaimana saya nyatakan tadi ada tanah-tanah yang cukup bernilai di Hulu Kelang, Kampung Fajar dekat Taman Melawati, Kampung Taman Warisan dekat Taman Melawati, Batu 7 1/2 , Batu 8 betul-betul di MR2, kemudian Taman Kemensah, tengah betul-betul strategik. Jadi saya ingin mencadangkan agar STANDCO bagi kali ini mengambil langkah spesifik dan khusus untuk membangunkan kawasan setinggan. Dan pendekatan yang berjaya dilaksanakan oleh kerajaan di Bukit Botak dan Datum Jelatek boleh dijadikan model iaitu; membuat satu pembangunan yang mengintegrasikan pendekatan agar setinggan mendapat hak untuk membuat pilihan membeli ataupun menjual sekiranya mereka tidak mahu. Dan saya percaya perkara ini saya sudah cadangkan beberapa kali dan pihak MPAJ saya difahamkan juga telah menerima beberapa cadangan, 3, 4 cadangan daripada pemaju cuma mungkin ada kaedah yang tertentu sama ada pihak kerajaan membuat tawaran melalui GLC untuk memanggil, menawarkan pihak-pihak swasta membangunkan perkara ini ataupun melaksanakan tawaran terbuka memanggil tender terbuka untuk membangunkan dan membeli tanah tersebut. Jadi spesifiknya secara khususnya adakah STANDCO Setinggan bersedia untuk menyelesaikan masalah ini dalam masa yang sangat terdekat?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk Kampung Fajar sebenarnya telah ada beberapa cadangan atau *proposal* daripada syarikat-syarikat termasuk ada yang telah dibentangkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri dan difikirkan bahawa cadangan-

cadangan tersebut tidak sesuai dan sekarang ini ada lagi satu cadangan di mana pihak pemaju bersama-sama dengan penduduk telah mengemukakan satu cadangan dan kita akan kaji sama ada cadangan yang terkini ini adalah sesuai atau tidak bersama-sama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Terima kasih.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Bagi pelaksanaan *budget* adakah STANDCO bersedia menjemput ADUN Hulu Kelang untuk sama-sama dalam mesyuarat tersebut?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Dalam beberapa *presentation* sebelum ini pun kita ada melibatkan ADUN Hulu Kelang, Yang Berhormat Hulu Kelang. Jadi saya rasa sudah tentunya kita akan menjemput ADUN kawasan untuk bersama-sama.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Terima kasih. Kita doakan semoga berjaya. Ke-35, Kerajaan Tempatan. Saya ingin membawa apa yang telah saya baca, membawa dalam perbahasan dasar, tentang *value for money* iaitu apabila kerajaan melalui PBT, MPAJ tidak dapat menunaikan perkhidmatan mengangkat sampah. Realitinya memang berlaku di kawasan-kawasan tertentu khususnya di MPAJ di Hulu Kelang dan Bukit Antarabangsa di mana sampah sepatutnya diangkat 3 kali tapi hanya diangkat sekali. Jadi maknanya kita berhutang. Moralnya saya sebagai ADUN wakil rakyat merasa berhutang. Jadi adakah dari segi pelaksanaan dasarnya STANDCO dapat menimbangkan pembayaran *refund, for value for money* ataupun *rebate* kemudian dalam taksiran cukai tahun berikutnya. Adakah kerajaan bersedia untuk melaksanakan konsep ini? Dato' Menteri Besar boleh jawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Boleh, saya Dato' Speaker, saya memang setuju tentang perkara ini kalau kos kendalian pengendalian sampah-sampah tu *break even*. Maknanya kosnya, kalau kos untuk 1 tan, katalah RM70.00 dan kutipan daripada masyarakat tu juga RM70.00, maknanya kalau kita tidak jalankan, kita bayar. Kalau mereka tak jalankan, mereka bayar. Dengan cara itu tak ada satu rakyat yang tertinggal dalam kes tersebut. Jadi maknanya kita, tapi saya dapat, itu saya tengah buat kajian, itu sebab saya tak menjawab beberapa soalan ni, saya daripada kajian kita tunjukkan. Sebenarnya walaupun kita terdapat *cost saving*, tetapi dari segi *realiti is a negative*. Maknanya umpamanya sebagai contoh; untuk mengendalikan kos-kos rumah pangapuri, rumah kos rendah yang diangkut tiap-tiap hari, tiap-tiap hari, hanya saya diberitahu hari Sabtu, Ahad tidak dibuat kerana lori tak boleh masuk sebab orang dah *park* kereta sampai ke tepi-tepi. Jadi kalau itu kita buat kiraan memang *negative, negative*. Jadi itu sebab saya tengah duduk tengok sama ada kita gunakan satu konsep *insentif, insentif* kepada apa tu kontraktor, juga *insentif* kepada kawasan perumahan itu, bagi dia *insentif*. Jadi maknanya kalau besar tiap-tiap kita bagi pada GLC, dia dah buat itu kita bagi dia *insentif*, peruntukan untuk itu, tak boleh peruntukan

untuk individu. Jadi itu saya tengah cuba, saya belum sampai ke satu peringkat. Yang sebenarnya cerita yang sebenarnya saya dah minta SIRIM buat kajian. Jadi saya tak hendak buat cerita sekarang sebab saya takut tak boleh jadi pula, sebab saya suruh SIRIM buat kajian sama ada kita boleh lakukan perkara tersebut.

TUAN SPEAKER: Masa untuk Yang Berhormat sudah tamat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ya.

TUAN SPEAKER: Ya, Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan di muka surat 136 berkaitan dengan 50500 vot 1100 Gaji dan Upahan dan bersama juga saya akan sentuh yang ke enam Jawatankuasa Tetap Tanah khususnya.

Tuan Pengerusi, isu yang ingin saya bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah berkaitan dengan dasar dan proses permohonan pelupusan secara pemberi milikan tanah kerajaan di bawah Seksyen 76 Kanun Tanah Negara di seluruh Negeri Selangor di mana pihak, pihak kerajaan, PTG dan Pejabat Daerah dan Tanah telah bertanggung jawab terhadap mana-mana permohonan dalam pemberi milikan secara pelupusan. Kes sedemikian ya, berbagai kes yang saya bangkit, di sini ingin saya perincikan, perincikan beberapa kes tentang susulan daripada pendedahan saya beberapa hari yang lalu berkaitan skandal, skandal sapu tanah 1 Malaysia iaitu ramai rakyat marah tentang bagaimana pengurusan tanah, ya mereka persoalkan kenapa tanah 24 keping yang bernilai, yang komersial di pekan-pekan, di pekan Puchong, di Damansara, yang saya nyatakan di sini di Ampang, di Subang, di..boleh diluluskan kepada UMNO, kepada MCA, kepada MIC dan Gerakan dengan kelulusan tersebut dan pada masa yang sama saya juga nak tahu bagaimana kelulusan tersebut, bagaimana ia boleh diluluskan..

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebelum ni Sri Muda, nak bagi jalan?

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sekejap dulu, sekejap dulu ya, saya bagi sedikit masa nanti, saya akan bagi. Janji dah, janji ditepati bukan di capati. Jadi Tuan Pengerusi, mengikut angka-angka yang saya dapat bahawa nilai sebenar 24 keping tanah yang disapu oleh UMNO, MCA, MIC dan Gerakan yang tidak bergerak dengan jumlah

keluasan yang saya kirakan ya, 33.5 ekar, 33.5 ekar di tanah bandar-bandar, tanah komersial, ya dengan keluasan 1,459,260,000 kaki persegi dan saya telah buat survey dan bersama teman-teman *valuer* dan sebagainya bahawa harga pasaran di bandar-bandar satu kaki persegi RM300.00, RM400.00 satu kaki persegi. Kalau kita kira daripada 1,459,260,000 kaki persegi maka Tuan Pengerusi saya ingin buat satu pembetulan di sini ya, izinkan untuk saya membuat satu pembetulan di sini di mana tempoh hari saya ada datang waktu itu saya anggarkan paling kurang skandal sapu tanah 1 Malaysia ini nilainya RM20 juta tetapi hari ini setelah kita buat teliti seluruhnya 24 ini dengan harga komersial ini RM300.00, RM400.00 satu kaki persegi, sekarang saya anggarkan paling minimum kalau kita bagi RM200.00 satu kaki persegi ya, anggaran dia tidak kurang daripada RM300 juta. Maka dengan itu saya nak bagi tahu Dewan bahawa skandal sapu tanah 1 Malaysia ini oleh UMNO Barisan Nasional adalah nilai dia paling kurang RM300 juta. Bayangkan RM300 juta begitu besar boleh dibagikan kepada parti politik yang kononnya sebagai pemerintah, ha boleh dapat RM300 juta? Dan lebih penting RM1.00 satu kaki persegi, mana ada durian runtuh, mana kita nak cari durian? Kita tanam durian pun tak dapat durian runtuh macam ini. Inilah Kuala Kubu nak jawab macam mana? Dulu ingat Kuala Kubu tak ada tapi MCA Kuala Kubu ada. Ini yang perkara yang saya nak jelaskan di sini dan saya minta Yang Berhormat kena bagi perincikan kenapa premium boleh dikurangkan. Ya, sekejap la Sri Muda. Premium boleh dikurangkan sampai RM1.00, berapa premium yang asal dan siapa yang duduk dalam Jawatankuasa Tanah semua 24 keping ni, siapa yang duduk? 24 keping tanah ni setiap daerah 7, seluruhnya siapa duduk di dalam? Kalau tak silap saya ADUN-ADUN. Saya kena tahu siapa duduk di dalam dan apabila pembohongan premium sampai ke peringkat EXCO untuk premium itu, siapa yang duduk dalam EXCO itu. Kalau UMNO pun dapat, MCA pun dapat, MIC pun dapat, Gerakan pun dapat, kalau begitu apabila kertas itu masuk dalam EXCO sepaututnya semua kena keluar sebab ada percanggahan kepentingan. Kalau tak ada EXCO macam mana boleh lulus? Nanti saya kena minta Menteri Besar kena jawab ini dan seterusnya saya juga minta, saya nak tanya Kuala Kubu yang jawab dengan media menyatakan, kita kata UMNO, MCA kita berhak dapat tanah, tiada, tiada masalah RM1.00 tiada masalah sebab kita menuntut merdeka, MCA menuntut merdeka, UMNO menuntut merdeka jadi mereka berhak sapu apa pun boleh, apa ini *modus operandi* apa ini prinsip perjuangan sebagai sebuah parti politik yang berwibawa konon membela hak rakyat.....rakyat didahulukan. Inilah satu contoh yang memalukan dulu kini dan selamanya. Kena tunggu dulu sebab nanti saya akan bagi Sri Muda dulu baru sana sebab masa ini agak ya nanti saya tak bagi dahulu Tuan Pengerusi. Jadi saya tak faham kenapa jawapan sedemikian boleh dijawab kepada rakyat mereka masih mengingatkan rejim UMNO ini masih boleh mengingatkan bahawa rakyat masih boleh terima apa yang mereka cakap. Tanah ini milik kita, saya nak bagi tahu Kuala Kubu, ini bukan milik papa kamu, keluarga kamu,

kalau papa kamu keluarga kamu bolehlah ini contoh...nanti dulu.....kemudian saya nak jawab lagi.....

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Nanti dulu sebab awak sebut Kuala Kubu saya kena jawab. MCA Kuala Kubu mana satu keping tanah, tolong cakap, *detail* jangan cakap hentam saja, serupa satu dunia kita pun ambil. You cakap mana satu lot, Kuala Kubu MCA sudah ambil jangan sebut secara umumnya seolah-olah semua orang salah. You kena fahamkan sejarah juga, jangan tuduh 30 tahun, 50 tahun dulu you kata MCA ambil.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Kuala Kubu, nampaknya Kuala Kubu berani berjawab dengan media mengatakan MCA sudah dapat tanah apabila saya sebut Kuala Kubu yang mewakili MCA sana dalam Dewan yang mulia ini Kuala Kubu ini mewakili MCA ke atau hanya Kuala Kubu sahaja. Dia mewakili MCA patut bertanggungjawab kepada semua tanah yang dia ambil. Kena jawab betul ke tidak, ha ini penting, Tuan Pengerusi.....

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Mana satu tanah?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak sebut satu-satu tanah ya. Kalau MCA ada lima (5) keping,

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Mana satu kena sebut, kena sebut, jangan hentam saja.....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Masa saya tak bagi

TUAN PENGERUSI: Kuala Kubu Baharu, setiap orang cakap ada masa

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ada masa, ada masa ye,...dan kemudian satu minit untuk Sri Muda ye....satu minit Tuan Pengerusi dan saya juga terkilan, terkilan dengan jawapan daripada Ketua Penerangan UMNO, Yang Berhormat Kuang Selangor ini mengatakan tanah-tanah ini diambil untuk kemudahan rakyat, kemudahan rakyat, untuk buat dewan serba guna, untuk buat tadika tapi di sini contoh-contoh yang saya dapat di Tanjung Karang, di Sekinchan sekeping tanah sudah bina lima (5) lot kedai tiga (3) tingkat sudah siap pun kedai tapi saya tengok tadika tak ada, tadika tak ada dan juga jauh sekali dengan dewan serba guna. Ini satu pembohongan besar kepada rakyat, bagi alasan yang putar belit mengharapkan rakyat boleh sokong mereka inilah muka wajah sebenar bagaimana mereka sapu tanah Malaysia ini dan juga saya rasa

terkilanlah kenapa mereka masih berani menjawab katakan ini patut mereka dapat dan saya sekarang bagi peluang kepada Sri Muda untuk mencelah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Dato' Pengerusi, Terima kasih Sekinchan. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Sekinchan tadi berkenaan dengan Sapu Tanah 1 Malaysia ataupun singkatannya SAPU. Saya mencadangkan supaya perkataan itu digantikan dengan perkataan yang lebih sesuai disebabkan cara pengambilan tanah itu melibatkan semua parti-parti politik daripada Barisan Nasional, jadi kita tukarkan Sapu Tanah 1 Malaysia itu kepada S untuk, S itu kekalkan dengan Sapu untuk S, Tanah itu kita namakan T, jadi ST, I itu ditukarkan kepada I M itu Malaysia jadi singkatannya STIM. Sapu Tanah Sapu Malaysia (STIM) tetapi bunyinya tak berapa nak cantik jadi saya sarankan kalau tak nak guna perkataan itu sebagai penghormatan kita kepada kepala yang mengambil tanah rakyat daripada Seri Serdang, jadi kita tukarkan Sapu Tanah 1 Malaysia itu kepada SATIM, itu lebih baik bagi menggambarkan bagaimana Seri Serdang pada tahun ye, pernah beberapa kali mengikut rekod yang kita ada menjual, kepakarannya menjual tanah seperti yang didedahkan oleh Dato' Menteri Besar pada bulan November 2011 di mana Syarikat Nikmat Inai menjual satu tanah kepada PKNS dengan harga yang cukup lumayan dan selaku salah seorang Ahli Lembaga Pengarah dalam Syarikat Nikmat Inai ini, Seri Serdang memperoleh banyak manfaat-manfaatnya. Sementa pun dah keluar tu. Jadi saya nak sarankan kepada Yang Berhormat Sekinchan tukar perkataan sapu itu kepada perkataan SATIM ataupun STIM itu yang lebih sesuai. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis, terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Sri Muda kerana telah membuat kajian tentang nama yang sepatut digunakan dan setelah saya dengar dan teliti tadi saya amat bersetujulah dengan nama tersebut kerana memang tepat kerana sebelum ini Yang Berhormat Seri Serdang sebagai Ketua Pembangkang juga dikaitkan dengan sapu tanah di *Science Park* dan sebagainya dengan Inainya dengan Syarikat Inainya. Maka dengan itu saya dengan rasminya mengumumkan bahawa skandal sapu tanah 1Malaysia ini ditukar kepada dengan singkatannya SATIM. Skandal Sapu Tanah 1 Malaysia (SATIM) iaitu kita akan buat *road show* untuk beri penerangan kepada rakyat jelajah SATIM. Ha, maknanya sapu tanah oleh UMNO, tanah rakyat, tanah komersil ini bagaimana disapu, ha ini cukup penting dan di sini ingin saya mohon penjelasan daripada Y.A.B. Menteri Besar apakah garis panduan yang digunakan Kanun Tanah Negara yang digunakan.....

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi nak minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Sekinchan sebab saya pun amat terkejut daripada Yang Berhormat sebutkan, Yang Berhormat Kuang kata semua tanah itu ada

guna untuk kemudahan atau pun perkhidmatan awam tetapi pergi, pergi bangunan pun tak nampak, jadi saya rasa kalau saya cadangkan ada tak Yang Berhormat Sekinchan setuju kalau katakanlah tanah itu betul untuk perkhidmatan awam digazetkan terus atas nama kerajaan di Selangor bukan atas nama UMNO.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Pengurus Majlis, Dato' Pengurus, terima kasih kepada Rawang, Yang Berhormat Rawang. Saya memang menyokong Yang Berhormat Rawang di mana kalau betul tanah itu dipohon sudah dapat digunakan untuk kegunaan awam itu patut digazetkan sebab dah jawab untuk kegunaan awam dan pada masa yang sama skandal tanah sapu 1Malaysia ini yang melibatkan RM300 juta, skandal RM300 juta ini sudah cukup besar kerana apa, kerana Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat begitu prihatin dapat mengutip hutang-hutang TALAM dan peruntukan RM300 juta untuk geran, Geran Selangorku itu RM300 juta, Geran Selangorku maknanya sekarang rupa-rupanya dalam pentadbiran UMNO yang lalu mereka juga buat geran, mereka buat geran melalui skandal Sapu Tanah 1Malaysia (SATIM) RM300 juta, Geran UMNOku RM300 juta, bukan Selangorku, UMNOku RM300 juta. Ini satu masalah Y.A.B. Menteri kena jawab mengapa nilai tanah begitu besar.....

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI: Mohon penjelasan, Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ha tadi itu nak bagi betul.....

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI: Terima kasih, Sekinchan, tadi saya minta laluan dan diberi. Yang Berhormat Sekinchan, saya rasa di Negara Malaysia ini siapa sahaja layak memohon tanah ini, malah kita Negara Malaysia ini yang telah merdeka ini bukan orang biasa saja, komunis pun kita bagi tanah. Komunis pun kita bagi tanah. Ha, Sekinchan pun tak tahu, komunis yang menyerah diri pun kita bagi tanah. Jadi apa kisahnya nak beri pada UMNO ini, kalau UMNO, MCA, MIC dengan beribuan ahlinya apa masalahnya dan mungkin jadi masalah kot kalau nak beri pada Pakatan Rakyat atau pun pada PKR, Parti Keadilan muka *signboard* lebih banyak dari ahlinya. Jadi pada saya apa masalahnya. Jadi saya mohon sangatlah supaya perkara ini jangan dibesar-besarkan dan keduanya ini juru nilai mana ini yang Sekinchan dapat RM300 juta ini. Ha, sekali lagi ke Suleiman & Co. Jadi saya harap mohon penjelasan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Pengurus dan terima kasih...

TUAN PENGURUSI: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya suka ingatkan Yang Berhormat ada 20 minit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya.

TUAN PENGERUSI: Dalam 20 minit ini boleh minta jawapan, kalau Yang Berhormat tidak minta jawapan daripada EXCO, kalau habis 20 minit, EXCO boleh minta jawab lima (5) minit, kalau EXCO tak nak jawab Sekinchan tak dapat jawapan langsung, ye, jangan asyik cakap nanti tidak ada jawapan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: O.k. oleh kerana masa mencemburui saya, saya tidak mahu ulaslah panjang, saya tumpukan jawapan, jawapan cukup penting, skandal Sapu Tanah 1 Malaysia (SATIM) ini RM300 juta.

Y.A.B. MENTERI BESAR: Terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Sekinchan. Satu perkara yang menyebabkan Yang Berhormat Sekinchan ini sekarang boleh dapat data-data tentang pemberimilikan tanah ini sebab kita dah *digitalize the system* maknanya sistem itu dah terbuka, dulu kalau nak tahu tentang pemilikan tanah kena terpaksa dari satu Pejabat Daerah ke satu Pejabat Daerah, sekarang dah dapat dengan senang. Kalau nak tahu sama ada Tan Sri Khalid ada tanah di Selangor tulis nama Tan Sri Khalid ataupun nombor kad pengenalannya akan keluar pemilikan dia di Selangorlah itu saya nak beri tahu. Jadi itu ada baiknya ketelusan ada juga buruknya ketelusanlah itu saya nak beri tahu itu.

Kedua, satu perkara yang jelas dari segi undang-undang, EXCO sebenarnya mempunyai kuasa untuk memperuntukkan tanah untuk kuasa. Dua kuasa besar EXCO satu ialah kuasa memperuntukkan tanah, kedua menetapkan premium tanah. Kalau dia nak bagi RM1.00 pun boleh nak bagi RM1,000.00 pun boleh, nak bagi itu walaupun *value* kata RM200.00, dia tak apa RM200.00 tak apa kita bagi RM1.00 boleh juga. Saya nak bagi tahu ini keadaannya daripada segi *unless* dia dibuktikan apa yang dia panggil *conflict of interest* apabila ada perkataan *conflict of interest* tu boleh dibangkitkan itu yang isu *conflict of interest* macam saya bagi tanah untuk diri saya dan minta pula EXCO berikan dengan harga RM1.00 walaupun kena bayar RM10,000.00 itu ada dari segi *rational*nya. Jadi itu

Kedua, setiap pemberian tanah itu ada juga apa yang dipanggil penggunaannya. Kalau kita dapati penggunaannya itu tidak seperti yang dicadangkan. Katalah nak membuat masjid tapi dibuat hotel 3 bintang, itu tak boleh, dia tak boleh tapi boleh jadi tidak diikuti tapi dalam usaha pengurusan pentadbiran pemilikan tanah itu boleh diambil balik oleh kerajaan. Jadi pada saya, saya bercadang untuk meneliti apa itu, pemilikan tanah tersebut dan kita akan beri satu kertas kerja apa yang boleh kita lakukan. Tapi kuasa itu mesti tertib sebab pemberimilikan tanah ini bukan diberi oleh masa sekarang tetapi boleh jadi ada 10, 20 tahun yang lepas ataupun 5, 6 tahun yang lepas itu pun kita kena

kaji, tapi dari segi kuasa kalau benar-benar didapati menyalahgunakan kuasa atau pun *conflict of interest* Kerajaan Negeri boleh ambil tindakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan peranan EXCO dilarang meluluskan tanah, kenapa saya cuma minta penjelasan di sini di mana tanah yang diluluskan itu sepatutnya masuk ke Jawatankuasa Tanah kemudian akan dibuat kertas ke EXCO. Di dalam Jawatankuasa Tanah itu pun ahli-ahli yang menduduki Jawatankuasa Tanah, saya boleh bagi satu, dua contoh siapa yang duduk di dalam Jawatankuasa Tanah tersebut, dulu dengan sekarang, pentadbiran dulu dengan sekarang, di mana kuasa mereka untuk cadangan tersebut dan EXCO meluluskan tanah kepada parti sendiri, apakah itu tidak wujud *conflict of interest*, ini yang saya nak tanya.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Pandangan saya, saya kena minta nasihat juga Penasihat Undang-undang, kalau itu dapat dibuktikan dan *this is conflict of interest*, kalau itu dapat dibuktikan tapi kita kena melihat dokumen-dokumen pemberian, ada dokumen-dokumen pemberian dan mereka-mereka terpaksa declare interest maknanya ada kalanya kita boleh memberi tanah tapi dia cakap saya tidak mahu mengambil keputusan ini sebab saya ada *conflict of interest*, ada. Jadi jawapan saya ialah prosedur. Jadi kita kena lihat prosedur. Prosedur itu sama ada betul atau tidak. Tapi saya rasa saya berterima kasih kepada Sekinchan membangkitkan satu isu pertanggungjawaban yang sangat penting. Dari masa ke depan sudah tentulah orang kalau nak meminta tanah pun ataupun parti nak minta tanah termasuk Parti Keadilan ke, DAP atau sesiapa sekarang tidak boleh membuatnya dengan sewenang-wenangnya ataupun menyalah gunakan kuasa.

TUAN SPEAKER: Masa untuk Sekinchan sudah tamat. Ia, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ia, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada butiran B01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha. Butiran 505000 dan Kod 11000 Gaji dan Upahan sekali dengan beberapa jawatankuasa tetap di muka surat 136 dan 137. Perkara yang pertama yang saya bangkitkan ialah tentang Jawatankuasa Tetap Perancang 09 dan juga Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan 35 berkenaan dengan pengangkutan awam. Kita baru-baru ini telah pun diberi maklumat tentang satu konsep pengangkutan baru iaitu konsep Bas Rapid Transit (BRT). Dan saya berpendapat bahawa perkara ini adalah sesuatu yang lebih mudah berbanding dengan LRT dan MRT kerana ianya dapat menggalak lebih ramai lagi pengguna jalan raya untuk menggunakan pengangkutan awam. Jadi saya ingin bertanya kepada kerajaan mengapakah dan apakah perancangan di peringkat kerajaan dari segi perancangan bandar? Bagaimana konsep BRT ini dapat diterapkan dalam pembangunan bandar-

bandar kita pada masa depan kerana sehingga sekarang kita hanya rasa ada satu sahaja konsep BRT yang dibina. Itu pun di bawah syarikat swasta di Sunway. Dan saya ingin bertanya bagaimana kita boleh memulakan sesuatu untuk menarik lebih lagi orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Soalan yang kedua saya ingin bertanya ialah memandangkan isu pengangkutan awam ini sering kali menjadi satu masalah, menjadi tumpuan orang ramai tetapi Kerajaan Negeri tidak ada kuasa dalam menguruskan perihal perancangan pengangkutan awam. Saya ingin mencadang sama ada mungkin atau tidak melalui syarikat-syarikat GLC Kerajaan kita menawarkan perkhidmatan bas kepada orang ramai. Di kawasan-kawasan tertentu memang kita tidak boleh melakukannya sekali gus di seluruh Selangor. Tapi mungkinkah kita melakukan sesuatu menawarkan perkhidmatan bas kepada rakyat di kawasan-kawasan tertentu dan kita perkembangkan dari situ. Kerana pada masa sekarang di beberapa PBT khususnya Majlis Perbandaran Petaling Jaya konsep Bas Komuniti. Komuniti Bas ini sebenarnya telah pun bermula. Dan saya ingin bertanya mungkin kita boleh mengambil konsep ini daripada PBT dan kita gabungkan dengan syarikat dengan perkhidmatan bas yang ditawarkan oleh sebuah syarikat GLC di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Jadi itu persoalan saya tentang jawatankuasa tetap ini. Jadi Tuan Pengurus, boleh saya tanya soalan yang selepas Kerajaan

TUAN SPEAKER: Nanti kalau dah habis 20 minit tak ada orang jawab itu sahaja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok, *one by one*.

TUAN SPEAKER: Bergantung. Kalau nak jawapan sekarang minta, kalau tidak habis 20 minit tak ada jawapan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok, tak apa saya minta Kerajaan untuk menjawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Pertama Dato Speaker, kita sudah mula satu daripada cara yang kita buat. Dululah sebab kita buat, kita tunggu Kerajaan *Federal* sebab pengangkutan dan semua itu ialah di bawah jagaan Kerajaan *Federal*. Tapi saya memandangnya itu tak boleh. Kerajaan Negeri mesti pro-aktif. Jadi, jadi 2 perkara yang saya telah lakukan. Satu, saya telah mengadakan perbincangan dengan SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) dan semuanya. Saya telah mengadakan perbincangan bersama dengan Perancang Negeri Selangor untuk membincangkan apa yang dipanggil *our needs*, kehendak kita *what we want* dan kita akan bergabung dengan dia untuk itu. Jadi saya berharap tak lama lagi kita *will come out with our own transport plan*. Jadi itu, saya telah memberi buat kenyataan saya menyokong usaha untuk mengurangkan *dependency* ataupun kita punya

tanggungan kepada *park private transport*. Kita bergantungan, penggantungan kita pada *private transport*. Jadi saya berharap dalam kajian kita buat ini dalam 10 atau 20 tahun akan datang *public transport* merupakan lebih kurang 40% daripada pengangkutan. Sekarang, *public transport* kurang daripada 5%. Jadi kita kena *shift* begitu. Itu dalam kajian dan kita kena buat pro-aktif bukan sahaja melihat kepada MRT, LRT kemudian *park and ride* dan semuanya. Jadi saya berharap kalau ini dapat dilakukan, Perancang Negeri akan buat *briefing* kepada PBT-PBT dan juga *town hall meeting* untuk menerangkan cadangan. Sebab saya dapati dari segi pelaksanaan, bila kita dah setuju mana *rood* nya, lepas tu bila kita nak laksanakan masyarakat yang kena jalan tersebut menentang. Walaupun masyarakat yang lain bersetuju, masyarakat itu dia menentang. Jadi saya, kita tak boleh buat macam itu. Kita kena buat bersama. Jadi kalau tidak besok terlalu lambat. Jadi itu pandangan saya. Pandangan Kampung Tunku baik tapi kita kena terus sampai proses pelaksanaan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Seterusnya terima kasih Dato' Menteri Besar dan Tuan Pengurus. Saya ingin juga mencadang kepada Kerajaan Negeri Selangor sebenarnya baru-baru ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah pun mengadakan satu dasar ini berkenaan dengan pemuliharaan alam sekitar dari segi pengangkutan. Apa yang kita lihat sekarang ini pengangkutan ataupun kenderaan yang sedia ada mengeluarkan asap yang begitu banyak mencemar dan ini telah meningkatkan kebergantungan kita bukan sahaja terhadap kenderaan biasa tetapi juga kepada *petrol fumes*. Dan saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan untuk mengkaji sama ada mungkin atau tidak kerajaan mengambil cadangan daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Mereka sekarang ini akan menawarkan rebat kepada kereta-kereta hibrid. Saya anggap ini adalah satu usaha yang murni dan dapat membantu kita untuk menghasilkan satu persekitaran yang mengurangkan kebergantungan kita terhadap bahan api fosil. Jadi saya ingin bertanya adakah kerajaan juga akan melihat, menilai dasar-dasar yang bagus di peringkat PBT ini dan dibesarkan diangkat ke peringkat negeri dan di *implement* tempat-tempat ataupun PBT yang lain di seluruh Negeri Selangor.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, terima kasih Kampung Tunku. Itu satu kenyataan yang memberangsangkan. Saya, itu sebab pemilihan Datuk Bandar ataupun *The Leader in the Bandaraya* ni sangat penting. Salah satu Bandaraya yang selalu dibincangkan saya mula tak berapa ingat dia punya namanya tapi dia ni daripada Brazil, Brazil. Jadi dia ni telah, Datuk Bandar ni dia sangat inovatif. Dia buat

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: *Brasilia. I think it is Brasilia*

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Jadi, saya nak cadangkan kita, dia *take committed to the green*. Jadi dengan cara itu dia sanggup membagi bas dengan bayaran yang sedikit. Membetulkan apa tu yang dipanggil *lane* perjalanan *cycle lane* seterusnya. Jadi dia ada dia punya *imagination* yang itu. Jadi saya ingat ini bukan boleh dibuat dengan Perancang saja. Orang yang melaksanakan tu *committed to this exercise*. Saya pernah menengok dia bercakap saya tak hendaklah pergi Brazil. Saya tengok dalam *Youtube*. Dia ada cerita dia punya *commitment to green situation*. Dia kata *how to green*. Jadi saya setuju dengan Kampung Tunku *should promote this. This is the idea*. Tapi *leadership, support with leadership*. Itu yang kena. Saya juga tengok ada baru, Rancangan Petaling Jaya. Dia nak buat *track*. Tapi oleh kerana saya orang *business*, saya tengok *very expensive*. Itu terlalu *expensive*. Petaling Jaya tak boleh buat. Itu saja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Seterusnya Tuan Pengerasi saya ingin menyentuh sedikit tentang hal ehwal wanita iaitu berkenaan dengan satu cadangan yang saya ingin bangkitkan di sini iaitu penyusuan ibu, susu ibu. Dan saya apa yang saya lihat pada masa sekarang ini adalah Kerajaan Negeri Selangor banyak membawa program-program berkaitan dengan pembangunan wanita dan sebagainya. Tapi saya rasa ada satu aspek yang saya rasa kurang diberi perhatian sehingga sekarang iaitu program penyusuan susu ibu. Dan saya rasa kaum ibu memang maklumlah keadaan yang kita ada sekarang ini memang tidak mesra untuk kaum ibu menjalankan penyusuan baik di pejabat Kerajaan ataupun di syarikat swasta. Jadi apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor dalam aspek ini supaya ibu, kaum ibu kita dapat menjalankan penyusuan ibu di tempat yang sesuai dan ini adalah satu akan memberi satu kesan positif kepada generasi yang akan datang. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO.

Y.B. PUAN DR. HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Pengerasi. Saya ingin menjelaskan bahawa dalam konsep menjayakan penyusuan ibu ataupun memberi susu ibu kepada bayi-bayi yang sebenarnya kita tahu lebih baik daripada penyusuan atau pun cara susu botol. Selain kita ada 2 perkara yang telah kita laksanakan. Pertama, menggalakkan institusi taman asuhan kanak-kanak diwujudkan di tempat kerja. Jadi kita tengok di peringkat Kerajaan Negeri, Bangunan SUK ataupun kawasan SUK ataupun Pejabat-Pejabat Daerah telah juga melaksanakan perkara ini supaya memudahkan ibu-ibu dapat menyusukan anak-anak mereka. Tetapi di tempat-tempat awam ni juga sebenarnya ianya adalah satu perkara yang senarai bersama dengan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan ianya dilaksanakan dan saya juga memang menggalakkan ataupun menyarankan kepada PBT untuk memastikan terutamanya kawasan awam seperti kompleks-kompleks membeli belah dan sebagainya telah mula menyediakan tempat-tempat penyusuan yang khas. Tetapi

kalau ditanya tentang apakah tahap yang memuaskan, itu saya boleh jawab belum memuaskan sebenarnya. Gamaknya kita perlu banyak lagi, banyak lagi usaha ataupun penekanan dan juga penegasan dan penguatkuasaan supaya semua bangunan-bangunan yang ada ini menyediakan tempat yang khas untuk penyusuan bayi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Tetapi kalau setakat saranan sahaja saya rasa itu kurang berkesan. Apa yang perlu kita lakukan ataupun apa yang saya ingin nak tanya apakan kerajaan bersedia contohnya memberi rebat dari segi cukai tanah ataupun cukai pintu pada syarikat-syarikat atau premis yang mengadakan, mewujudkan *facilities* ini kepada kaum ibu? Dan adakah kita juga bersedia untuk memasukkan syarat ini dalam undang-undang pembangunan? Supaya bila kalau katakan kalau *shopping mall* ke ataupun tempat tertentu dibina kita memestikan, mewajibkan mereka untuk membina ruang yang sedemikian kepada kaum ibu. Adakah kita bersedia untuk melakukan itu? Supaya kita jadikan dia dalam sebahagian daripada dasar kita.

Y.B. PUAN DR. HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya rasa alhamdulillah. Itu satu pandangan yang bagus. Insya-Allah kita akan ambil kita dan kita akan kaji saranan itu boleh dikuatkuasakan. Tapi buat masa ini saya tidak nafikan bahawa belum ada penguatkuasaan yang khas tentang perkara ini tapi cadangan untuk sama ada nak memberi rebat kepada mereka yang menyediakan tempat-tempat ini ataupun yang untuk kita laksanakan perkara yang disebut oleh Kampung Tunku itu. Insya-Allah saya akan ambil kira dan akan diperbincangkan dalam mesyuarat STANDCO akan datang.

Y.B. LAU WENG SAN: Yang terakhir adalah berkenaan Tuan Pengurus tentang ah! Jawatankuasa-jawatankuasa Tetap kita secara *general*. Apa yang saya perhatikan ialah ah! daripada buku bajet ini kita dapat perhatikan bilangan mesyuarat Jawatankuasa Tetap kita setahun sebenarnya agak sedikit. Ada jawatankuasa yang hanya bermesyuarat sekali atau dua kali setahun sahaja. Yang paling maksimum saya rasa PBT. Mungkin enam kali. Pernah sekali PBT sampai sepuluh atau dua belas kali tapi yang lain antara tiga atau pun empat sahaja. Ada yang satu kali setahun. Saya rasa ini tidak begitu mencerminkan kecekapan kita dalam mentadbirkan kerajaan atau pun Jawatankuasa Tetap ini, kerana kita maklum, setiap minggu kita ada mesyuarat EXCO dan perkara dasar akan ditetapkan setiap kali kita bermesyuarat, Kerajaan Negeri bermesyuarat. Tapi STANDCO hanya bermesyuarat sekali atau dua kali atau tiga kali setahun. Maksudnya dia bermesyuarat sekali dalam masa dua tiga bulan. Jadi, itu akan ketinggalan. Jadi, saya ingin bertanya kepada EXCO atau pun kerajaan. Apakah, bukankah perkara ini satu perkara yang serius. Bagaimana kita dapat mempertingkatkan *delivery* dengan izin dari segi pentadbiran Jawatankuasa Tetap ini. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Datuk Speaker, Kg. Tunku membangkitkan tentang keberkesanan Jawatankuasa Tetap. Saya ingin menyatakan Jawatankuasa Tetap Kewangan. Dia sekurang-kurangnya mesti empat kali setahun sebab setiap kali dia berjumpa sekurang-kurangnya dia tahu tentang keadaan kewangan negeri. Jadi sekurang-kurangnya empat kali. Biasanya enam kali. Jadi itu. Kedua Jawatankuasa Tetap Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor, tiap-tiap minggu. Jadi maknanya sekurang-kurangnya empat puluh kali setahun. Jadi, dan saya telah minta direkodkan Ahli EXCO yang datang dengan cara kalau dia datang dia dapat elaun. Kalau dia tak datang tak dapat elaun. Jadi itu saya, tapi tak tentu dia terima. Kedua Jawatankuasa Tetap Tanah. Sekurang-kurangnya sebulan sekali. Jadi dua belas. Belia saya ingat, belia 4 kali. Sukan. Jawatankuasa Tetap Perancang memang terpaksa dibuat tiap-tiap bulan. Jawatankuasa Tetap Perindustrian Perdagangan. Hal Ehwal Islam saya dahulu boleh jadi setahun dua kali. Sekarang kita tetapkan 4 kali sekurang-kurangnya. Ya! Dan Infrastruktur dan Kemudahan Awam, *slack*. Saya pun tak ada masa saya hendak mula ubah supaya saya dapat sekurang-kurangnya sebulan sekali sebab saya hendak tahu tentang penggunaan duit MARRIS dan seterusnya. Dan yang lain saya ingat kita saya cadangkan kita tetapkan sekurang-kurangnya, sekurang-kurangnya empat kali setahun. Ya, itu yang untuk berkesanlah.

TUAN SPEAKER: Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Tuan Speaker, Ahli-ahli Dewan, kerajaan dan pembangkang. Saya ingin membangkitkan perkara pertama iaitu berkenaan dengan muka surat 137 butiran 50, 5,000 iaitu perkara yang ke dua puluh berkaitan dengan Jawatankuasa Kebajikan yang saya sekalikan dengan dalam bahas yang soalan yang pertama ini iaitu berkenaan dengan perkara, iaitu muka surat 147 P.K. 2 Pembangunan Luar Bandar iaitu Program Pembasmian Kemiskinan.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, sekarang di peringkat B.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: B

TUAN SPEAKER: Bukan bacaan, bukan pembangunan, P ini pembangunan. Kita masuk B dahulu.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Okey, Kalau begitu saya ingin tanyakan kepada Jawatankuasa Tetap Kebajikan. Antara perancangan pelan pembangunan kita ialah untuk membasi kemiskinan. Kalau daripada statistik terkini kita dapat bahawa jumlah kemiskinan tegar di Negeri Selangor, ini rekod yang dilaporkan oleh media saya kurang

pasti faktanya betul atau pun tidak. Ada sejumlah 999 golongan miskin tegar yang ada di Negeri Selangor. Justeru itu, ah! Saya rasa untuk diselaraskan dan menunjukkan komitmen kerajaan Pakatan Rakyat untuk membasmikan kemiskinan saya ingin mengambil contoh formula yang telah ditonjolkan oleh negeri sebagai contoh negeri Pulau Pinanglah dalam pembasmian kemiskinan. Setakat yang kita maklum setakat ini sumbangan kebajikan masyarakat untuk golongan miskin tegar adalah sekitar RM300.00. Dan 60% adalah disumbangkan oleh Kerajaan Negeri. Justeru, saya kira kalau kita betul-betul serius untuk membasmikan kemiskinan apa salahnya kita naikkan sumbangan kebajikan masyarakat ini atau pun adakah perancangan daripada pihak Jawatankuasa Tetap Kebajikan untuk menaikkan sumbangan kebajikan ini kepada lebih daripada RM550.00 atau pun RM600.00 dan sekali gus dalam tempoh dan perancangan bukan dalam pendek maknanya dalam tempoh setahun dua tahun kita boleh menghapuskan semua sekali golongan miskin tegar yang ada di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih pengurus dan terima kasih Batu Caves. Sebenarnya saranan yang diberi yang dinyatakan mengambil kira tentang bagaimana kita hendak membasmikan kemiskinan itu boleh dilaksanakan. Saya ingin memberi satu dua pendekatan atau dua jawapan. Pertama kita dalam konteks melihat isu kebajikan dan isu kemiskinan ini kita bahagikan dua kategori penting kepada penerima atau pun mereka yang ingin kita bantu. Satu kita asingkan mereka yang tidak upaya langsung, iaitu contoh telah berlakunya masalah kesihatan atau pun kemalangan sehingga mereka ini hilang upaya 100% atau pun kemungkinan mereka ini telah pun dalam konteks telah hilang sumber pencarian atau harta dan yang ketiganya memang mereka tidak upaya langsung dalam konteks ah! orang panggil tu fakir miskin langsunglah. Jadi ketiga-tiga ini kategori ini kita terus memberikan mereka bantuan. Bantuan dalam bentuk dua, dalam bentuk kita beri melalui zakat kalau dia orang Islam dan kalau dia dalam konteks mereka ini adalah bukan Islam di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tetapi, tidak semestinya Jabatan Kebajikan Masyarakat ini 100% kepada yang bukan Islam semata-mata. Ada juga yang Islam menerima kerana mereka layak mengikut kategori yang diletakkan. Jadi itu satu kategori. Maknanya mereka yang tidak upaya kita bantu terus, supaya memastikan bahawa mereka yang kemiskinan tegar ini tidak terus menjadi gelandangan di merata tempat di Selangor. Yang keduanya kalau kita lihat kepada mereka yang kita lihat ada keupayaan di sivilisasi datangnya satu polisi di bawah kebajikan yang mana kita katakan daripada berkebajikan kepada yang berpendapatan itu dilaksanakan. Sebab itu kita wujudkan pelbagai skim. Sebagai skim untuk dilaksanakan atau pun diberikan kepada mereka supaya mereka ini mempunyai jati diri untuk berusaha mendapat atau pun menambah pendapatan. Jadi pelbagai program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor itu adalah salah satu aktiviti yang diletak ditetapkan. Jadi dari pandangan, mengambil pandangan

daripada Batu Caves tadi apakah wajar kita melihat contoh Pulau Pinang saya rasa Pulau Pinang jumlah kemiskinan tegar yang dinyatakan terlalu sedikit berbanding dengan Selangor. Jadi saya yakin apa yang telah kita dasar yang kita laksanakan itu lebih menepati satu dan keduanya kita lihat *cost of living* juga begitu tinggi dengan izin kerana di Selangor ini pendapatan rata yang perlukan bantuan ini adalah di bawah RM2,500.00 atau pun kerajaan telah pun menetapkan dasarnya RM1,500.00 Jadi, di sifitulah sebenarnya datangnya statistik atau pun data-data yang perlu kita bantu. Tapi Insya-Allah, Alhamdulillah kita meletakkan sasaran tiap-tiap tahun minimum 20% untuk dilaksanakan, untuk dikeluarkan daripada kemiskinan. Sekian.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Saya, saya tidak, tidak mahu untuk kita begitu *ambitious* untuk menghapuskan kemiskinan yang kita tetapkan iaitu RM1,500.00 dan ke bawah. Saya anggap yang saya sebutkan tadi ialah soal kemiskinan tegar. Mari kita gunakan apa yang ada pada kerangka dan garis yang telah ditetapkan pada setakat ini sementara kita belum kita jaga kerajaan pusat. Iaitu pada kadar kemiskinan tegar iaitu pada pendapatan di bawah RM500.00 dan ke bawah. Saya kira kalau kita setkan yang itu dulu, berdikit-dikit dengan kita menambah saya kira cadangan daripada belanjawan Pakatan Rakyat iaitu supaya kita menambah ruang *cash* yang ada pada mereka ini dan paling tidak beberapa perkara asasi dalam kehidupan mereka itu dapat kita penuhi dan akhirnya mereka tidak menjadi pengemis, gelandangan dan sebagainya. Jadi saya harapkan dan kalau boleh, kalau kita setkan kepada RM1,500.00 angkanya sudah pasti terlalu banyak. Kalau ikut BRIM dan SRIM dan sebagainya RM3,000.00 lagi banyak. Tapi saya kira baik kita letakkan tahap kepada status RM600.00 itu atau pun RM500.00 dan sekali gus kita dapat mengurangkan secara *staggered* dengan izin atau pun secara berperingkat untuk kita tangani masalah kemiskinan ini.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Kalau itu yang dimaksudkan oleh Batu Caves, sebenarnya di sudut dasar kita telah ada ya. Maknanya kalau kita katakan kemiskinan tegar itu diguna pakai seluruh Negara adalah pendapatan di bawah RM420.00. Kemiskinan atau pun yang miskin sahaja bawah RM720.00. Itu kayu ukur yang telah kita letakkan di peringkat nasional. Tapi ada satu lagi aras kayu ukur yang kita letakkan di Negeri Selangor khususnya iaitu RM1,500.00 ke bawah itu pun juga boleh diletakkan dalam kategori yang perlu diberi bantuan. Maknanya ini adalah satu dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri di Selangor ini selain daripada yang berpendapatan RM420.00 ke bawah atau RM720.00 ke bawah itu, mereka yang di bawah RM1,500.00 juga diberi perhatian, supaya kita lihat tidak ada mereka ini yang ketinggalan sebab kita terpaksa asingkan kategori itu supaya memudahkan kita menangani isu-isu yang ada. Jadi kalau yang RM420.00 ke bawah dan juga RM720.00 ke bawah ini adalah yang telah ditetapkan dan kita akan rujuk sama ada ini dalam kategori yang betul-betul tak upaya atau pun masih mampu. Jadi kalau tak upaya

memang ada elaun bulanan yang kita berikan supaya mereka tidak bergelandangan di luar. Tapi bagi jabatan atau pun bagi zakat, zakat menggunakan kaedah yang lebih bagi saya praktikal iaitu fardu kifayah iaitu mereka menggunakan di mana had kemiskinan atau pun bagaimana mereka membantu seseorang itu adalah bergantung kepada jumlah pendapatan dibandingkan perbelanjaan. Jadi, itu lebih praktikal yang saya nampak. Jadi sekian, itu daripada jawapan saya.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih. Saya ingin sentuh dalam perkara 32 iaitu Jawatankuasa Tetap Perumahan. Saya kira daripada pelan perancangan Jawatankuasa Tetap Perumahan terdapat usaha-usaha untuk membina rumah-rumah baru atau pun rumah-rumah mampu milik yang angkanya saya rasa kita tahu dari masa ke semasa. Dan saya rasa saya harus memuji langkah tersebut termasuk dalam usaha untuk menyelesaikan isu-isu peneroka bandar secara lebih rapatnya di Batu Caves Kg. Temenggung dan beberapa kawasan lain. Namun begitu saya ingin bertanya kepada Jawatankuasa Tetap Perumahan adakah Jawatankuasa Tetap Perumahan mempunyai perancangan untuk memelihara dan menjaga rumah-rumah awam dan rumah-rumah kos rendah yang sebenarnya dimiliki oleh Kerajaan Negeri. Saya sebenarnya mengambil contoh rumah transit yang dimiliki oleh Majlis Perbandaran Selayang yang sekarang ini mula dijual di Taman Samudera atau pun di Apartmen Dadimo. Di apartmen tersebut yang dulu menjadi tempat transit kepada peneroka-peneroka bandar yang ingin dialihkan kepada perumahan-perumahan kos baru dan sampai ke satu masa tertentu mereka ini sekarang ini pihak Majlis Perbandaran Selayang mula untuk menjual rumah-rumah tersebut. Namun begitu yang sangat menyedihkan selain kita ghairah untuk membina perumahan di Bukit Botak, Bukit Temenggung dan sebagainya perumahan yang sedia ada ini saya kira sangat uzur dengan beberapa kemudahan asasnya seperti pembetungan, seperti *electricity* atau pun aliran tenaga elektrik di dalam perumahan tersebut sangat uzur apatahlah lagi dalam *design* dan reka bentuk tahun-tahun 80an dan tahun 90an. Jadi, jadi saya hendak bertanya kepada pihak Jawatankuasa Perumahan adakah perancangan untuk menjaga yang benda yang sedia ada ini seperti di Dadimo ini atau pun di Taman Samudera ini. Kalau kita hendak kemukakan kepada Jawatankuasa Tetap Perumahan untuk naik taraf di bawah program ceria ah! bangunan ini tidak ada JMB dan JMC nya sebab sudah pasti ia merupakan satu kawasan transit, dan pengekalan peraturan supaya diletakkan JMB dan JMC ini saya rasa menyebabkan perumahan itu terpaksa dijual sekarang dan ia memberikan imej yang tidak begitu baik kepada Kerajaan Negeri mahu pun kepada Majlis Perbandaran Selayang dengan menjual pada barang yang tidak sempurna dan apatah lagi dalam isu mereka yang tinggal di sana dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanya dalam hal itu.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Untuk rumah-rumah transit yang sebelum ini ianya dikendalikan atau pun ada yang dipanggil sebagai *council home*. Ianya dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat bukan oleh Kerajaan Negeri. Tetapi ada peruntukan dalam Kerajaan Negeri di mana kita telah menggunakan untuk baik pulih contohnya di PPR Rimba Jaya, eh, no PPR HICOM iaitu di Kampung Baru HICOM, di Shah Alam pun digunakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Kalau begitu saya rasa lebih baik kita Kerajaan Negeri Jawatankuasa saya akan melihat akan keadaan tersebut dan kita akan mengambil tindakan yang selanjutnya. Tetapi sebelum ini kebanyakan rumah-rumah transit ini adalah di bawah Pihak Berkuasa Tempatan. Dari segi untuk membaiki bawah program ceria, program CERIA adalah khusus untuk mereka yang telah membeli rumah tersebut bukan untuk rumah dikendalikan oleh PBT atau dikendalikan oleh pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih, saya nak bangkitkan di sini sebab rumah-rumah tersebut saya kira secara tidak langsung ia dalam kawalan dan juga dalam pengawasan jawatankuasa perumahan dan juga setinggan yang turut di bawah EXCO yang berkenaan sebab ada sebahagian daripada mereka ini merupakan peneroka-peneroka bandar dan yang ingin dialihkan dan kalau sekarang kita da rumah-rumah seperti ini saya harapkanlah sangat di masa depan supaya diberi penumpuan yang lebih kepada rumah-rumah yang saya sebutkan tadi sebab ia secara tidak langsung walaupun ia diuruskan oleh pihak Majlis Perbandaran atau pihak PBT tetapi secara keseluruhannya saya nampak ia ada imej yang besar pada Kerajaan Negeri apatah lagi di dalam isu perumahan dan isu penempatan setinggan. Isu yang seterusnya belum dijawab tentang perkara yang saya sebutkan tadi, iaitu dalam jawatankuasa tetap setinggan. Antara beberapa isu setinggan yang ada di kawasan Batu Caves dalam kita menangani permasalahan isu setinggan sifar yang dibuat oleh kerajaan lepas, iaitu dua isu yang saya rasa sangat berserbut dan mengelirukan. Yang pertamanya berkenaan dengan perumahan di Jalan 10d iaitu saya rasa saya dah kemukakan banyak kali dalam dewan dan juga kepada EXCO berkenaan. Ada penduduk-penduduk yang terpaksa sekarang ini seperti tidak ada tempat bergantung. Dulu mereka ada rumah, mereka ada kampung tetapi atas program setinggan sifar dengan kebijaksanaan mereka akhirnya mereka dihalau. Dalam tempoh dua dijanjikan rumah siap dan akhirnya rumah tak siap. Masa pilihan raya nak beli undi bagi tanah kat sekolah buat program besar-besaran akhirnya pemaju tak mampu buat untuk perumahan. Dan isu ini adalah satu isu yang sangat berlarutan dan saya sangat-sangat berharap agar Jalan 10d ini dimasukkan antara program khusus untuk kita menangani walaupun jumlahnya kecil tapi di saat kita menangani Bukit Botak yang ada ribuan orang dan sebagainya dan saya rasa isu ini juga adalah isu penting dimasukkan di dalam

perancangan dan pembangunan ataupun program yang di bawah jawatankuasa tetap perumahan dan jawatankuasa tetapi setinggan. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih. Berkenaan dengan rumah transit. Kalau kita lihat rumah transit di PPR, 2 rumah transit iaitu PPR. PPR ;digunakan sebagai rumah transit iaitu Kota Damansara dan di Lembah Subang 1, di mana oleh kerana pada asalnya ia ditadbir oleh pihak majlis atau pihak berkuasa tempatan oleh kerana bila kita telah buat lawatan dan mendapati bahawa masalahnya kritikal maka Kerajaan Negeri telah campur tangan dan bersama dengan Majlis Bandaraya Petaling jaya telah menyelesaikan masalah penduduk di sana oleh kerana rumah yang keadaannya tidak sempurna. Saya rasa saya yakin bahawa masalah yang berlaku di Selayang ini juga boleh kita selesaikan melalui cara yang sama. Tentang setinggan ataupun peneroka bandar yang tinggal di Jalan 10D, kita telah mengadakan beberapa rundingan dengan pihak pemaju dan akhirnya pihak pemaju nampaknya tidak bersedia untuk menyelesaikan dengan cara seperti mana yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya rasa saya yakin bahawa Yang Berhormat tahu kita telah bertemu satu kali ataupun ada lagi satu cadangan yang terkini di mana boleh kita bincangkan bersama dan kita letakkan peneroka Bandar Jalan 10D ini sebagai agenda yang utama untuk diselesaikan pada tahun 2013. Terima kasih.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih yang terakhir sekali, berkenaan dengan perumahan dan juga masalah setinggan. Di antara satu isu yang satu lagi yang berkaitan di kawasan Batu Caves dan kawasan Gombak Selayang ialah berkenaan dengan rumah transit di Kg. Sg. Kertas. Saya ceritakan sedikit isu ini iaitu mereka ini merupakan sebahagian setinggan di kawasan Hulu Klang dan sebahagian mereka ini adalah setinggan-setinggan di kawasan rizab sungai dan bila ada pemindahan setinggan satu masa dulu mereka telah dimasukkan di kawasan tanah Majlis Agama Islam Selangor di tanah Sg. Kertas. Y.B. EXCO sendiri pernah hadir bila berlaku masalah kebakaran di sana. Dan saya rasa isu ini sangat berkait dengan perumahan yang tertangguh ataupun terbengkalai di Ukay Bestari dan di beberapa kawasan perumahan lain. Jadi saya rasa ini dia jadi satu yang crisscross dengan izin ataupun melangkaui dua, tiga EXCO iaitu pertamanya berkenaan dengan perancangan MAIS. Apakah MAIS mempunyai perancangan khusus di atas tanah tersebut kerana selagi tanah-tanah itu didirikan rumah-rumah transit ini yang jangka hayatnya sepatutnya berjangka dalam sekitar satu tahun atau dua tahun sekarang sudah jejak 11 ataupun 12 tahun ia telah menimbulkan masalah bukan saja masalah fizikal tetapi juga masalah infrastruktur, masalah kesihatan, masalah hubungan masyarakat setempat dan juga isu-isu semua masalah yang ada dalam negeri ini boleh dikatakan sebahagiannya ada bersarang dan berkubur di situ termasuk isu-isu sosial. Jadi saya rasa ia ada satu

perlu ada jalan penyelesaian menyeluruh untuk menangani isu ini di kawasan Sg. Kertas itu iaitu tanah Majlis Agama Islam pemindahan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran dan tanggungjawab oleh MPS untuk menangani setinggan dan akhirnya rumah terbengkalai tak siap mereka tak tahu pergi. Dan sampai ke satu ketika ada sebahagian yang dah dapat rumah, rumah yang dia dapat itu diwariskan pula untuk dijadikan rumah sewa dan dia dah bersarang dan menjadi satu isu yang saya rasa kalau kita tak tangani isu ini ia bukan saja boleh menyebabkan isu politik dan sebagainya tetapi saya kira yang pentingnya ialah imej kepada kerajaan yang maju dan usaha kita untuk menangani isu ini. Jadi soalannya bilakah perumahan di Ukay Bestari itu ataupun di penempatan sebahagian mereka ini, bila mereka telah disiapkan. Kalau dah siap kita boleh letakkan mereka-mereka yang ada di sana untuk ditinggalkan dan seterusnya kedua mungkin pihak MAIS, apakah pihak MAIS ada perancangan untuk membina sekolah ataupun kemudahan-kemudahan lain di situ terutamanya di daerah Gombak. Kita kekurangan Sekolah Agama Menengah, Sekolah Agama Rendah banyak, Sekolah Agama Menengah sangat kurang dan terutamanya Negeri Selangor, kita harapkan kalau tidak ada satu lagi Sekolah Menengah Agama selain daripada memenuhi ruang tanggungjawab kita sebagai kerajaan ia mampu untuk memenuhi ruang-ruang kepada anak-anak yang mendapat keputusan cemerlang di peringkat Sekolah Agama ini supaya mereka boleh ditempatkan dan mereka boleh diduduki. Saya faham kawasan itu mungkin cuma dua ekar. Sekolah Agama perlukan lima ekar tetapi dalam hal ini saya harapkan tanah itu boleh digantikan dengan orang lain dan yang lima ekar itu boleh diserahkan kepada ataupun dicarikan untuk kita bina dan kita dapat menyelesaikan penempatan dan perumahan yang lebih menyeluruh khususnya di Kg. Sg. Kertas. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih. Tentang masalah di Kg. Sg. Kertas, ianya telah menjadi *head line* apabila berlaku kebakaran di sana dan kalau kita lihat bahawa masalahnya ataupun penyelesaiannya bukan sahaja siap rumah yang terbengkalai di Ukay Bestari kalau siap rumah terbengkalai di Ukay Bestari maka ke semua daripada mereka yang tinggal di rumah panjang di situ boleh dipindahkan ke Ukay Bestari. Masalahnya sekarang mereka-mereka yang tidak sepatutnya tinggal di situ yang telah masuk dan duduk di situ dan pihak Lembaga Perumahan bersama dengan pihak majlis telah kita arah untuk buat satu bancian untuk melihat berapa ramai sebenarnya yang layak duduk di situ dan berapa ramai yang sebenarnya telah masuk secara tidak sah dan berapa ramai sebenarnya yang telah menyewa. Jadi dia punya pokok ataupun punca penyelesaiannya pada saya adalah untuk kita membangunkan kawasan tersebut sebagai kawasan perumahan untuk diselesaikan secara *Insitu*. Ada mesyuarat telah dilakukan dengan pihak MAIS apabila berlaku kebakaran di situ sebab kita mahu membina balik rumah-rumah yang telah terbakar. Tapi untuk menyelesaikan yang pertama yang telah kita lakukan adalah untuk menyenaraikan jumlah mereka yang

layak untuk pergi berpindah ke Ukay Bestari apabila telah siap dan mereka yang telah duduk di situ secara haram. Selepas itu kita dapat jumlah yang sebenarnya barulah kita dapat tahu jumlah rumah yang sebenar atau unit yang sebenarnya yang patut kita bangunkan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, sila Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tuan Pengurus, saya ingin bercakap berkenaan dengan butiran di bawah kepala 505000 di kod objek 29000 di bawah perkara No. 6 Jawatankuasa Tetap Tanah dan perkara ini sudah pun di bangkitkan banyak kali sebelum ini dalam persidangan dewan yang lepas berkenaan dengan status permohonan tanah bagi 15 orang yang sudah sekian lama hampir masuk tahun yang kelima masih lagi belum berupaya diselesaikan. Ada bincian yang sudah dilakukan oleh pihak Pejabat Tanah Daerah, Majlis Perbandaran dan juga keputusan-keputusan yang telah dibuat sebelum ini tetapi sampai ke hari ini penduduk-penduduk dan mereka yang terlibat seramai 15 keluarga belum lagi apa-apa maklum balas daripada Kerajaan Negeri. Tanah yang dimaksudkan ialah di Kg. Lancung Jaya Seksyen 28 di Shah Alam. Di mana dalam mesyuarat-mesyuarat yang di bangkitkan hal ini sebelum ini saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk menerima ataupun meluluskan permohonan mereka yang terlibat kerana 71 lagi pendudukan kampung di kawasan terlibat sudah pun mempunyai geran hanya 15 keluarga saja tidak mempunyai geran dan alasan mereka tidak diberikan ini kerana kedudukan kampung ataupun tanah mereka itu berada di dalam kawasan ROW dan juga rizab sungai. Tetapi yang pelik kerana dalam pemberian tanah zaman kerajaan lama dahulu kawasan tanah yang juga termasuk di dalam ROW itu diberikan hak milik dan inilah, saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri oleh kerana yang terlibat ini adalah 15 keluarga dan bermastautin di situ lebih daripada 20 tahun apa salahnya Kerajaan Negeri berikan sepertimana yang telah diberikan sebelum ini. Dan sekiranya ada projek-projek pembesaran sungai dan sebagainya barulah dibuatkan pengambilan tanah semula supaya mereka yang berada di rumah yang terlibat itu tidak berasa terancam, sekarang ini mereka berasa agak terancam dan ini memerlukan penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Memang betul kawasan ataupun rumah-rumah yang terlibat itu berada di dalam rizab sungai. Saya telah melakukan lawatan tapak di kawasan tersebut tetapi ada tempat-tempat atau kampung-kampung lain di mana juga berada dalam rizab sungai di mana mereka telah memohon untuk mendapatkan hak milik tanah di mana kita tidak memberi hak milik tanah tetapi kita memberikan lesen pendudukan sementara LMS sahaja. Ini berlaku di kalau tak silap

saya di Kg. Perepat pun sama keadaan yang sama kita tidak beri hak milik tanah tetapi kita beri LMS. Jadi yang itu boleh kita pertimbangkan. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih. Saya menyambut baik usaha itu tetapi sekarang ini statusnya memanglah sebagai LMS statusnya pendudukan sementara tetapi yang menjadi sesuatu yang perlu kita tangani ialah timbul perasaan tidak puas hati di kalangan penduduk-penduduk yang terlibat kerana hanya 15 keluarga kerana 71 yang lain dapat yang dapat pula itu addalah walaupun di bawah kerajaan lama tetapi kita harus faham kalau kita tidak tangani isu ini dengan baik sudah 4 tahun lebih masuk 5 tahun seolah-olah kita pihak kerajaan Pakatan Rakyat tidak melakukan apa-apa. Sekurang-kurang satu usaha yang dilakukan panggil mereka diberi penerangan atau apa-apa juga yang perlu supaya mereka ini faham, jelas duduklah di situ se berapa lama yang mereka suka tetapi tanpa diberikan *title* ataupun geran sudah tentu mereka berasa kedudukan mereka itu tidak selamat. Nak rumah besar pun tak boleh, nak kecil rumah pun tak boleh, jadi seribu satu persoalan. Jadi, saya seru kepada Kerajaan Negeri oleh sebab isu ini sudah terlalu lama, 5 tahun lebih menunggu jawapan yang bersesuaian. Saya harap boleh diberikan pertimbangan untuk diberikan tanah ataupun *title* bagi mengurangkan beban yang dipikul oleh mereka. Seterusnya Tuan Pengurus saya ingin bercakap berkenaan dengan perkara yang sama dalam para 15 jawatankuasa tetap infrastruktur dan kemudahan awam berhubung dengan pembinaan projek sambungan LRT Kelana Jaya yang baru-baru ini berlaku satu kejadian tanah runtuh di belakang rumah No. 31 Jalan Tanjung Masai Seksyen 28. Dalam perbincangan awal yang melibatkan semua Persatuan Penduduk Subang Alam, Persatuan Penduduk Putra Height dan juga pihak prasarana serta pihak Kerajaan Negeri sendiri yang sudah memanggil beberapa kali mesyuarat jawatankuasa ataupun mesyuarat MTES dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri dan juga prasarana akan memberikan penerangan kepada penduduk-penduduk yang terlibat. Hasil daripada Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah sekitar sebulan tengah yang lepas, dua minggu yang lalu diadakan satu sesi penerangan kepada penduduk-penduduk di kawasan Subang Alam dan juga Putra Heights. Apa yang merisaukan mereka ini untuk makluman pihak Kerajaan Negeri dalam proses penerangan itu dimaklumkan bahawa pihak Prasarana meminta pihak tuan punya kolam yang berada di berhampiran di jajaran itu untuk menurunkan kadar air yang berada di dalam tasik. Malangnya selepas air diturunkan keadaan ban itu sekarang ini kelihatan gertak dan ini menimbulkan keadaan yang agak membimbangkan tambah lagi dalam keadaan musim hujan dua tiga minggu yang ini berlaku kejadian tanah runtuh yang sudah pun ya saya maklumkan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan hadir, PBT pun hadir tetapi sehingga kali ini tidak dijelaskan atau pun diberikan satu keputusan tentang hasil siasatan yang dibuat dan ini merisaukan penduduk-penduduk kerana tinjauan saya sendiri ke kawasan rumah No. 31 mendapati yang kedudukan

tanah itu memang tidak kukuh. Cerun itu bukan sekadar kelas 3, kelas 4 lagi malahan lebih curang daripada itu dan ini cukup membahayakan nyawa dan juga harta benda. Kita bimbang keadaan yang berlaku seperti di Hulu Langat. Satu ketika dahulu disebabkan berpunca daripada runtuhan kecil akhirnya menjadi satu runtuhan yang meragut nyawa dan sebagainya. Tetapi saya pohon penjelasan Kerajaan Negeri apakah status terkini? Begitu juga dengan LRT ini adakah diteruskan Kerajaan Negeri bersetuju atau tidak? Kerana ia menimbulkan satu keadaan yang agak tidak tenteram di kawasan yang terlibat. Kalau setuju berikan penerangan kepada penduduk-penduduk dan kalau sekiranya tak setuju juga tolong berikan. Kalau sekiranya bersetuju untuk dilaksanakan projek itu saya juga suruh Kerajaan Negeri untuk memberikan jaminan keselamatan kerana projek yang dibuat itu pada hari ini jajaran yang dibina itu pun pihak Syarikat Prasarana tidak menghalang, menutup dan sebagainya dan ini menimbulkan keadaan yang tidak selesa dan berlaku sewaktu kejadian waktu peperiksaan UPSR tiga minggu lepas. Pada minggu lepas sewaktu murid-murid mengambil peperiksaan projek itu pun masih diteruskan di belakang sekolah. Jadi saya pohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, Seri Setia, membangkitkan perkara itu. Seri Muda saya rasa sudah lebih daripada lapan kali perjumpaan kita saya akan panggil semula sebab kita telah meminta nasihat beberapa pakar tentang perkara ini dan disetujui oleh prasarana jadi oleh sebab itu saya tidak hendak menjawabnya sekarang kerana saya nak tengok semula sebab kajian mereka menunjukkan tidak akan timbul masalah dan apabila air itu dikurangkan dengan air itu dikurangkan maknanya dia boleh dapat melihat dengan jelas tentang keteguhan kawasan itu untuk dibina. Jadi saya tidak boleh dapat menjawab tapi kita akan ambil tindakan dengan segera supaya tidak ada berlaku keadaan yang tidak baik.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih. Dato' Pengurus perkara yang sama dalam kod yang sama berkenaan dengan jalan yang tanah di kawasan pasar Sri Muda kerana ini pun isu yang kita bangkitkan dalam Sidang Dewan yang lepas dan sudah pun ada Usul di peringkat Dewan ini untuk kita meneruskan pembinaan pasar dan juga parkir di kawasan Taman Sri Muda. Walau pun persetujuan sudah lama dicapai untuk menukar status tanah daripada *parking* kepada pasar dan juga *parking* tetapi sehingga kali ini sudah melebihi tempoh tiga bulan belum pun ada apa-apa maklumat berhubung dengan pembinaan pasar ini kerana saya fikir kedudukan pasar ini dengan status tanah yang belum pasti telah mengakibatkan peniaga-peniaga ini berisiko disebabkan mereka tidak lagi mempunyai ruang untuk bermiaga selepas 31hb Disember 2012. Pihak pemaju dan juga tuan punya tanah sudah mengeluarkan surat dan arahan mahkamah sudah diberikan di mana peniaga-peniaga ini diminta mengosongkan tanah itu selepas 31 Disember 2012. Jadi persoalan saya ialah kenapa

proses untuk tengok status tanah yang melibatkan Pejabat Tanah, Daerah, Klang dan juga pihak Majlis berjalan agak perlahan kerana keadaan ini sebenarnya memberikan satu keadaan yang terumbang ambing pada peniaga-peniaga. Mereka memerlukan satu tapak perniagaan yang baru dan justeru itu saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk memberikan di dalam Perbahasan untuk Sidang Dewan untuk bajet sebelum ini saya belum tidak berkesempatan untuk masukkan. Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memperuntukkan RM10 juta daripada geran yang kita cadang untuk bina jambatan di Klang RM300 juta. RM10 juta pergi kepada pembinaan pasar ini dan bakinya sebanyak RM90 juta boleh digunakan untuk kemudahan Infrastruktur Jalan untuk seluruh Negeri Selangor. Kita ada sembilan daerah jadi kalau RM900, kalau sembilan daerah dapat RM90 juta masalah-masalah Jalan Kampung Luar Bandar Infrastruktur ini mungkin kita boleh selesaikan sehingga 50%. Jadi saya pun pohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Saya dapati ini salah satu daripada Dato' Speaker masalah penstrukturan yang tidak berjaya dan oleh sebab itu pemilikan tanah tidak teratur dan seterusnya. Saya tidak juga hendak memberi keutamaan kepada hal ini dengan membezakan kehendak-kehendak kawasan-kawasan yang lain. Jadi kalau itu kita buat logik kita tidak *study* oleh kerana ada permintaan kita ubah cara pemberian keutamaan. Itu sebab saya minta Bandaraya Shah Alam yang menjaga hal ini memberikan keutamaan mereka. Adakah ini dapat selesaikan, kalau dia dapat selesaikan maknanya kita akan sokong cara penyelesaiannya. Cara negeri untuk memperuntukkan dengan cara bagi sedikit sana, bagi sedikit sini ini boleh jadi, cara itu boleh jadi cara yang lepas tapi kita hendak membuat perancangan berterusan. Jadi tak ada kalau kita nak bagi bajet untuk pembinaan jalan-jalan kita buat bajet untuk pembinaan jalan-jalan kita buat bajet untuk pembinaan jalan-jalan. Jadi saya rasa dengan cara itu negeri perancangan negeri agak teratur tak ada yang dipanggil di Amerika *is called poke belley adjustment*. *Pope valley adjustment* itu wakil rakyat *adjust* dia punya peruntukan dan itu terdapat kritikan yang sangat besar kerana menyalahgunakan *taxpayer money* itu sebab saya akan cuba menyelesaikan masalah ini tapi saya berharap dapat apa itu reaksi positif dari Bandaraya Shah Alam sebab mereka yang akhirnya akan mengendalikan penempatan-penempatan ini.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Saya menunggu keputusan yang dibuat itu Cuma untuk makluman Kerajaan Negeri dan juga Yang Berhormat Ijok dalam Perbelanjaan atau pun Belanjawan yang disediakan oleh pihak Majlis Tahun 2012 ada disediakan peruntukan sebanyak RM400 juta tetapi pun sudah ditarik balik semula disebabkan katanya tidak ada tambahan daripada Kerajaan Negeri. Jadi saya minta Dato' Menteri Besar untuk meneliti semula perkara ini dan menyiasat kerana saya berasaskan pembinaan ini sepatutnya sudah siap 10

tahun dahulu. Jadi ditambah dengan soal tanah, soal pertukaran syarat tanah dan sebagainya ia menjadi sesuatu yang saya fikir tak patutlah kita bincang kerana sepatutnya sudah selesai, ia ada 150 orang peniaga di kawasan yang terlibat. Satu lagi di bawah perkara yang sama ialah berkenaan dengan kemudahan asas kerana dalam penghujung Oktober dan awal November yang lepas berlaku tiga kali banjir dan tempoh 10 hari di kawasan Kampung Johan Setia, Kampung Seri Nadi, Kampung Bukit Niaga, Bandar Putera, Bandar Puteri, Kampung Segambut, Taman Sentosa dan juga persekitaran kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Kampung penama di Klang. Jadi saya ingin bertanya dengan Kerajaan Negeri ada peruntukan yang disebutkan untuk dilaksanakan sekitar RM50 juta dalam bukan dalam bajet ini tetapi di akan di ambil daripada rizab RM20.5 million yang kita ada. Saya ingin menyarankan supaya ia dipertingkatkan kerana saya berasaskan masalah banjir di sekitar Daerah Klang dan juga sekitar kawasan ini bukan masalah baru, masalah yang cukup lama dan cara terbaik ialah kita bina segera satu kawasan yang dipanggil tadahan sementara air hujan masuk ke dalam sungai kita bina. Terdapat satu kawasan tanah untuk kegunaan Masjid dan juga seluas lebih kurang 38 ekar di sekitar Kampung Johan Setia dan 18 ekar daripadanya sudah diperuntukkan bagi pembinaan tapak Masjid dan juga kubur. Jadi baki yang ada itu sekarang ini diusahakan untuk tanaman Pertanian penduduk-penduduk sekitar dan saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil mungkin dalam 4 atau 5 ekar untuk dibuat satu kolam tadahan kerana dengan wujudnya kolam ini sewaktu musim banjir kita boleh alihkan air ke dalam kolam tetapi apabila musim kemarau kita boleh gunakan kolam itu untuk memadamkan kebakaran kerana ada dua isu besar di Johan Setia ini. Kalau kering terbakar kalau hujan banjir. Jadi isu ini kena tandatangani dengan segera kerana dalam tempoh 10 hari 3 kali air hujan masuk ke rumah adalah satu pengalaman yang buruk kepada setiap penghuni-penghuni rumah. Jadi saya pohon Kerajaan Negeri untuk mempertimbangkan cadangan ini dan memberikan satu maklum balas yang saya fikir boleh memberi manfaat kepada kebanyakan masyarakat sekitar. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, saya rasa kenyataan yang diberikan oleh Yang Berhormat tadi tidak termasuk ke pemikiran pegawai-pegawai jabatan air. Itu sebab saya nak masuk kepada mereka. Mereka anggap perkara ini ialah perkara biasa jadi tak ada jawapan yang paling terbaik di jawab tak ada peruntukan. Jadi itu paling selalu walaupun mereka saya tanya berapa jam berfikir tentang perkara ini, dia pun tak ingat berapa jam dia berfikir jadi maknanya itu jadi apa yang saya buat itu sebab saya katakan saya letakkan peruntukan itu. Saya nak tengok sekarang berapa jam dia buat perancangan kalau tidak besok kita akan saya sudah mula meminta Jurulatih daripada *Network* saya *International* untuk datang mengajar dia untuk kerja. Saya akan ajar dia untuk kerja supaya setiap jam dia kerja baru di bayar gaji. Saya tak hendak keadaan ini berlaku kerana selalu saya tengok satu rancangan yang tempang

iaitu tebuk sini tak tebuk sana sebab pengaliran tidak boleh ditebuk di satu tempat tetapi mesti dari atas sampai ke laut. Jadi dia melihat itu sebab bila saudara sebut itu saya nak tengok ke mana lagi dia pergi. Jadi itu sebab saya dah oleh kerana saya pun saya ingat orang dah lulus *engineering* dan lulus banyak ini sudah tentulah mereka dah mempunyai kepakaran, nampaknya oleh kerana tak ada *pressure* tak ada *peer pressure or responsibility pressure*. Jadi sekarang saya nak cuba *testing* itu saya tak tahu lagi akan dah *test* kalau kita buat satu-satu tidak selesaikan yang lain dia tidak sebab aliran ini bersambung bukan satu tempat jadi saya harap saya akan dapat seperti yang jabatan-jabatan yang lain dapat menerima dia punya proaktif dia punya semangat yang dapat kita cuba selesaikan.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Masa untuk Sri Muda sudah tamat. Untuk melanjutkan ini, Usul Lanjut Masa diperlukan. Dewan bersidang semula. Saya mempersilakan Yang Amat Berhormat membuat Usul Lanjut Masa.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker, Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu Usul yang berbunyi berikut ;

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini, mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga 5.30 petang.”

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila kata, YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila kata, TIDAK. Dipersetujui.

Dewan bersidang dalam Jawatankuasa.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Bentara. Dipersilakan Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Terima kasih. Subang Jaya hanya nak bangkitkan tiga isu di bawah B01, di bawah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Yang soalan, isu yang pertama saya tujukan kepada Dato' Menteri Besar di

bawah Jawatankuasa Tetap Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES). Subang Jaya telah bangkitkan dua....

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat kena rujuk Vot mana. Butiran mana.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Maaf, Tuan Speaker, Butiran Program Aktiviti 505000 Kod Objek 29005, mengenai MTES. Subang Jaya telah bangkitkan dua isu yang penting di Subang Jaya kepada Jawatankuasa MTES, dan Jawatankuasa MTES menulis balik kepada PBT. Masalah yang kita ada di peringkat ADUN ini, apabila kita meminta Pihak Berkuasa Tempatan untuk membincangkan sesuatu perkara yang penting, perkara itu tidak dibawa-bawa beberapa bulan lama sehingga saya perlu tulis surat kepada MTES. Apabila saya tulis surat kepada MTES, MTES kemudiannya ataupun Pejabat Menteri Besar menulis surat balik kepada PBT untuk ulasan. Dan kemudiannya, saya langsung tak dengar apa-apa daripada PBT.

Dua perkara penting ini ialah;

- i) Pembinaan tempat letak kereta bertingkat di SS15, Subang Jaya. *Multi storey parking*, yang cukup penting. Dan PBT, saya tahu tak duit untuk membina. Jadi kita perlukan satu hala tuju daripada Kerajaan Negeri. Saya perlu, MTES memanggil mesyuarat ini secepat mungkin.
- ii) Isu perjanjian SJ Uptown. Perjanjian SJ Uptown ini di tanda tangani selama 20 tahun tambah 5, masa Kerajaan Barisan Nasional UMNO dulu, dan banyak kedai di SS 15 meminta supaya perjanjian ini tidak di klasifikasikan sebagai dokumen rahsia. Tetapi PBT tidak setuju. Dan saya telah menulis surat kepada Pejabat Menteri Besar dan MTES sekali lagi untuk Menteri Besar menggunakan kuasa, *to the gazette this agreement*. Jadi perkara ini sekali lagi dibawa daripada Pejabat MB, balik kepada PBT, dan kita langsung tak dengar apa-apa masalah, tak apa-apa ulasan ataupun *feedback*. Walaupun perkara ini saya telah katakan ia sangat penting, ia telah memakan masa beberapa bulan. Jadi saya harap Jawatankuasa Tetap Majlis Tindakan Ekonomi Selangor ini boleh merancangkan satu *time-frame* ataupun KPI, untuk perkara-perkara penting macam ini. Mungkin dalam masa dua minggu, isu mesti dibawa kepada pengetahuan dan perbincangan MTES.

Saya minta jawapan daripada Dato' Menteri Besar. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, inilah *lesson of bureaucracy*, satu pengajaran birokrasi. Dia berpusing-pusing. jadi memang, jadi sebab, kita tak ada

dalam, kalau dalam sektor swasta, kalau berpuasing macam itu, sebab, *there is a time value of money*. Tapi dalam Kerajaan, dia tak ada konsep, *time value of money*. Jadi kalau saya masukkan, *time value of money*, lagi kelam kabutlah. Jadi, kedua, saya rasa sekarang dah mula, kita ada perjumpaan, dua perjumpaan eksekutif tertinggi tiap-tiap minggu, dua. Satu, EXCO, kedua, MTES. Jadi maknanya tidak, kita tidak lari. Kalau apa-apa pun boleh diteruskan. Kalau dia *emergency*, terus boleh kita sediakan. Dulu dia mesti ada kertas dan kena buat. Tapi oleh sebab saya dan rakan-rakan orang profesional, kita boleh tuliskan kertas tu, sama-sama, tak payah, tak payah tunggu orang lain menulis. kita pun boleh tulis bersama. Jadi, *the bureaucracy part will be reduce*. Tapi masalah yang kita hadapi ialah Pihak Berkuasa Tempatan masih boleh jadi tidak ingin membangkitkan perkara itu kepada MTES. Sebab, dia mempunyai pemikirannya sendiri. Jadi itu sebabnya saya rasa mereka agak tidak cepat kalau dia hendak boleh buat cepat. Tapi tidak buat cepat. Saya juga tak hendak pula mengatakan, saya sokong Yang Berhormat Subang Jaya, jadi buat cepat. Sebab, bila itu berlaku yang di konsep, *first in first out*, itu akan tidak berlaku. ada orang-orang dibagi cepat, ada orang dibagi lambat. Itu sebab ada kalanya saya sabar kerana saya nak tunjukkan dia selesaikan kerja-kerja sehingga ke satu peringkat yang betul-betul tak boleh diselesaikan, kita boleh ada *special paper for them*. Itu yang saya nak tunjukkan. Jadi itu proses birokrasi yang kita lahirkan. Tapi dari segi ini, letak kereta ini, salah satu daripada masalah yang terbesar yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan ialah tidak cukup dana. Jadi saya telah bersetuju dan mencadangkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan mengikut tatacara yang dibuat Bandaraya Petaling Jaya dan tatacara yang dibuat oleh Bandaraya Kuala Lumpur, iaitu mengadakan satu *fund, trust-fund*, yang dapat mengutip apa yang dipanggil pembayaran-pembayaran pembangunan. *Development charges*. Dan duit itu dikumpulkan dekat situ, jadi tujuannya ialah semua duit-duit itu digunakan macam kalau letak kereta untuk *public*, dia boleh gunakan duit tersebut. Dan kalau duit itu tak ada, saya juga telah gunakan satu konsep yang dia boleh datang ke Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Negeri pinjamkan duit, ada. Sebab Kerajaan Negeri cukup duit untuk memberikan pinjaman, sebab saya nyatakan pinjaman. Kalau dibagi geran, mereka tidak menjaga sepenuhnya. Tapi bila pinjaman, dia ada rekod tentang itu. Saya tak nak, nak cakap Pihak Berkuasa Tempatan tak nak bayar pula. Tapi jawapannya dia ada rekod. Dengan cara itu kita ada *check and balance*. Jadi saya harap, saya akan tengok ini, minggu depan, dan kalau tidak kita akan jemput Subang Jaya untuk bersama-sama membuat keputusan.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Dato' Menteri Besar dan Tuan Speaker, isu kedua ialah untuk di bawah kod 505000, 35 – Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan untuk EXCO PBT. Isu kedua nak bangkitkan ialah Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan sekarang ini mengadakan mesyuarat di antara EXCO PBT dan YDP-YDP dan Dato' Bandar. Ahli-ahli Majlis langsung tidak tahu apa yang telah

dibincangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa PBT ini, Kerajaan Tempatan ini dan selalunya keputusan ini tidak sampai kepada Ahli Majlis. Ahli Majlis langsung tidak tahu hala tuju Kerajaan Negeri Selangor untuk keputusan yang telah dibuat. Saya bagi contoh yang baru saya terima aduan daripada Ahli Majlis di MPSJ. Surat ini dikeluarkan oleh MPSJ kepada satu *Internet Cafe*. Baru, tarikh, 25 Oktober, dan ini untuk pembaharuan lesen pusat *cyber*, tahun 2013 dan MPSJ telah mengatakan dalam perenggan ketiga;

“Selaras dengan keputusan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor, pihak tuan dikehendaki memasang *software B3 cafe, internet cafe billing management software*, atau *software* yang sama yang telah diiktiraf oleh Kerajaan Negeri Selangor. Dan pihak juga diminta untuk mengemukakan *invoice software B3 cafe* ini sebagai dokumen sokongan untuk mendapatkan lesen mereka.”

Jadi Ahli Majlis semua terkejut apabila mereka melihat dokumen ini yang mengatakan Kerajaan Negeri Selangor telah memutuskan keputusan yang seperti ini. Dan ini tidak sepatutnya berlaku kerana nampaknya macam monopolii yang telah diberikan kepada satu syarikat untuk mengeluarkan *software* sebegini. Jadi saya minta satu penjelasan dan saya minta Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan di bawah EXCO PBT, mempertimbangkan supaya Jawatankuasa ini apabila mengadakan mesyuarat, menjemput Ahli-ahli Majlis untuk hadir bersama, jadi perbincangan boleh dibuat. Kalau hanya di antara Dato' Bandar dengan YDP dan EXCO PBT, masalah-masalah yang dihadapi oleh Ahli Majlis dan komuniti setempat tidak sampai kepada pengetahuan Kerajaan Negeri apabila perbincangan dan keputusan dibuat. Saya minta penjelasan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, sebenarnya setakat ini Kerajaan Negeri belum ada dasar ataupun arahan kepada mana PBT termasuk MPSJ, untuk mengadakan apa yang disebutkan syarat yang baru disebutkan oleh Subang Jaya. Syarat itu hanya dikenakan kepada semua pengusaha yang berminat untuk mengadakan *Cyber Cafe* yang baru. Yang dinamakan *Cyber Cafe Sihat*. Jadi saya rasa inilah satu kesilapan, *this is a mistake*, yang berlaku di MPSJ dan saya sendiri akan memintalah, meminta MPSJ untuk membuat pembetulan. Dan... itu saya, terima kasih.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Setakat ini, saya sebagai Pengerusi Kerajaan Tempatan tidak bercadang untuk mengadakan apabila, adakan STANDCO Kerajaan Tempatan buka kepada semua, semua Ahli Majlis sebab ini bukan satu cara yang praktikal. Tetapi saya haraplah mana-mana keputusan dibuat oleh PBT, STANDCO PBT, STANDCO ini dihadiri oleh semua YDP ataupun wakilnya, jadi seharusnya

menyampaikan apa-apa keputusan yang perlu diberitahu kepada Ahli Majlis masing-masing. Itu saja, terima kasih.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Minta penjelasan

TUAN SPEAKER: Ini masa Yang Berhormat, tak perlu minta kebenaran daripada saya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Terima kasih, Tuan Speaker. Saya faham tidak praktikal untuk menjemput semua Ahli Majlis untuk hadir bersama. Tapi mungkin Yang Berhormat PBT boleh, EXCO PBT boleh mempertimbangkan empat wakil daripada setiap PBT untuk hadir bersama. Masalah yang kita hadapi sekarang, YDP tak sampaikan keputusan kepada Ahli Majlis. *This is the clear example* dengan izin ya. Yang Berhormat EXCO kata tak ada keputusan seperti ini, tetapi surat ini telah dikeluarkan kepada semua *internet cafe* yang mana mahu memperbarui lesen mereka. Nampak tak elok atas imej Kerajaan Negeri Selangor lah. Saya minta Yang Berhormat panggil Ahli Majlis bersama supaya isu ini sampai, mesej ini sampai kepada mereka dalam melaksanakan sebarang keputusan sebelum Kerajaan Negeri Selangor membuat polisi. Boleh Yang Berhormat Pandamaran.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, *noted*.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Ok, *noted*. Isu terakhir yang saya mahu bangkitkan ialah di bawah butiran Program 505000, Jawatankuasa, nombor 22, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita ataupun kalau Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita tak cukup duit, mungkin kita boleh bawa kategori 31, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan. Saya cadangkan EXCO Wanita yang memegang portfolio dua Jawatankuasa ini mempertimbangkan keluarkan bajet segera untuk tahun depan. Satu *emergency fund* untuk menghantar ADUN-ADUN yang kurang sensitif, yang tidak hormat kepada kaum wanita untuk menghadiri satu kursus *Gender Sensitive Training*. Saya rasa kita sudah sampai masa kritikal apabila kita ada ADUN dalam dewan yang mulia ini mengatakan komen yang tidak senonoh dan kita semua tahu kaum wanita 50% daripada rakyat Selangor terdiri daripada kaum wanita. Jadi, memang tidak menghormati dewan yang mulia ini apabila dalam dewan ini ada ADUN-ADUN yang mengeluarkan kata-kata yang betul-betul tidak menghormati kaum wanita. Jadi, saya cadangkan kita hantar semua untuk *Gender Sensitive Training* ini, tetapi untuk ADUN Batang Kali *emergency crash course* saya rasa ini perlu untuk membantu beliau sebelum pergi kempen dalam pilihan raya untuk kebaikan Y.B. Batang Kali saya cadangan *crash course* ini diberikan percuma kepada ADUN Batang Kali dulu, terima kasih. Saya minta EXCO beri jawapan.

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM : Speaker saya mahu penjelasan. Saya mahu penjelasan.

Y.B. TUAN SPEAKER : Minta tengok benar tak, benarkan tak.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN : Saya nak EXCO bagi jawapan ADUN Batang Kali, boleh?.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL : Sebelum saya jawab bagi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita, saya rasa sebelum panggil untuk program *emergency crash course* sepatutnya beliau dipanggil dalam Jawatankuasa Tetap Hak dan Kebebasan terlebih dahulu kerana *statement* itu belum ditarik balik oleh Batang Kali. Tapi, apa pun saya memang bersetuju sangat dengan Batang Kali, eh dengan Batang Kali pula, dengan Subang Jaya bahawa Batang Kali patut dikenakan sesuatu hukuman yang setimpal kerana isu diskriminasi gender dan juga *sexist* di dalam istilah untuk tidak menetap atau tidak mempermainkan ataupun tidak hormat kepada wanita ini adalah isu serius yang perlu dipandang oleh semua pihak. Jadi, untuk buat satu program *compulsory* itu memang patut tetapi ingin saya nyatakan di bawah hal ehwal wanita kita memang ada satu program sebab itu program di bawah perancangan kita ada program yang saya telah nyatakan iaitu apa ada pada gender. Jadi itu sepatutnya sebelum telah dibuat kepada masyarakat tetapi sekarang ini kita akan khususkan kepada ADUN-ADUN. Jadi saya bersetuju dan saya juga mencadangkan supaya EXCO apa ini sumber manusia menamakan SPIES Gender kepada program tersebut. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM: Boleh.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Boleh.

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih kepada EXCO daripada Subang Jaya. Saya pun agak terkejutlah di mana perkataan saya yang *sexist* itu. Kenapa saya ketika saya menyebut tentang tak ada pun bantahan daripada Peraturan Tetap dan sebagainya. Tolong sebutkan perkataannya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Saya minta ADUN Batang Kali yang sebutkan sekali lagi kenyataan semalam sama ada itu *seksis* atau tidak.

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya tidak tahu, saya tak ada sebut perkataan sexist. You minta maaf, Subang Jaya yang terperasan ataupun EXCO yang terasa sebutkanlah apa perkataannya.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Jadi sekarang kaum wanita yang terperasan ya.

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM: Sebutkan. Sebutkan.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Saya baca daripada Malaysia Kini ya.

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM: Bacalah.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: *I'm very happy* bahasa Melayu ya. Saya juga cukup amat gembira kerana EXCO menjaga kawasan-kawasan. Teruskan menjalankan aktiviti mengawas hutan-hutan simpanan ini daripada di ceroboh. Jangan sampai lupa jaga hutan diri *you* sendiri. Apa maksud hutan diri *you* sendiri.

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM: Ok, terima kasih. Kalau boleh buka *hansard* saya tidak ada menyebut perkataan hutan *you* sendiri, yang saya cakap dengar betul-betul ya, itulah makan cili mestilah terasa pedas, yang saya beritahu EXCO Bukit Lanjan yang menjaga hutan simpan memang bagus jaga baik-baik hutan simpan Bukit Lanjan. Itu sahaja saya cakap. Kalau yang selebih itu tak puas hati saya minta maaf.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Kita kena tunggu *hansard*. *Hansard* belum disediakan.

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya tak ada berniat lain. Saya beritahu dia saya puas hati cara dia menjaga hutan simpan yang sedia ada yang di ceroboh dan sebagainya. Itu sahaja.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Terima kasih ADUN Batang Kali, kita tunggu *hansard* baru kita boleh perbetulkan, tapi saya rasa tiada masalah kalau hantar ADUN-ADUN pergi *gender sensitive training* ini untuk kebaikan ADUN sendiri supaya boleh mengelakkan.....

Y.B. DATO' MOHD ISA BIN ABU KASIM : Untuk ADUN Pakatan Rakyatlah. Sebab memang kita tahu dia orang ini moral kurang berapa baik. Eloklah dihantar. Saya setuju.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI : Tuan Pengerusi, saya nak minta sedikit penjelasan daripada Y.B. Subang Jaya. Saya rasa dari rekod-rekod yang kita perhatikan sama ada di Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negeri jelas saya rasa wakil rakyat Barisan Nasional dari UMNO khasnya yang selalu mengeluarkan kenyataan *sexist* kalau kita ingat sebelum ini Kinabatangan di Dewan Rakyat kita. Jadi saya nampak hari ini dengan apa yang dikatakan oleh Y.B. Batang Kali tadi, saya rasa memang dia tak sedar-sedar tak faham-faham pun. Jadi saya cadangkan memang saya setujulah kalau diadakan boleh dalam masa terdekat ini itu *special course* untuk dia bagi *free* ke apa ini tawaran istimewa Pakatan Rakyat untuk Barisan Nasional UMNO yang tidak peka, sensitif dan *sexist* ini dulu, kini dan selamanya *sexist*.

TUAN SPEAKER : Baik.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Memandangkan saya masih ada masa Dato' Speaker.

TUAN SPEAKER : 30 saat.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Saya nak, tak apalah.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Speaker.

Y.B. TUAN ISMAIL BIN SANI: Speaker, Dusun Tua.

TUAN SPEAKER: Ya, Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih, Tuan Speaker. Bangi mahu membangkitkan beberapa perkara di bawah Vot BO1 Butiran 505000 di bawah Jawatankuasa Tetap Luar Bandar 18 yang kedua Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam 15 dan yang ketiga terakhir 32 Jawatankuasa Tetap Perumahan. Sebagaimana kita maklum, pada tahun ini berlaku beberapa kali banjir yang agak besar ya yang pertama pada bulan April 2012 di Hulu Langat yang banyak berlaku kerosakan. Kemudian pada 4 September 2012 berlaku banjir di Seri Serdang dan juga termasuk bawah DUN Bangi iaitu banjir di Sungai Ramal Luar yang juga melibatkan beberapa tempat lagi lah. Tetapi itu yang agak besar. Kemudian pada 5 November banjir di Sepang Bukit Changgang termasuk juga banjir-banjir yang berkaitan di DUN Bangi ya

pada masa yang sama seperti yang berlaku di Jalan Reko, Pekan Bangi dan sebagainya. Akibatnya antaranya memanglah banyak berlaku kerosakan rumah rosak, jalan dan sebagainya. Tetapi Bangi nak membangkitkan berlaku beberapa kejadian tanah runtuh yang agak serius yang paling serius dan ini berterusan sebenarnya setiap kali berlaku banjir. Maka di Bukit Mewah, ini bukit yang terkenal di Kajang. Keliling itu berlaku tanah-tanah runtuh. Umpamanya sejak dari 1990 an lagi tanah di kaki Bukit Mewah itu dekat dengan Surau An-Naim tanah bergerak 20 rumah yang rosak hingga sekarang sebenarnya walaupun ada usaha untuk membaiki tetapi masih tidak dapat diselesaikan. Tetapi di tempat yang sedemikian juga, baru-baru ini berhubung dengan banjir ini puncak bukit dalam mana sebuah kondominium mewah di atas itu terletak berlaku keruntuhan tanah yang dibimbangkan takut terjadi sebagaimana dekat Bukit Antarabangsa kalau tanah itu runtuh, bukan sahaja kondominium yang akan runtuh tetapi rumah-rumah yang beratus buah di kaki bukit itu juga akan mengalami masalah. So kita mengharapkan tindakan daripada pihak kerajaan lah khususnya kerajaan tempatan. Di bukit ini juga yang dikenali sebagai Bukit Baru, Kajang Baru tanah runtuh juga dalam mana sudah dikatakan diperuntukkan RM3 juta untuk memperbaiki tanah runtuh ini, tetapi sehingga sekarang apa yang nak dikatakan baiki itu tidak dibaiki. Kita bertanyalah bila sebenarnya nak dibaiki tanah runtuh di kaki bukit ini.

Selain, daripada itu, berlaku juga apa dia ini tanah runtuh di Kampung Bahagia di Pekan Bangi, dalam mana dia merosakkan rumah yang apa dia ini tempat tanah runtuh ini. Selain daripada itu, ada kawasan perumahan di apa dia ini Kajang 2 dalam mana bukit-bukit itu telah digondolkan dan air mudah berlari turun ke bawah tidak ada kolam takungan dan kalau ada pun saya fikir tidak mampu menakungi air yang agak cepat. Akibatnya apabila hujan kalau pun tak banyak dia masuk ke Jalan Riku. Jalan antara Kajang ke Bandar Baru Bangi ke Pekan Bangi ke UKM dan ini menyebabkan masalah rosak jalan selain daripada mengganggu apa dia ini perjalanan kenderaan kerana hujan sedikit banjir dulu tidak berlaku seperti sedemikian. Begitu juga kita lihat umpamanya akibat daripada tidak ada penyelenggaraan yang baik dari segi perparitan dan sebagainya jalan-jalan yang disebutkan tadi berterusan apa dia ini dibanjiri oleh air so kita berharap perkara ini dapat diambil tindakan bukan setakat jalan ini sahaja tetapi oleh kerana Sungai Langat daripada Kajang ke apa dia ini Bandar Baru Bangi dan sebagainya dia jadi sebu. Oleh kerana, sungai ini tidak dibersihkan umpamanya di Jalan Riku, beberapa perumahan apabila hujan sedikit naik air dan menyebabkan berlaku banjir. So kita harap mendapat respons daripada pihak kerajaan berhubung dengan masalah banjir.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Y.B. Bangi, saya satu daripada keputusan yang kita buat selepas 2008 iaitu tidak membenarkan pembangunan di kawasan kelas 3 dan kelas 4 untuk tujuan tidak akan lagi berlaku keadaan tanah runtuh

yang mengakibatkan kesannya kepada kawasan perumahan. Kita percaya tanah runtuh akan berlaku walaupun dalam keadaan yang cuaca yang kita ada dan tanah runtuh akan berlaku. Tapi yang penting tanah runtuh adalah *natural happening* tapi tidak memberi kesan kepada kawasan-kawasan penempatan dan perumahan dan boleh diperbaiki. Keputusan itu telah kita buat tapi keputusan yang kita buat itu adalah kerana kita dapati kerana pembangunan sebelum 2008 telah tidak mengendahkan keadaan ini. Y.B daripada Bangi diberitahu tempat-tempat itu, tempat-tempat itu bangunannya dah dibuat 15 ke 20 tahun dahulu. Itu sebabnya, itu sebab perkara ini berlaku. Jadi, dan apa saya lakukan 2 perkara untuk banjir perancangan negeri membuat mengkaji rekod-rekod banjir selama 20 tahun. Kita ada 1 buku sekarang dah keluar. Apabila hujan lebat, di manakah kawasan di Negeri Selangor yang akan menghadapi banjir. Saya ingat kita akan, saya nak minta perancang bandar untuk bagi setiap wakil rakyat sebab dia dah buat *prediction* lebat macam ini berapa peratus tempatnya. Saya umpamanya di Ijok satu kawasan Sungai Dara dan Rantau Panjang dia *high probability* iaitu ia memang kalau itu kita kena sediakan berapa cepat. Jadi itu dia punya, itu untuk *temporary solution* sebabnya berlaku banjir itu sebab penempatan itu ditempatkan yang tidak sesuai maknanya rezab sungai yang kita tadi baru bincang Seri Setia membangkitkan tak apalah 15 keluarga duduklah di tepi itu kalau apa-apa pun kita selesaikan. Lepas itu, bila kita bagi seperti yang dibuat oleh kerajaan yang lepas bila banjir dia tak ingat bahawa mereka tak boleh duduk dekat situ. Sebab dia kata dia kerajaan salah kenapa biarkan dia duduk situ. Yang sebenarnya dulunya dia *lobby* nak duduk situ, lepas tu bila dia kena banjir dia pula kata begitu. Itu sebab kita buat keputusan kita benarkan tetapi kita kena cari alternatif yang lain untuk mereka. Itu saya, dan sekarang kita dah peruntukkan dana yang daripada rizab itu RM100 juta untuk menyelesaikan perkara ini. Saya harap kita ada *priority* saya akan jemput Ahli Dewan Negeri tunjukkan *priority* saya akan jemput Ahli Dewan Negeri tunjukkan *priority* mana tempat-tempat yang dia cadangkan untuk diperbaiki. Sebagai contoh, saya nak bagi contoh nasib kita baik, kita *quite consistence* Ampang Point. Ampang Point ada satu pembangunan di sana, iaitu satu pembangunan yang dapat menengok hutan cantik malam dan dia dibuat di atas puncak dan apa yang berlaku 6 bulan yang lepas kita telah menahan mereka daripada beroperasi sebab kita dapati pembangunan yang dibuat tidak mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Kajang. Jadi saya *stop*, saya *stop* dan restoran tidak berjalan dan saya sudah tentulah mereka menyaman kita di mahkamah. Dato' LA terpaksa, saya *stop* sebab jawapan kita, kita takut tanah runtuh berlaku, sebab dia tidak dapat kelulusan, dia tak buat apa semua. Ada juga lobi suruh katakan benarkan dia berlaku. Nasib baik kita tidak benarkan kerana tanah itu dah runtuh dah sekarang. Jadi maknanya kita kena sekarang ada disiplin, maknanya kalau benda tu kita rasa tak boleh kita cakap tak boleh jadi lebih senang. Jadi saya berharap Yang Berhormat Bangi bangkitkan perkara ini supaya direkodkan oleh pegawai-pegawai kita untuk menolong masa depan menyelesaikan masalah ini. Masalah ini

penyelesaiannya bukan senang, antara satu penyelesaian yang saya rasa sukar tetapi kita cuba nak buat ialah penempatan baru. Mereka yang di kawasan itu kita alihkan ke tempat yang lain, tidak menghalau mereka tetapi bila ada gantinya kita minta dia hadir, seperti di pekan Kajang. Yang Berhormat Kajang tahu ada tempat-tempat yang di tepi sungailah, orang pun ada tidur kat sana, itu kena dialih. Tetapi buat masa ini saya tak minta Yang Berhormat daripada Kajang buat cerita, nanti karang jadi *political issue*. Tetapi kita punya objektif bila ada tempat yang lain kita alih dan selesaikan. Itu, saya ingat ini masalah serupa juga macam saudara Iskandar kata dekat Indonesia kita, apa, kita *beautify the place* baliklah.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Isu yang kedua, Tuan Speaker ialah...

Y.B. TUAN SPEAKER: Pengerusi

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: ya Pengerusi Tetap di bawah Jawatankuasa Tetap 15 Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan. Bangi mengucapkan terima kasihlah hasil daripada peruntukan untuk Sungai Ruku dan Sungai Maris hampir semua tempatlah baik kampung dan sebagainya jalan-jalannya dibaiki banyak dan sedikit sahaja umpamanya paling banyak di Sungai Ramal Dalam. Jalan utama daripada Seksyen apa dia ini 8 Bandar Baru Bangi sehingga kepada keluar jalan Kajang ke Putrajaya semuanya diturap dengan baik. Jalan-jalan kecil ada 8 jalan, 8 batang jalan sehingga penduduk kerana suka hati dia naikkan *banner* terima kasih kepada ADUN Bangi kerana apa dia ini membaiki jalan. Tetapi pihak UMNO dia menganggap dia angkat pula *banner* dia kata bukan daripada peruntukan dari Kerajaan Negeri ini peruntukan persekutuan dia kata MARRIS. Kita sebut yang Negeri Selangor memberi 23% daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dia tak dengar jugalah tapi itu cara kempen dia nak lawan kita. Saya beritahu orang kampung tak kiralah mana-mana asal jalan kita bagus terima jangan kita syukur sahaja ya.

Y.B. TUAN SPEAKER: Tahniah, tahniah sebab jalan di tempat saya pun belum buat lagi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Hampir semua kampung, tetapi satu yang besar yang di janji kerajaan JKR lah dia ini sebenarnya dipanggil kami Ahli Parlimen dan ADUN ajak turun bersama turun jalan baiki Jalan Reko ke Bangi lama akan dibuat *Park lane* di tengah itu ada *divider* dia kata belanja RM25 juta kami turunlah suka hati kerana nak baiki dan dia kata akan dipasang tiang-tiang lampu 70 batang daripada depan UKM kerana di situ tidak ada api lagi hingga pekan Bangi 70 batang memang dipasanglah. Cuma saya takut apa ini batang tiang patut dipasang berterusan tak ada api. Nanti akan diguna musuh kita dia kata kita pasang tiang sahaja buat apa

tak ada api. So, saya harap pihak JKR adalah dia kata akan pasang wayar ikut atas tapi wayar pun tak ada. Jangan sampai musuh kita guna dia kata pasang tiang sahaja sampai kat pilihan raya api tak ada wayar pun tak ada. Jangan jadi itu hujah atau pun dihentam balik kita. So kita harap JKR segeralah pasang wayar. Saya pun buat soalan dalam soalan lisan tak sampai lagi lisan atau tulisan tak sampai lagi jangan sampai pilihan raya tiang sahaja. Ada 3 batang dah dilanggar oleh lori kerana tak ada api. Saya ingat bukan sengaja dia langgar dia di tepi corner tuan-tuan pergi ke pekan Bangi lalu ikut UKM jalannya seperti jalan zaman jepun dulu dia tak rata dia pusing-pusing. Tapi itu latihan yang baik orang yang belajar kereta, ujian yang baik. Kerana dia pun saya dah bilang ada 17 corner lah daripada UKM hingga kepada Pekan Bangi. Kita faham untuk nak buat jalan *park lane* itu ada *divider* RM50 juta itu satu yang apa dia ini memakan masa yang panjang tapi kita harap terutama daripada Jalan Reko hingga UKM biarlah segera dibuat supaya orang tak kata kita cakap sahaja tapi memang daripada UKM untuk Pekan Bangi dia lalu apa dia bukit amat susah nak buat *park lane* saya terfikir macam mana ataupun mungkin dia buat *flyover* kita tak tahulah tapi itu mungkin wajar kalau kita tak buat tapi kalau daripada Jalan Reko ke UKM seharusnya segera dibuat dan satu lagi soal jalan daripada Seksyen 9 daripada Masjid Al-Hasanah pusat bandar Seksyen 9 hingga kepada tol Kajang oleh sebab banjir hujan berterusan jalan itu adalah jalan utama dan jalan industri banyak di situ industri. Tiap-tiap pagi saya pun lalu situ memang ia bergoncanglah kenderaan kita kerana jalan pecah. So kita harap apa ini boleh di baiki supaya menjaga imej kita kepada industri dan orang lalu itu jalan penting. Itu yang kedua. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi, saya berterima kasih kepada Bangi saya juga Y.B. Bangi betul-betul jaga kawasanlah. Jadi, kedua saya dapatitulah sebabnya kita sekarang mula menurunkan wang MARRIS dan itu kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan meminta Ahli Dewan Undangan Negeri terlibat dalam penentuan ke mana yang mengutamakan tempat-tempat yang diperbaiki. Jadi dengan cara itu, diadakan lebih rapat dan mengetahui tentang keadaan prasarana di kawasan itu tak mula. Pada awalnya saya dapat teks juga ada orang kata kita bukan suruh jaga jalan tapi nampaknya bila dia dah buat dia tahu tapi dengan itu dia dapat bersama-sama menyelesaikan masalah utama di tempat kita ini ialah jalan raya yang berlubang –lubang. Jadi itulah masalah yang ada kematian juga yang berlaku. Tapi kita bernasib baik saya tanya rakan saya di Australia tentang masalah prasarana *then* dia kata *you* telefon kita punya kawan dekat Melbourne dia kata dia Timbalan Mayor Melbourne. Dia kata Malaysia *no sweat* dia dari Australia dia cakap macam itu tidak kerana kita ada dua cuaca sahaja kita ada panas dan hujan dia ada *four season*, *winter* lagi dia kata *we maintain better*. Maknanya kita punya sistem pengurusan masih belum lagi dia *four season*. Dia *four season*, *we have only two season* jadi maknanya kedua salah satu yang diberitahu oleh JKR kepada saya masa *briefing*. Jalan-jalan kita ini sudah lama,

setengah daripada jalan kita ini sudah di bina, dibuat dan tidak diperbaiki balik, tak di remajakan selama sejak 5 tahun. Jadi, *life span* jalan kita ini 25 tahun. Jadi itu sebab, saya dapati perlu ada penyelesaian tentang perkara ini dan bila Bangi terangkan kepada saya tentang jalan kalau *elevated* lah saya nak ingatkan Y.B. Bangi, RM25 juta murah. Saya ingat tak ada di buat *elevated*. *Elevated* ini beratus juta, kalaular 2-3 kilometer dia itu beratus juta. Jadi, tak apa saya rasa yang bagusnya ialah dengan ada ini kita akan tahu keadaan-keadaan di mana dan Dato' Pengerusi pun saya nak *check* duit ada perancangan ada, jalan tak siap lagi. Macam mana kita nak selesaikan this is a *organization and management test*.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terakhir Tuan Pengerusi.

TUAN SPEAKER: Dah habis masa Yang Berhormat. Dah habis masa dah.

Y.B. PUAN LEE YING HA: Tuan Pengerusi.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Pengerusi.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Pengerusi.

TUAN SPEAKER: Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kajang ingin merujuk kepada butiran 505000 – Vot B01 – Pejabat Menteri Besar. Berkaitan dengan program dua Pejabat Menteri Besar, Kajang ingin menyentuh berkaitan dengan pengurusan di Pejabat Menteri Besar kerana Pejabat Menteri Besar memang merupakan otak minda seluruh pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. Dan pusat kawalan ini memang amat penting kerana ia yang akan menentukan dasar dan juga strategi.

Kita bersyukur alhamdulillah kerana kita dapat satu Menteri Besar yang berpengalaman dan komited. Jadi, Kajang ingin bertanya sama ada Pejabat Menteri Besar juga dibantu dengan perunding-perunding atau pakar-pakar yang sentiasa memberi nasihat dan juga idea-idea berkaitan dengan pembangunan di Negeri Selangor. Seperti, kita ada satu contoh di Pulau Pinang di mana diwujudkan satu institusi dinamakan *Penang Institute* yang merupakan satu *think-tank* ataupun satu badan institusi strategi pembangunan. Itu soalan pertama.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi dan Yang Berhormat daripada Kajang. Saya mula-mula juga tertarik untuk menubuhkan satu *independent advisory group*. Tapi apabila saya dapati terlalu banyak soalan seperti mengapa kita pilih

Penasihat Ekonomi, saya mula rasa saya sibuk banyak menjawab hal lain daripada itu. Tapi saya rasa untuk kebaikan negeri masa depan, kita juga mesti ada apa yang dipanggil *Research Centre*. *Research* yang kumpulannya bukan fikir tentang politik tetapi saya fikir tentang polisi-polisi yang baik, yang boleh dilaksanakan untuk negeri.

Jadi, *the think-tank* ini tidak sentiasa memikirkan tentang apa yang perlu diubah, apa yang perlu dilaksanakan. Saya terima. Dan kalau itu berlaku tentulah ada bajet di dalam ini untuk penubuhan *think-tank* ini. *I think* di Amerika, di England, di Australia tiap-tiap negeri pun ada dia punya *think-tank*. Tapi di Malaysia sudah ada. Malaysia di Kerajaan Persekutuan sudah ada. Dia ada dia punya *think-tank* tapi saya tak nak *complaint* dekat Dewan ini, saya *complaint* di Dewan Parlimen. Kosnya terlalu tinggi, kos dia terlalu tinggi. Jadi, jawapannya dia ada dua birokrasi. Satu *think-tank*, satu penjawat awam. Jadi itu pun tak betul. Tapi, saya terima konsep penasihat untuk menentukan hala tuju yang sentiasa dipantau.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih. Seterusnya Kajang ingin merujuk kepada jawatankuasa-jawatankuasa iaitu yang pertama Jawatankuasa Tetap PBT. Kita dapat dalam laporan, adanya pelesenan industri burung walit. Pada ketika sekarang kita nampak pelesenan ini memang dikeluar oleh PBT, tapi masalah rumah orang burung walit ini seperti tidak terkawal di Negeri Selangor. Merata saja ada. Di sawah ada, di hutan ada, di bandar, di atas kedai pun ada dan nampaknya tidak terkawal. PAC ataupun Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam telah mengarahkan jabatan berkaitan untuk memberi penerangan dan kita telah mendapati Pejabat Daerah Tanah juga terlibat, Jabatan Veterinar juga terlibat dengan PBT. Maka, Kajang ingin bertanya adakah satu unit ataupun pejabat khas untuk menjadi pejabat penyelarasan industri burung walit selain daripada yang ditugaskan untuk memberi lesen pada PBT?

Dan soalan seterusnya berkaitan dengan PBT juga. Berkaitan dengan “Zon Bersih, Bandar Selamat dan juga LA21”. Kajang mendapati ketiga-tiga tugas ini ataupun jawatankuasa dalam PBT “Zon Bersih, Bandar Selamat, LA21” memang telah didapati kurang perancangan. Kerja-kerja ataupun aktiviti yang dijalankan khasnya dari segi infrastruktur dan juga pembaikan dan juga seterusnya memang merupakan macam bermusim.

Satu contoh di tempat kediaman sayalah terletak di Bangi juga kawasan Bangi. Saya sudah membuat aduan berkaitan dengan korekan kabel-kabel (penanaman kabel-kabel) dan jalan rosak. Saya dah buat aduan, tangkap gambar, MMS pun dah hantar kepada PBT tapi 2 tahun tak ada tindakan. Setiap kali kereta, motor lalu di situ mesti bunyi kuat kerana terjatuh ke dalam jalan yang dikorek dan seperti satu longkang. Hanya apabila sudah dilancar Zon Bersih selepas 2 tahun, kawasan itu diturap dan

dibersihkan dan diletakkan tong-tong sampah. Merata ada tapi tong pun kosong, tak ada sampah. Jadi, adakah kerja-kerja sebegini (rancangan seperti ini) berkesan? Dan bagaimana boleh menjadikan ia lebih berkesan dan terancang? Ini soalan pada PBT.

TUAN SPEAKER: Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, bukan PBT.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, mengenai industri burung walit sebenarnya Negeri Selangor sekarang ada dua garis panduan yang diguna pakai. Satu daripada pusat, satu daripada khas untuk Selangor yang digubalkan di Negeri Selangor yang ada berlainan sedikit di sini, di sana. Sebenarnya dengan ada garis panduan yang sedia ada, kita sekarang boleh katakan kita sekarang bermula untuk menyusun semula industri burung walit. Sebelum itu, memang tak ada garis panduan yang seragam dan memang Kajang betul. Sampai hari ini industri ini masih nampak tidak tersusun kerana susah bagi PBT sekarang selepas ada garis panduan untuk mengambil tindakan terhadap pengusaha-pengusaha yang menyalahgunakan premis seperti kedai dan sebagainya. Tetapi isu ini bukan senang kerana industri sudah lama ada tanpa syarat-syarat yang seragam dan sebagainya. Jadi, kerajaan sekarang bercadang memberi masa yang cukup untuk pengusaha mengusahakan untuk berpindah. Tetapi kita tak berani menetapkan masa lagi kerana terlalu banyaklah di sini dan sana.

Saya bagi satu contoh. Ada rumah kedai di kawasan seperti Sabak Bernam, dia memang tak ada orang untuk menyewanya, jadi dalam masa 10 tahun, 12 tahun yang lalu mereka sudah gunakan kedai-kedai ini sebagai Industri Burung Walit. Takkan sekarang kita boleh ambil saja daripada Barisan Nasional, kita pula untuk menghalau mereka? Jadi, ini akan mengambil sedikit masa supaya kita akhirnya dapat menyusun industri dengan baik.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Kajang ingin meminta penjelasan dari segi data iaitu tidak semuanya di waktu Barisan Nasional. Selepas Pakatan Rakyat mengambil alih dan sehingga hari ini masih Kajang mendapat merata. Ada tertubuhnya (dibina) rumah-rumah Burung Walit yang baru dan Kajang dapat memang mengesyaki tidak ada lesen operasinya.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, sebenarnya sejak kita ada garis panduan, kita telah meminta semua pengusaha yang baru mereka harus mengikut garis panduan yang baru supaya dapat lesen. Kalau tidak mengikut yang baru, mereka tidak dapat lesenlah. Tetapi apa yang dikatakan tidak dalam keadaan yang susun itu, kita sentiasanya mengeluarkan Lesen Sementara untuk pengusaha-pengusaha itu.

Jadi semua PBT diberi arahan untuk memantau perkara ini dengan rapi. Memang kita tak mahu industri ini menjelaskan alam sekitar dan sebagainya. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Bagaimana dengan Zon Bersih, Bandar Selamat dan LA21?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Zon Bersih merupakan satu projek yang baru sejak Pakatan Rakyat mengambil alih di Negeri Selangor. Sebelum ini tak ada projek itu. Projek ini diilhamkan kerana kita rasa kita mewujudkan sebuah negeri yang lebih bersih, lebih hijau dan lebih selamat dan

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, saya minta jawapan itu terus kepada pertanyaan kerana kita tak perlu bagi penerangan latar belakang lagi.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Ok. Kalau tak mahu latar belakang, maksudnya (tujuannya) ialah menjadikan negeri lebih hijau, lebih bersih. Jadi sebelum tu tak ada. Jadi, memang ambillah masa sebab kalau mahu kita (dengan izin) *organize* untuk menjadikan negeri sangat bersih dan hijau memang susah, bukan senang. Jadi, lepas itu

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Pengurus, masalah yang saya bangkitkan adalah kerana tidak terancang.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Zon Bersih ini satu-satunya usaha untuk mengadakan rancangan yang lebih baik, yang rapi kalau berbanding dengan dulu. Dulu memang kita nampak, kita tidak puas hati dengan keadaan yang sedia ada. Jadi kita ambil langkah-langkah yang tertentu untuk menjadikan Negeri Selangor lebih baik. Jadi, bukan senang untuk sebab kita hampir 4 tahun saja lepas itu semua jadi terancang dengan baik. Tidak itu. Jadi, saya tidak berapa faham apa maksud Kajang apabila katakan mengapa kita ada Zon Bersih dan macam tidak ada koordinasi dan sebagainya. Saya tak berapa faham.

Ini merupakan satu langkah di antara banyak langkah-langkah lain diambil oleh PBT untuk mempertingkatkan lagi keadaan ataupun alam sekitar secara keseluruhannya.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Pengurus, walaupun ada dijawab tapi nampaknya tak dijawab ya. Tak apa.

Saya teruskan dengan soalan yang seterusnya berkaitan dengan Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, juga berkaitan dengan PBT iaitu didapat

pengurusan sisa pejal. Ada tiga jenis sampah iaitu sampah pukal dan sampah binaan. Yang jenis kedua sampah kebun dan ketiga sampah domestik. Saya tak masukkan sampah industri (sisa industri). Ketiga-tiga jenis sampah ini kita nampak masih tidak diuruskan dengan baik. Oleh kerana pemantauan dan juga khasnya tapak-tapak pelupusan sampah ini memang dari segi cajnya dari segi lokasinya memang menjadi satu tapak yang mereka (kontraktor-kontraktor) tidak begitu suka nak hantar. Akibatnya terdapat tapak buangan sampah yang haram (yang tidak dapat kebenaran) dan juga sampah kebun seperti soalan yang dibangkitkan lebih awal iaitu satu pusat.

Kita sempat pergi ke Australia dan kita nampak memang perbandarannya menyediakan satu tapak di mana semuanya sampah-sampah kebun termasuk pokok-pokok yang ditumbang oleh Jabatan Landskap. Semua di bawa dan dihancurkan ditapak itu dan dijadikan baja dan juga untuk *landscaping* di taman-taman. Dan juga sampah domestik seharusnya ianya bukan saja *recycle*, tapi *resource recovery* (dengan izin) iaitu semuanya boleh diguna semula.

Jadi, adakah rancangan dalam kerajaan untuk memastikan kesemua kemudahan ini (kelengkapan ini) disediakan? Selain itu, berhubungan dengan jawatankuasa tetap yang sama didapati ada tugas pendaftaran kontraktor ataupun pembekal. Dan Kajang mendapati pada keadaan sekarang apabila ada kerja-kerja, tender ataupun sebut harga dibuka ramai daripada rakyat tak dapat menyertai kerana Kelas F iaitu Lesen Kelas F ini sudah dibeku. Orang yang baru yang memang ada kepakaran, ada pengalaman tapi tak ada lesen tak dapat masuk. Jadi, Kajang menggesa kerajaan membuka apa yang dikatakan Kelas F Selangor khas untuk Negeri Selangor supaya boleh bagi peluang pada rakyat Selangor ini melibatkan diri dalam usaha menjadi kontraktor dan pembekal. Itu saja.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, perkhidmatan untuk mengutip sampah untuk menjadikan alam sekitar bersih adalah satu proses yang akan ambil masa yang panjang. *It's on going* (dengan izin) kerana PBT baru saja mengambil alih *business* ini ataupun kerja ini sejak Mac tahun ini. Jadi saya minta Yang Berhormat memberi masa supaya negeri bersama dengan semua PBT dapat sentiasa memantau keadaan ini dan dengan saya berkeyakinan kita akan akhirnya menjadi lebih fasih dan lebih cekap dalam pengurusan sampah ini. Memang masa sudah sampai tapi

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, ingin mencelah minta tanya sama ada kerajaan telah apakah usaha yang telah dibuat untuk mengatasi masalah ini?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Sejak kita ambil alih, kita telah ada beberapa lawatan ke Singapura dan luar negeri yang lain untuk mencari satu cara

ataupun teknologi yang lebih baik. Apa yang disebut oleh Kajang tadi memang dalam kajianlah termasuk macam mana kita melupuskan sampah-sampah yang dalam *difference touch of* sampah jenis sampah yang berlainan perlukan proses yang berlainan. Jadi semua ini dalam kajian dan sekarang memang Negeri Selangor diberi peluang untuk mencari cara yang lebih baik. Bukan gunakan cara *conventional* yang disebutkan sudah tidak berapa baik lagi, tidak berapa berkesan lagi. Jadi ini proses akan diteruskan dan mesyuarat dan bengkel dan *workshop* akan diteruskan supaya satu hari nanti kita boleh bersama-sama menjadikan pengurusan sampah domestik ke industri ke atau pun sampah pukal ke semua menjadi baik. Jadi sebab itu selepas Dewan ini saya sendiri akan mempengaruhi satu mesyuarat dan juga seterusnya mengadakan *workshop* di mana semua kontraktor, semua pegawai dan juga penyelia sampah dan sebagainya akan ada mesyuarat bersama, forum bersama supaya kita menjadikan perkhidmatan ini lebih baik di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Soalan berkenaan lesen kontraktor.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Lesen kontraktor itu di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Kerajaan pernah mencadang adakan Kelas F Selangor. Jadi bagaimana dengan statusnya adakah kita akan buka.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Perkara ini telah dibangkitkan 2, 3 tahun yang lalu, dan apabila kita mendapati lesen kelas F telah dibekukan di seluruh Malaysia termasuk Selangor. Lepas kajian itu kita mendapati ini adalah di luar bidang kuasa Selangor untuk mengadakan kelas F khas untuk Selangor itu kita tidak ada kuasa itu. Terima kasih. .

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Akhir sekali berkaitan dengan jawatankuasa tetap tapi tidak terdapat dalam kandungan laporan sepatutnya ada dia harus dimasukkan luar bandar tapi tiada satu hal berkaitan Hal Ehwal Orang Asli. Walaupun dia ada Jabatan di Kajang.

Y.B. TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, yang pertama masa dah sampai, yang kedua itu sepatutnya bangkitkan semasa perbahasan dasar kalau nak minta Jawatankuasa Hal Ehwal Orang Asli ni. Itu soalan dasar ya. Masa dah sampai. Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Pengurus, saya ingin merujuk kepada muka surat 136, butiran 505000 perkara 15 berkenaan dengan Jawatankuasa Tetap Infrastruktur

Dan Kemudahan Awam. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat tentang keperluan untuk naik taraf Jalan B27 iaitu dari Tol Rawang ke Bandar Tasik Puteri, Jalan FT3209 dari Rawang Tol ke Pekan Rawang yang mana sepanjang jalan ini kalau ikut penjelasan Yang Berhormat tadi untuk jalan-jalan di Negeri Selangor kedua-dua jalan ini sudah memenuhi kategori melebihi 20 tahun. Jadi saya difahamkan memang untuk Jalan B27 pihak JKR Negeri Selangor telah mengambil tindakan untuk naik taraf tetapi di simpang-simpang tertentu sahaja yang terpilih dan peruntukan yang sedia ada memang tidak mencukupi kalau hendak menaik tarafkan keseluruhannya jalan tersebut yang mana Yang Berhormat sendiri pun pernah melalui jalan tersebut semasa melancarkan EON di Rawang. Jadi saya rasa Yang Berhormat jelas dengan apa keadaan jalan tersebut. Jadi saya mohon kalau boleh ada tak apakah perancangan jangka panjang untuk jalan-jalan negeri seperti ini yang sebelum ini sememangnya dijanjikan untuk di naik tarafkan oleh Kerajaan Persekutuan. Tetapi sekarang tanggungjawab diserahkan balik kepada Kerajaan Negeri Selangor. Jadi saya mohon supaya kalau rizab yang tinggi atau pun Geran Selangorku boleh dikaji untuk tambahkan lagi peruntukan yang sedia ada untuk menaik taraf jalan B27 ini begitu juga dengan jalan FT3209. Jadi saya mohon penjelasan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengurus, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Rawang itu ialah perkara apabila pembangunan itu berlaku, terdapat kekurangan prasarana atau pun jalan-jalan, parit-parit untuk membangunkan pembangunan tersebut. Jadi saya telah mula mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai perancangan supaya dalam kelulusan yang kita beri umpannya untuk pembinaan Hypermarket dan seterusnya. Sudah tentulah kita tahu bahawa hasil daripada pembinaan tersebut bukan beratus, beribu kereta akan masuk ke kawasan tersebut. Jadi bukan sahaja kelulusan mesti diberi untuk pembangunan-pembangunan itu kita juga kena tetapkan supaya pemaju yang melakukan itu terpaksa membuat pemberian kepada jalan-jalan yang akan memasuki kawasan tersebut. Jadi dulunya ini menjadi satu perundingan antara pemaju dan Pihak Berkusa Tempatan dan negeri. Mereka berkata mereka buat ini dan yang lain-lain tu biar negeri buat. Tapi saya tengok bajet dia tidak cukup begitu. Jadi oleh sebab itu sekarang kita masukkan kesemua kos-kos pembangunan tersebut dalam satu perancangan dan ini kos itu termasuk ke dalam pemberian jalan itu pun termasuk dalam kos tersebut dan kita lihat adakah dengan ini pemaju masih mendapat pulangan yang sesuai iaitu 20% dari *cost development value*. Jadi kalau dia dapat begitu maknanya kajian itu menunjukkan pemaju boleh membiayai projek tersebut pemberian jalan dengan masih lagi mendapat keuntungan yang munasabah. Jadi konsep ini tidak dibincangkan. Konsep ini itu sebab saya percaya apa yang dibangkitkan oleh Rawang ini memberikan kita usaha supaya kita dapat perkenalkan konsep yang *fund* atau pun *trust fund* atau pun kumpulan wang di Pihak

Berkuasa Tempatan untuk membetulkan prasarana yang di sana. Jadi kalau takde pun kalau itu tak berlaku baru Kerajaan Negeri akan memasukkan dana dia.

Perkara yang ketiga saya juga bercadang untuk pihak JKR membuat program memberitahu Kerajaan Pusat berapa jalan-jalan yang sudah berumur lebih dari pada 25 tahun supaya dapat kita masukkan dalam perancangan Malaysia yang akan datang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Nak minta sedikit penjelasan lanjut lagi. Sebab untuk makluman Yang Amat Berhormat, apa yang diperhatikan *under ground* sekarang dengan izin. Memang pembangunan infra maksudnya pembangunan perumahan atau pun komersial itu lebih cepat daripada pembinaan jalan walau pun usaha telah diadakan untuk bincang untuk syaratkan tetapi yang nyata *under ground* pihak pemaju lebih suka untuk buat penjualan perumahan atau pun komersial dulu daripada buat jalan disyaratkan. Jadi saya nampak dalam aspek Jalan B27 ni memang pihak Kerajaan Negeri kena mainkan peranan untuk adakan peruntukan tambahan sebab peruntukan memang ada, sedia ada difahamkan JKR Selangor telah *start* dengan kerja ukur tanah dan sebagainya. Tetapi untuk keseluruhannya menyelesaikan isu *Botanic* di jambatan itu sebenarnya tidak di *address* dengan izin.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengurus, perkara yang dibangkitkan oleh Rawang minggu lepas telah dibincangkan di MTES. Dan pemaju tersebut sepatutnya membuat jambatan dan jalan ke kawasan tersebut. Pemaju tersebut, dia lupa untuk membuat tapi dia kata dia nak tunggu orang-orang yang bersebelahan buat projek tersebut dan baru dia ambil duit daripada orang tersebut untuk buat jambatan. Jawapan kita, kita dapati sebenarnya jambatan itu perlu bukan kerana pemaju ni ia ini sebelum 2008 dibenarkan untuk mengalih sungai tersebut. Dialih sungai tu sungai tu perlu jambatan. Dia buat-buat lupa buat jambatan dan jalan tu. Jadi kita telah buat keputusan kalau dia tak buat jambatan ni dalam masa yang kita tetapkan projek dia tidak diluluskan. Sudah kita dah buat keputusan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Boleh saya tahu tempoh masa berapa panjang yang ditetapkan sama ada 2 minggu, 1 bulan, ke macam mana sebab ini dah lebih 20 tahun kita tunggu.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ketawa. Menunggu 20 tahun dengan 2 bulan. Kita dah tetapkan maknanya minggu depan biasanya oleh kerana minggu ini kita tak ada mesyuarat, minggu depan ada minit mengatakan apa *action under the other side*. Itu sajalah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian terhadap butiran 505000 perkara 6 Jawatankuasa Tetap Tanah. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sejauh manakah sistem IT digunakan untuk mengurangkan beban kerja *paper* dengan izin kertas yang ada di pejabat tanah. Seperti yang kita sedia maklum ni sistem hasil dengan sistem daftar hak milik tidak *recognize* kan dengan izin. Jadi maksudnya banyak *manpower* perlu digunakan untuk selesaikan *gate* yang ada antara kedua-dua sistem ini. Sejauh manakah pihak Kerajaan Negeri telah dapatkan satu jalan penyelesaian dari segi sistem untuk isu yang tertimbul ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Pengerusi, perkara ini masih dalam perbincangan sebab ada 2 sistem yang besar. Satu sistem itu dibina melalui peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Satu sistem dibina oleh negeri. Bila kita nak cantumkan kedua, pusat tidak berasa setuju tentang percantuman tersebut. Itu sebab sekarang kita kena ada satu sistem untuk *update the changes* bila *update the changes* kita masukkan dalam sistem kita. Sekarang dia orang tengah buat sistem *to record the changes* setiap ada perubahan dan perubahan ini dimasukkan dalam sistem kita dan *update* kita punya perubahan. Itu tengah dibuat.

TUAN SPEAKER: Masa dah sampai Jadual B(1) iaitu Wang Sejumlah RM 94,713,174.03 untuk Kepala B(1) Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Menjadi Sebahagian Daripada Jadual. Ahli-ahli Yang Berhormat Bersetuju Sila Kata Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat Tidak Bersetuju Sila Kata Tidak. Dipersetujui.

Dewan bersidang semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan 5.30 petang maka saya tangguhkan Dewan ini sehingga Hari Isnin jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)